

**PARLIMEN KESEBELAS**

**PENGGAL KETIGA**

**MESYUARAT KEDUA**

---

---

**Bil. 27**

**Rabu**

**13 Disember 2006**

---

**K A N D U N G A N**

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**USUL:**  
Meminda Susunan Aturan Urusan Mesyuarat (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**  
Rang Undang-undang Perbekalan 2007 (Halaman 31)

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Dato' Seri Dr. Abdul Hamid Pawanteh, P.S.M., S.P.M.P. (Dilantik)
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Dato' Ir. Wong Foon Meng, D.P.M.T. (Dilantik)
3. “ Dato' Haji Abdul Rahman bin Suliman (Dilantik) – *T.M di JPM*
4. “ Dato' Haji Abdul Rashid bin Ngah (Dilantik)
5. “ Datuk Armani binti Haji Mahiruddin (Sabah)
6. “ Datuk Hajah Azizah binti Abd. Samad (Dilantik)
7. “ Tuan Ahmad bin Husin (Perlis)
8. “ Dato' Azian bin Osman (Perak)
9. “ Datuk Chew Vun Ming (Dilantik)
10. “ Tuan Chiw Tiang Chai (Dilantik)
11. “ Tuan Chua Kim Chuan (Kedah)
12. “ Datuk Hajah Dayang Mahani binti Tun Pg. Ahmad Raffae (Dilantik)
13. “ Dato Sri Empiang Jabu (Sarawak)
14. “ Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad (Dilantik)
15. “ Tuan Gooi Hoe Hin (P. Pinang)
16. “ Puan Heng Seai Kie (Perak)
17. “ Tuan Ir. Hiang A Li (Pahang)
18. “ Tuan Hii Tiong Kuoh (Dilantik)
19. “ Dato' Haji Idris bin Haji Buang (Sarawak)
20. “ Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak (Selangor)
21. “ Tuan Ismail Kasim (Perlis)
22. “ Datuk Jins Shamsudin (Dilantik)
23. “ Dato' Haji Kamarudin bin Haji Ambok (Dilantik)
24. “ Tuan Krishnan a/l Tan Sri Dato' N.S. Maniam (Dilantik)
25. “ Datuk Latiff bin Datuk Haji Tamby Chik (Melaka)
26. “ Tuan Lee Chee Keong (Negeri Sembilan)
27. “ Datuk Dr. Lee Chong Meng (Dilantik)
28. “ Tuan Lee Sing Chooi (W. Persekutuan KL)
29. “ Tuan Majjol bin Mahap (Sabah)
30. “ Dato' Sri Mohd. Effendi bin Norwawi [Dilantik] – *Menteri Di JPM*
31. “ Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi (Johor)
32. “ Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani (Dilantik)

33. “ Tan Sri Dato’ Muhammad bin Muhammad Taib (Dilantik)
- 34.** “ Puan Mumtaz binti Md Nawī (Kelantan)
35. “ Tuan M. Munusamy (Dilantik)
36. “ Dato’ Musa bin Haji Sheikh Fadzir (Dilantik)
37. “ Che Puan Sri Kelana D’Raja Datin (Dr.) Hajah Nik Azizah binti Haji Nik Yahya (Dilantik)
38. “ Puan Nordiana binti Datuk Haji Shafie [Terengganu]
39. “ Datin Paduka Nor Hayati binti Tan Sri Dato’ Seri Onn (Dilantik)
40. “ Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop (Dilantik) - *Menteri Kewangan Kedua*
41. “ Dato’ Dr. Norraesah binti Mohamad (Dilantik)
42. “ Dato’ Omar bin Faudzar (Pulau Pinang)
43. “ Tuan Osman bin Bungsu (Dilantik)
44. “ Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson (Dilantik)
45. “ Dato’ Rhina Bhar (Dilantik)
46. “ Datuk Haji Rizuan bin Abd. Hamid (W. Persekutuan KL)
47. “ Datuk Haji Roslan bin Awang Chik (Dilantik)
48. “ Datuk Soon Tian Szu [Melaka]
49. “ Dato’ Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed (Dilantik)
50. “ Dato’ Hajah Samsiah binti Samsudin (Negeri Sembilan)
51. “ Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato’ Syed Zain
52. “ Puan Hajah Siti Rokiah binti Mohd. Zabidin (Pahang)
53. “ Puan Siw Chun a/p Eam (Perlis)
54. “ Datuk Wira Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee (Dilantik)
55. “ Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain (Dilantik)
56. “ Tuan Tan Bon You (Dilantik)
57. “ Tuan Tay Puay Chuan (Johor)
58. “ Dato’ Dr. Vijayaratnam a/l S. Seevaratnam (Dilantik) - *SUPAR*
59. “ Puan Hajah Wan Hazani binti Haji Wan Mohd. Nor (Dilantik)
60. “ Dato’ Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh (Terengganu)
61. “ Tuan Wan Nordin bin Che Murat (Perlis)
62. “ Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad (Dilantik)
63. “ Puan Wan Ubaidah binti Omar (Kelantan)
64. “ Datuk Yaakob bin Haji Mohammad (Kedah)
65. “ Dato’ Yip Kum Fook (Selangor)

**DEWAN NEGARA**

**Setiausaha Dewan Negara**

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

**Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)**

Roosme binti Hamzah

**PETUGAS-PETUGAS**

**PENERBITAN PENYATA RASMI (HANSARD)**

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Hajah Supiah binti Dewak

Hajah Kamisah binti Sayuti

Sarimah binti Amran

Abd. Talip bin Hasim

Hadzirah binti Ibrahim

Jamilah Intan binti Haji Bohari

Hairan bin Mohtar

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Nurul Asma binti Zulkepli

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Norasmawati binti Mohamed Nor

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Zaida Zuriani binti Mohd Zamli

Azmir bin Mohd Salleh

Norhasani binti Yaacob

Nurul Shahida binti Haji Ahmad

**MALAYSIA**

**DEWAN NEGARA**

**Rabu 13 Disember 2006**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

---

**USUL**

**MEMINDA SUSUNAN ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Hajah Rohani binti Haji Abdul Karim]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Mengikut Peraturan Mesyuarat 13(2), bahawa pertanyaan Nombor 2 di dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini dikebelakangkan ke Nombor 6 dan pertanyaan-pertanyaan Nombor 3 hingga Nombor 6 dijadualkan semula sebagai pertanyaan Nombor 2 hingga Nombor 5 dalam Aturan Urusan Mesyuarat pada hari ini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan [Puan Noriah binti Kasnon]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui.

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**1. Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada kementerian bercadang untuk mengkaji dua laporan pendidikan dan pembelajaran UNESCO yang bertajuk *Learning to Be* (1971); dan *Learning Treasure Within* (1996) di mana laporan-laporan ini ada memberi penekanan kepada *Value Oriented Education*, yang tertumpu kepada pembentukan sifat dan prinsip persefahaman sejagat, pembentukan keperibadian, personaliti dan sahsiah diri serta prinsip-prinsip keamanan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pelajaran Malaysia melalui Pusat Perkembangan Kurikulum atau PPK, telah mengkaji dengan teliti laporan pendidikan dan pembelajaran UNESCO iaitu *Learning to Be* (1971) dan *Learning Treasure Within* (1996).

Untuk makluman, mata pelajaran pendidikan sivik dan kewarganegaraan serta pendidikan moral telah diintegrasikan dengan empat prinsip penting pendidikan iaitu:

- (i) *Learning to Know;*
- (ii) *Learning to Do;*
- (iii) *Learning to Live Together; dan*
- (iv) *Learning to Be.*

Mata pelajaran pendidikan sivik merupakan mata pelajaran teras yang telah diperkenalkan pada tahun 2005. Dalam penggubalan kurikulum mata pelajaran ini, empat prinsip pendidikan yang penting iaitu:

- (i) belajar untuk mengetahui iaitu *Learning to Know;*
- (ii) belajar untuk bertindak iaitu *Learning to Do;*
- (iii) belajar untuk hidup bersama iaitu *Learning to Live Together*, dengan izin; dan
- (iv) belajar untuk membentuk peribadi iaitu *Learning to Be*, dengan izin telah diberi penekanan.

Semua prinsip tersebut disepadukan melalui tema yang merangkumi perkembangan diri murid, murid dengan keluarga, masyarakat, budaya, negara dan cabaran masa depan. Bagi mata pelajaran pendidikan moral pula, empat prinsip juga menjadi fokus utama dalam penggubalan mata pelajaran ini. Semua prinsip penting pendidikan ini diterapkan melalui bidang pembelajaran yang berkaitan dengan nilai.

Melalui mata pelajaran pendidikan sivik dan kewarganegaraan dan pendidikan moral, sifat dan prinsip persefahaman sejagat, membentuk keperibadian, personaliti dan sahsiah diri serta prinsip-prinsip keamanan dapat diterapkan kepada murid. Terima kasih.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendidikan bukanlah suatu proses sekadar untuk menyiapkan anak-anak berketerampilan *elegant* atau sekadar untuk memenuhi jawatan. Tetapi pendidikan lebih kepada bagaimana untuk menjadikan manusia itu bersifat manusia.

Soalan saya ialah dalam konteks masalah sosial hari ini, apakah Kementerian Pelajaran akan meninjau soal ini secara lebih mendalam lagi? Adakah budaya jangan mengambil hak orang, budaya bersih, budaya harmoni dan budi bahasa akan diterapkan secara berkesan dalam sistem pendidikan sekolah kita? Ini kerana penekanan hari ini ialah kepada mengejar pembangunan fizikal dan sebagainya. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang apabila kita lihat ataupun meneliti falsafah pendidikan, fokus dan penekanan *philosophy* pendidikan adalah untuk melahirkan insan yang baik, supaya mereka ini menjadi warganegara yang baik pada masa hadapan.

Salah satu daripada fokus kita adalah pembinaan akhlak dan kita lakukan ini bukan sahaja melalui kurikulum tetapi juga melalui bidang ko-kurikulum di mana pelajar-pelajar diberi peluang untuk mengamalkan, apakah itu nilai-nilai murni yang dimaksudkan? Memang di Kementerian Pelajaran, kami sedar bahawa pada masa ini sistem pendidikan mestilah menepati keperluan zaman atau keperluan pada masa kini dan penerapan nilai-nilai murni ini memberi satu fokus yang kuat oleh Kementerian Pelajaran.

Kementerian pun sedar bahawa penerapan nilai-nilai murni ini pada peringkat awal dapat membendung penularan fahaman dan juga amalan yang mungkin bercanggah dengan syariat kehidupan mulia. Dengan langkah-langkah yang diambil melalui kurikulum dan juga ko-kurikulum, kami yakin bahawa kami dapat melahirkan insan yang mulia. Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah dalam tempoh 20 tahun ini iaitu satu generasi, kita hanya menjadikan anak-anak kita ini sebagai bahan ujian. Kurikulum demi kurikulum diperkenalkan sehingga mereka menjadi mangsa.

Soalan tambahan saya ialah, apakah kementerian mengakui bahawa sekarang ini wujud apa yang dikatakan sebagai krisis pendidikan dan kita perlu mengemukakan satu laporan menyeluruh yang boleh kita namakan Laporan Hishamudin sebagai contohnya? Kita mesti melihat semula secara komprehensif keseluruhan kurikulum pendidikan kita termasuklah memartabatkan sistem perguruan ini supaya dia lebih berkualiti. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa kalau kita katakan kita ada krisis dalam sistem pendidikan ini adalah terlalu *harsh* dengan izin. Memang di kementerian, kami selalu menyemak semula kurikulum seperti yang telah saya nyatakan tadi supaya kurikulum dan ko-kurikulum itu menepati keperluan semasa.

Satu lagi fokus Kementerian Pelajaran adalah untuk latihan guru, sebab kualiti guru akan mengimpak kepada kualiti pendidikan dan seperti yang telah saya katakan tadi, semakan ini dijadikan secara berterusan dan kami mengambil beberapa langkah supaya sistem yang kita adakan tidaklah terlalu *exam oriented*, dengan izin, dan kami pun telah memulakan *assessment* secara *classroom base*.

Kami harap dengan usaha-usaha dan langkah-langkah yang telah diambil ini, pengalaman pelajar itu menjadi seronok supaya mesej kita ialah *Learning is Fun*, dengan izin. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah, sebelum itu saya teringat komen rakan saya dari Amerika yang mengajar Bahasa Inggeris yang mengatakan bahawa kalaulah ada kursus '*Quiet One O One*' – '*Diam One O One*' semua kami akan dapat 'A' kerana diamnya pelajar kita ataupun tidak responsifnya pelajar-pelajar kita di dalam kelas.

Saya ingin tahu apakah bentuk-bentuk usaha untuk menjadikan anak-anak kita lebih kreatif dan ataupun mengajar mereka *public speaking* supaya mereka lebih aktif di dalam kelas dan supaya mereka dapat memberikan atau menghidupkan suasana dalam kelas dan tidak terlalu diam apabila ditanyakan soalan-soalan. Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang satu lagi fokus kementerian adalah untuk melahirkan pelajar-pelajar yang mampu berfikir secara kreatif dan juga *kritis*. Dengan itu sistem pendidikan diubah daripada satu sistem pembelajaran yang sebelum ini berasaskan ingatan atau dengan izin, *memory base learning* kepada pembelajaran menyeronokkan iaitu *learning is fun*.

Memang seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat proses interaksi di antara guru dan juga pelajar-pelajar harus dipertingkatkan dan memang kurikulum sekolah pun telah membuat satu ruang untuk membolehkan guru-guru dan murid-murid berinteraksi dengan lebih efisien supaya mereka ini dapat menekankan aspek pembangunan minda, *kreativiti* dan sebagainya. Dengan langkah-langkah ini kami harap bahawa pengalaman pendidikan di sekolah lebih menyeronokkan. Terima kasih.

**2. Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan bagaimanakah dasar pekerjaan negara akan dapat dimantapkan lagi di dalam RMK-9, terutama memandangkan kerajaan masih belum mempunyai data pekerjaan di Malaysia yang lengkap dan terkini.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli Dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Tuan Yang di-Pertua izinkan saya hari ini jadi 'bidan terjun' untuk menjawab bagi pihak Kementerian Sumber Manusia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bersetuju kah?... [*Bertanya kepada Yang Berhormat Dato' Musa bin Sheikh Fadzir*]

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Ya.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini sedang menjalankan Kajian Penyata Guna Tenaga Kebangsaan untuk membangunkan pangkalan data berkenaan guna tenaga negara mengikut kategori pekerjaan, jantina, warganegara, gaji umur dan sebagainya.

Maklumat yang diperoleh akan dapat digunakan untuk tujuan membantu perancangan pembangunan negara di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Pada masa ini kementerian mempunyai data berkenaan pencari kerja dan kekosongan jawatan yang berdaftar dengan Jabatan Tenaga Kerja yang agak lengkap dan terkini. Setakat 12 Disember 2006, bilangan pencari kerja yang aktif berdaftar adalah berjumlah 91,499 orang dan bilangan majikan yang melaporkan kekosongan jawatan adalah sejumlah 53,442 majikan.

Kementerian ini juga sentiasa membuat analisis mengenai profil pencari kerja mengikut kelayakan, jantina, umur, negeri asal dan juga analisis kekosongan jawatan yang dilaporkan oleh majikan. Terima kasih.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat di atas jawapan. Soalan tambahan saya, adakah kementerian mempunyai data jumlah kerajaan tempatan dan jumlah kerajaan asing? Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Terima kasih, Yang Berhormat. Soalan macam itu saya suka sebab terlalu spesifik dan kita kena balik ke *office* cari jawapan. Saya memohon untuk memberi jawapan secara bertulis.

4. **Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk mengubah dan menjadikan Wilayah Pembangunan Iskandar sebagai Wilayah Persekutuan keempat negara pada masa akan datang serta mampu kah ia bersaing tanpa pembukaan Tambak Johor, jelaskan.

**Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab soalan yang berkenaan bagi pihak Timbalan Menteri berkaitan yang terpaksa berada di Dewan Rakyat pada ketika ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak pernah mempunyai perancangan untuk menjadikan Wilayah Pembangunan Iskandar atau WPI sebagai Wilayah Persekutuan keempat. Pada masa ini tumpuan utama WPI adalah untuk menyediakan rangka kerja yang akan menjamin kejayaan program berjangka masa panjang iaitu daripada tempoh 2006 hingga 2025.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, rancangan pembangunan komprehensif atau CDP, bagi WPI merupakan satu rancangan yang menyeluruh dan tidak tertumpu pada hanya satu aspek pembangunan. Sehubungan itu soal pembukaan tambak Johor tidak menjadi isu memandangkan terdapat banyak lagi prasarana logistik dan pengangkutan di WPI seperti jambatan kedua ke Singapura, Pelabuhan Tanjung Pelepas, Lapangan Terbang Senai, Pelabuhan Johor, pelbagai lebuh raya utama dan sebagainya yang mampu meningkatkan tahap daya saing bagi WPI. Terima kasih.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya apakah projek-projek yang telah dikenal pasti dan berapa jumlah kos yang diadakan secara usaha sama dengan pelabur asing di dalam rancangan Wilayah Pembangunan Iskandar. Terima kasih.

**Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim:** Terima kasih, Yang Berhormat. Projek-projek yang baru dikenal pasti adalah lebih kepada projek pelaburan untuk meningkatkan ekonomi. Apa pun Yang Berhormat, pada hari ini dalam Aturan Mesyuarat dan Usul-usul di Dewan Rakyat, satu Rang Undang-undang Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar 2006 akan dibentangkan. Sebab itu saya rasa eloklah sekiranya apa-apa persoalan lanjut berkaitan dengan hal ini akan diajukan ketika ia dibentangkannya dalam Dewan Negara. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada Rang Undang-undang berkaitan dengan perkara ini akan dikemukakan di Dewan Negara ini. Terima kasih, Yang Berhormat.

**5. Tuan Gooi Hoe Hin** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan program dan langkah yang diambil untuk meningkatkan penggunaan sisa buah tandan kelapa sawit atau *empty fruit bunch*, yang dianggarkan lebih kurang 3,000 juta metrik tan setahun.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi [Dato' Dr. S. Vijayaratnam]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah sisa buah tandan kelapa sawit atau *empty fruit bunch*, dengan izin, adalah sebanyak 17.08 juta metrik tan berat basah bersamaan dengan 6.68 juta berat kering dalam satu tahun. Buat masa kini kebanyakan syarikat perladangan menggunakan sisa buah tandan kelapa sawit ini sebagai sumber baja.

Tuan Yang di-Pertua, sisa buah tandan kelapa sawit ini boleh digunakan sebagai sumber bahan mentah bagi sebahagian produk yang berasaskan kayu. Kementerian Perusahaan, Perladangan dan Komoditi melalui agensinya iaitu MPOB sedang dan telah menjalankan kajian di dalam penggunaan sisa buah tandan kelapa sawit kepada pelbagai produk nilai bertambah seperti papan gentian berketumpatan sederhana atau *medium density fiberboard*, dengan izin, papan serpai iaitu *particle board*, dengan izin, pulpa dan produk kertas dan lain-lain lagi.

Bagi merealisasikan tahap pengkomersialan penggunaan bahan biojisim sawit terutama *empty fruit bunch* atau EFB,, Lembaga Minyak Sawit Malaysia iaitu MPOB, telah bekerjasama dengan beberapa syarikat swasta dalam pembuatan produk nilai bertambah atau *value added*, dengan izin, yang terpilih secara separa komersial. Usaha juga telah dibuat untuk mempromosikan penggunaan *ecomat* atau tikar *fiber* di negeri China secara kerjasama dengan Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi.

Selain daripada itu, sisa tandan kelapa sawit juga boleh digunakan sebagai bahan bakar. KPPK menggalakkan penggunaan EFB sebagai bahan bakar dalam penjaan dan penggunaan tenaga haba dan elektrik sama ada untuk kegunaan domestik atau sumbangan ke grid nasional. Melalui program penjaan tenaga kecil yang diperbaharui atau *small renewable energy power program*, dengan izin, yang kini sedang giat dijalankan oleh Kementerian Tenaga Air dan Telekomunikasi. EFB telah dikenal pasti sebagai sumber bahan api utama dan berpotensi untuk dikomersialkan penggunaannya.

Tuan Yang di-Pertua, EFB juga boleh digunakan sebagai sumber bahan api bagi aktiviti pemprosesan huluan dan hiliran industri sawit iaitu *upstream and downstream*, dengan izin. Sebagai contoh EFB yang telah diproses kepada bentuk gentian atau *fiber*, dicampurkan bersama dengan gentian *miso-cup fiber* yang dihasilkan daripada buah kelapa sawit dan digunakan sebagai bahan bakar dandang stim. Lembaga Minyak Sawit Malaysia giat menjalankan aktiviti

pembangunan dan penyelidikan atau R&D, dalam mengoptimumkan penggunaan EFB sebagai sumber tenaga melalui penggunaan teknologi dan rawatan terma-kimia sebagai pengesan pirolisis dan pengurangan untuk penghasilan tenaga dalam bentuk gas cecair dan pepejal. Semua ini berupaya menjana pendapatan sampingan kepada industri serta mengurangkan masalah pelupusan sisa dan lebih mesra alam. Sekian, Terima kasih.

**Tuan Gooi Hoe Hin:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat di atas jawapan yang lengkap. Soalan tambahan saya, pihak Lembaga Minyak Sawit Malaysia atau MPOB, telah banyak menjalankan penyelidikan bagaimana untuk meningkatkan kegunaan sisa-sisa tersebut. Daripada penyelidikan-penyelidikan berkenaan beberapa penemuan telah pun dicapai. Soalan saya, berapakah projek-projek itu telah dikomersialkan selain daripada seperti jawapan yang saya dengar *ecomat*.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Gooi Hoe Hin di atas soalan. Seperti mana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat, *ecomat* itu telah dikomersialkan. Pada masa sekarang ada lebih kurang enam syarikat yang menjalankan pembangunan produk berasaskan biojisim sawit dan di antaranya adalah perabot teracu atau *moulded furniture*, yang dihasilkan daripada pelepah kelapa sawit dan lain-lain itu papan gentian, kayu gentian, produk kertas teracu dan papan serpai seperti mana yang saya sudah terangkan terdahulu.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Daripada apa yang saya fahamkan, daripada jawapan Yang Berhormat tadi, boleh dikatakan keseluruhan batang pokok kelapa sawit tadi ada kegunaannya untuk tujuan-tujuan yang tertentu. Ini merupakan satu perkara *value added* kepada pokok-pokok kelapa sawit ini.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Memang betul, Tuan Yang di-Pertua dan kita pun telah membuat penyelidikan atau R&D, kepada batang pokok kelapa sawit dan boleh didapatkan *methanol* sebagai satu bahan bakar. Tetapi pada masa ini prosesnya mahal sedikit.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu ejaan nama saya ialah Heng Seai Kie. Soalan tambahan saya ialah berapakah peruntukan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk program-program ini bagi meningkatkan penggunaan sisa buah tanda kelapa sawit dan adakah ia *cost effective* daripada segi pulangnya dan apakah pula kesannya kepada alam sekitar. Terima kasih.

**Dato' Dr. S. Vijayaratnam:** Tuan Yang di-Pertua, Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator di atas soalan tadi. Berkenaan dengan perbelanjaan di atas kegunaan sisa-sisa dari kelapa sawit, saya tidak ada angkanya di sini. Tetapi ingin saya menegaskan di sini bahawa semua ini adalah usaha-usaha yang membawa pendapatan kepada pengusaha-pengusaha berkenaan. Soalan yang lain tadi ialah berkenaan dengan alam sekitar. MPOB sentiasa berusaha untuk mengurangkan pencemaran kepada alam sekitar melalui R&D. Pencemaran kepada alam

sekitar hasil dari sisa-sisa dari pokok kelapa sawit, kalau ada hanya apabila ia dibakar iaitu digunakan sebagai bahan api. Kita tidak menggalakkan pembakaran secara terbuka.

Sekian, terima kasih.

6. **Puan Wan Ubaidah binti Omar** minta Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi menyatakan, kejayaan negara yang terserlah dalam bidang bioteknologi setakat ini.

**Setiausaha Parlimen Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi [Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bioteknologi adalah merupakan satu bidang multidisiplin dan multisektoral. Dalam bidang bioteknologi negara kita memberi tumpuan dan keutamaan berdasarkan kepada kekuatan dan keupayaan negara iaitu dalam bidang bioteknologi pertanian, kesihatan, industri termasuklah makanan, ternakan, tumbuhan dan farmasi.

Pencapaian yang telah dicapai di bawah Rancangan Malaysia Kelapan di antaranya adalah:

- penghasilan sebanyak 38 paten yang telah didaftarkan di dalam dan di luar negara; dan
- 16 produk sedia untuk tujuan prototaip yang dikomersialkan. Antara produk-produk berkenaan ialah kit diagnostik untuk penyakit *cholera*, *typhoid* ataupun demam kepialu, *human chondrocytes expansion and cartilage*, dengan izin, untuk digunakan dalam kecutan tisu. Ia pengesan pantas untuk mengesan tahap keracunan pada sayur-sayuran dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah program pembangunan sumber tenaga manusia, lebih dari 686 saintis telah dilatih di dalam pelbagai bidang bioteknologi, khususnya dalam teknologi pelantar seperti *proteomic* dan *genomic*.

Di bawah program penyelidikan dan pembangunan sebanyak 47 projek penyelidikan telah dan sedang dalam peringkat pelaksanaan. Projek-projek berkenaan setakat ini telah berjaya melahirkan seramai 364 graduan lepasan ijazah di peringkat sarjana ataupun Ph.D.

Selain itu, MOSTI telah menjalin beberapa program penyelidikan dengan institusi-institusi penyelidikan antarabangsa, contohnya:

- (i) Program Kerjasama Penyelidikan dengan *Massachusetts Institute of Technology* (MIT);
- (ii) Program Kerjasama Penyelidikan dengan *Fred Hutchison Cancer Research Centre, Seattle, USA*;
- (iii) Program Kerjasama Penyelidikan dengan *University of Stanford*;
- (iv) Program Kerjasama Penyelidikan dengan *Finlay Institute* (Cuba);

- (v) Program penyelidikan dengan Vietnam; dan
- (vi) Program kerjasama penyelidikan dengan *Karolinska Institute*, Sweden.

Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, menerusi Dana Sains (*Science Fund*) dan Dana Tekno atau *Techno Fund*, serta inisiatif R&D, kerajaan memberikan peluang kepada sektor bioteknologi berkembang dengan lebih pesat bukan setakat mengimbangi antara keperluan sebagai 'supply site' -*Science Fund*, tetapi juga menawarkan banyak insentif untuk para penyelidik memasarkan produk-produk yang mempunyai potensi komersial menerusi pemberian dana *technology fund*, ataupun *Techno Fund*.

Sebanyak 239 projek telah diluluskan untuk dilaksanakan di bawah *Science Fund* daripada 548, manakala menerusi pusat kecemerlangan bioteknologi iaitu Institut Genom Malaysia (MGI), Institut Farmaseutikal dan Nutrasetikal (IFN) dan Institut Agrobioteknologi Malaysia (ABI), inisiatif R&D yang telah dimulakan adalah melibatkan sebanyak 48 projek, iaitu 23 projek bagi ABI, 8 projek bagi IFN dan 17 projek bagi MGI. Terima kasih.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tahniah saya ucapkan di atas pencapaian yang disebutkan tadi. Saya ingin tahu, adakah pencapaian-pencapaian tersebut adalah daripada kebajikannya daripada usaha kerajaan ataupun daripada pihak swasta. Dan, saya ingin tahu daripada pihak swasta, berapakah buah syarikat milik rakyat Malaysia dan berapa pula daripada milik pelabur asing. Dan, apakah bentuk-bentuk intensif yang diberikan, sama ada kepada pihak syarikat di dalam negara ataupun pihak syarikat di luar negara untuk menceburi bidang bioteknologi ini. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini dalam Rancangan Malaysia Kelapan, majoriti daripada hasil-hasil penyelidikan ini adalah datangnya daripada dana R&D, iaitu penyelidikan dan pembangunan yang terletak di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, yang mana sebahagian besar dana itu adalah digunakan oleh atau telah digunakan oleh pusat-pusat pengajian tinggi tempatan ataupun pusat-pusat penyelidikan tempatan. Di samping ada pihak-pihak industri yang bersama menggunakan dana yang berkaitan.

Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini kita telah ada tujuh syarikat bioteknologi yang telah diberikan taraf iaitu dikenali sebagai bio-nexus, iaitu syarikat-syarikat bioteknologi ataupun sains hayat yang dapat satu sokongan daripada kerajaan termasuklah insentif cukai dan geran-geran istimewa. Ketujuh-tujuh syarikat ini, hanya satu, setahu saya adalah merupakan syarikat GLC, enam yang lain adalah merupakan syarikat sepenuhnya swasta. Terima kasih.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selepas ini saya hendak benarkan satu lagi soalan tambahan, memandangkan perkara ini adalah perkara yang menarik perhatian pada masa sekarang.

**Puan Siw Chun a/p Eam:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Sejauh manakah keberkesanannya setakat ini Dasar Bioteknologi Kebangsaan ataupun NBP semenjak ia dilancarkan pada April 2005, di mana salah satu daripada matlamat pencetusannya adalah untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 400 syarikat berasaskan bioteknologi menjelang 2010 dan 20 syarikat Malaysia bertaraf global menjelang 2020. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini yang telah saya nyatakan, baru 7 syarikat bio-nexus yang telah diberikan kelulusan untuk tahun ini, tahun 2006. *In pipeline*, kita ada 100 lagi syarikat bioteknologi yang memohon untuk mendapat status bio-nexus. Jadi, itu bermakna dalam masa, lebih kurang setahun, 100 syarikat bioteknologi telah dibangunkan dan kita jangka untuk 400, tahun 2010, insya-Allah rasanya tidak, matlamat ini boleh kita capai.

Untuk makluman juga, bahawa kita di dalam sektor bioteknologi ini, kita memberikan penekanan kepada tiga bidang utama, iaitu:

- (i) bioteknologi pertanian;
- (ii) bioteknologi industri; dan juga
- (iii) bioteknologi kesihatan ataupun perubatan.

Kalau di sini, sebagai contoh, dalam bioteknologi pertanian ini antara produk yang telah dihasilkan adalah melalui teknologi *tissue culture*, anak baka tanaman kelapa sawit yang berkualiti tinggi dan menghasilkan buah yang banyak, iaitu diusahakan oleh MPOB, Guthrie, Golden Hope dan Felde Agriculture. Ini antaranya.

Dalam peringkat industri pula, sebuah syarikat GLC, seperti yang saya nyatakan tadi InnoBiologic Sdn. Bhd. sedang dalam proses melaksanakan penghasilan produk biotheropatic. Selain daripada itu kerjasama di peringkat antarabangsa, contohnya dengan program kerjasama penyelidikan antara USM dengan Finlay Institute Cuba dalam permulaan untuk bekerjasama dalam bidang penyelidikan untuk menghasilkan vaksin tibi.

Kemudian dalam sektor perubatan, sebagai contoh *Malaysian Biodiagnostic Research* yang menghasilkan kit diagnostik untuk *typhoid* ataupun demam kepialu dan juga Syarikat Nova – yang sedang mengusahakan produk untuk merawat penyakit Hepa ‘B’ atau Hepatitis ‘B’. Terima kasih.

**Tuan Lee Chee Keong:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tahu ada beberapa syarikat yang sedang membiak dan menggunakan apa yang kita panggil *biomicrop* untuk mengerjakan sampah sarap atau *solid waste*, dengan izin, dan najis binatang ternakan. Jadi, saya ingin tahu apakah usaha pemantauan kementerian, sebab pembiakan *biomicrop* ini bahaya. Takut nanti berlaku perangkuman di dalam negara kita. Jadi, apakah usaha pemantauan terhadap syarikat-syarikat yang menghasilkan atau membiakkan *biomicrop* ini. Terima kasih.

**Profesor Datuk Dr. Mohd. Ruddin bin Ab. Ghani:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang ini saya rasa adalah merupakan soalan yang spesifik, jadi saya di sini tidak ada maklumat yang tepat untuk diberikan dan insya-Allah saya akan memberikan jawapan secara bertulis untuk perkara ini. Terima kasih.

6. **Dr. Raja Ram a/l K. Nadayson** minta Menteri Kewangan menyatakan, sama ada harga minyak petrol dan diesel akan dinaikkan lagi pada tahun hadapan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menjawab soalan Yang Berhormat Dr. Raja Ram bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Lee Chee Keong pada 18 Disember dan Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan pada 20 Disember kerana subjek yang ditanya adalah sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dipersetujukan.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah berjanji bahawa harga barangan petroleum tidak akan dinaikkan sehingga akhir tahun ini. Walau bagaimanapun, sama ada harga akan dinaikkan atau diturunkan oleh kerajaan pada tahun hadapan akan bergantung kepada sejauh mana turun naik harga minyak mentah di pasaran dunia pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang kita ketahui harga minyak naik turun adalah bergantung kepada keadaan dunia dan setakat ini memang masih lagi bergolak di Lebanon, Palestin, Iraq, Iran, Korea Utara dan kesan ribut Katrina dahulu yang telah melanda Teluk Mexico dan juga negara OPEC yang hari ini hendak mengurangkan pengeluaran minyak. Semuanya ini akan memberi kesan kepada harga minyak naik turun.

Tetapi setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, pada awal tahun dahulu, apabila subsidi telah diturunkan, jadi harga minyak naik, pada masa itu harga minyak mentah USD62 setong, maknanya naik, sekarang sudah turun balik pada Disember lebih kurang USD60 setong. Jadi, sudah agak stabil sedikit. Walau bagaimanapun, kerajaan masih memerhati harga minyak ini, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Ir. Hiang A Li:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan harga minyak mentah memang tidak tetap, tidak tentu turun atau naik, jadi hasrat kerajaan ialah menggalakkan menggunakan gas asli atau LPG, dengan izin, sebagai alternatif kepada minyak petrol biasa. Banyak kenderaan telah pun mengubahsuai enjinnya untuk menggunakan gas asli, tetapi kebanyakan kenderaan ini menghadapi masalah untuk mendapat gas asli kerana kekurangan stesen gas asli.

Soalan tambahan saya ialah, adakah kerajaan mengadakan rancangan untuk menambahkan stesen gas asli untuk mengatasi masalah ini dan sekiranya ada, apakah perkembangan sehingga hari ini. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Hilmi bin Yahaya:** Terima kasih, Yang Berhormat Tuan Ir. Hiang A Li. Memang kerajaan menggalakkan penggunaan gas asli sebab kita memang banyak gas asli lagi. *Reserve* kita masih lagi ada lebih kurang 33 tahun lagi, kalau dapat telaga yang baru mungkin lebih daripada itu. Minyak petroleum kita tinggal dalam lingkungan 15 tahun hingga 20 tahun sahaja lagi. Jadi, memang kerajaan menggalakkan gas asli dan kerajaan telah mengarahkan syarikat-syarikat minyak untuk mengadakan pam-pam gas sendiri di seluruh negara. Yang saya tahu ialah Petronas telah pun berjanji untuk membina 200 pam gas di seluruh negara, yang lain-lain saya tidak ada maklumat. Setakat ini, Tuan Yang di-Pertua, perkembangannya belum menggalakkan lagi tentang pembinaan pam-pam gas ini.

7. **Dato' Haji Idris bin Haji Buang** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan, apakah tahap keberkesanan sistem biometrik untuk memastikan kemasukan pendatang asing ke negara kita lebih teratur dan terurus sama ada dari segi keselamatan ataupun sosial dan lain-lain.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri [Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah melaksanakan sistem kawalan biometrik imigresen yang merangkumi sistem biometrik pendatang tanpa izin, PATI. Sistem pemantauan pekerja asing, dengan izin, *Foreign Workers Recruitment and Management System* atau FORMS, dan pengeluaran kad identiti imigresen berasaskan *chip*.

Sistem biometrik pendatang tanpa izin atau PATI, dan sistem pemantauan pekerja asing iaitu FORMS. Sistem biometrik PATI, dibangunkan mulai Disember 2004 dan telah dilaksanakan secara berperingkat-peringkat mulai April 2005 dan pelaksanaan sepenuhnya pada Jun 2005 di semua depot imigresen di seluruh negara. Sistem ini bertujuan merekodkan biometrik dan aktiviti pendatang asing tanpa izin yang ditahan. Sistem tersebut juga telah dipasang di pejabat imigresen negeri, ibu pejabat cawangan imigresen yang mempunyai pejabat penguat kuasa. Mulai Ogos 2005, sistem ini telah diperluaskan skop bagi pengambilan maklumat dan cap jari pekerja asing di semua pintu masuk utama imigresen seluruh negara.

Mulai Jun 2006, semakan biometrik secara *random* mula dilakukan kepada pelawat-pelawat yang disyaki di lapan pintu masuk utama negara iaitu Lapangan Terbang KLIA, Lapangan Terbang Kuching, Lapangan Terbang Kota Kinabalu, Lapangan Terbang Bayan Lepas, Pintu Masuk Tebedu Sarawak, Setulang Laut, Pelabuhan Klang dan Pelabuhan Pulau Pinang. Ia

bertujuan mengesan pelawat yang pernah melakukan kesalahan imigresen dan pernah ditahan di depot imigresen.

Setakat November 2006, pendaftaran biometrik PATI di depot imigresen dalam sistem ini adalah sejumlah 36,373 orang dan pendaftaran biometrik pekerja asing berjumlah 762,424 orang. Pada masa ini, pendaftaran biometrik pekerja asing hanya dilakukan kepada pekerja asing yang baru masuk melalui pintu-pintu masuk utama imigresen. Pendaftaran biometrik bagi pekerja asing yang telah sedia ada di dalam negara akan dibuat secara berperingkat-peringkat mulai tahun depan apabila pekerja asing ini membaharui pas kerja dan penggantian kad pekerja asing yang baru.

Sistem 'FORM' ataupun Pemantauan Pengurusan Pekerja Asing telah direka bentuk sebagai satu konsep proses kerja, *work flow* dengan izin, berkomputer iaitu:

- (i) Permohonan pekerja asing secara *online* melalui internet;
- (ii) Penjadualan temu janji pemohon majikan syarikat *outsourcing*;
- (iii) Memanggil pemohon temu duga melalui SMS;
- (iv) Proses temu duga;
- (v) Pembayaran 'levi';
- (vi) Membuat keputusan;
- (vii) Memaklumkan keputusan melalui *web, internet* dan SMS;
- (viii) Proses pengambilan pekerja asing dari negara sumber;
- (ix) Pendaftaran data biometrik secara *online* melalui internet;
- (x) Pengeluaran pas kerja;
- (xi) Pengeluaran kad pekerja asing akan dimulakan pada tahun depan; dan
- (xii) Pemantauan pekerja asing syarikat *outsourcing* sahaja.

Sistem biometrik PATI telah membantu bahagian penguat kuasa Imigresen mengesan kes-kes yang melibatkan pekerja asing dan PATI yang telah melakukan kesalahan yang melanggar peraturan dan undang-undang imigresen. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Ismail Kasim dan selepas itu Tuan Tan Bon You.

**Tuan Ismail Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Soalan tambahan saya, adakah sistem ini juga akan turut dipraktikkan di negara asal pendatang-pendatang asing ini misalnya ditempatkan di kedutaan dan juga konsul-konsul kita di luar negara bagi negara-negara yang terlibat dengan pendatang asing.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Ismail. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat ini sistem ini telah pun dipraktikkan di negara Bangladesh. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Tan Bon You.

**Tuan Tan Bon You:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masalah pendatang asing telah menjadi satu masalah yang merunsingkan walaupun belum sampai tahap yang bahaya. Memikirkan selain daripada sistem biometrik yang digunakan sekarang, adakah pihak kementerian akan mengapa tidak digunakan *database*? Dengan ini pendatang asing yang pernah datang ke Malaysia ini tanpa izin, rekod akan di dalam *database* itu dan akan menghalang mereka datang.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat yang bertanya. Tadi saya telah jelaskan bahawa sistem yang ada ini memang merekodkan pertamanya pendatang asing ini ada dua. Pertama pendatang asing yang datang bekerja secara sah dan yang kedua pendatang tanpa izin iaitu yang masuk ke dalam negara ini tanpa sebarang dokumen. Dan juga pekerja-pekerja yang datang sendiri, tinggal di negara ini melebihi tempoh masa. Itu juga dikira sebagai pendatang tanpa izin.

Jadi, setakat ini sistem ini baru sebenarnya, seperti yang saya sebutkan tadi baru diperkenalkan dan kita sedang merekodkan semua kemasukan dan kepada yang dah tinggal di sini, yang bekerja di sini, mereka akan direkodkan bila mereka membaharui kad atau pas bekerja mereka. Jadi selepas ini, insya-Allah sistem ini akan merekodkan semua pendatang asing iaitu orang yang masuk bekerja di negara ini dan semua PATI yang ditangkap dan ditahan di depot akan direkodkan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Tuan Gooi Hoe Hin.

**Tuan Gooi Hoe Hin:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ada soalan tambahan begitu sahaja. Tenaga buruh negara ada lebih kurang 11.1 juta. Pendatang asing tanpa izin atau secara sah anggaran lebih kurang 2 juta. Bermakna 20% kita bergantung kepada tenaga kerja asing. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan sebelum mengamalkan pelbagai penguatkuasaan biometrik lah, terlibat RELA la, dasar pintu terbuka ini akan diteruskan?

Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Abdul Rahman bin Ibrahim:** Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum, setelah 50 tahun negara mencapai kemerdekaan, negara kita membangun dengan pesat dalam pelbagai bidang. Sektor perladangan, pertanian, pembuatan, perkhidmatan, perkilangan, pembangunan dan sebagainya. Di mana ini memberi peluang kepada rakyat Malaysia untuk membuat pilihan kerja. Di mana kerja-kerja dalam bidang-bidang tertentu yang dianggap dan di kategori dalam kategori 3D iaitu *dangerous*, *difficult* dan *dirty* dengan izin, tidak diminati oleh rakyat negara ini kerana mereka mempunyai banyak pilihan.

Seboleh mungkin walaupun dasar pintu terbuka untuk membawa pekerja asing ke negara kita, seboleh mungkin kita akan sentiasa memberi keutamaan kepada rakyat negara ini dan pelbagai langkah telah dan sedang diambil dan akan diambil untuk menentukan secara beransur-ansur di sebahagian besar sektor pekerjaan ini akan diisi oleh rakyat negara ini. Dan kalau tidak

dapat di isi oleh pekerja tempatan, barulah kita akan membuka peluang. Setakat ini misalnya pekerjaan di kawasan perladangan, di kawasan-kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan air, api dan sebagainya memanglah tidak diminati oleh rakyat negara ini dan ini terpaksa kita menggunakan pekerja asing. Jadi, di lain-lain bidang seboleh mungkin kita telah dan sedia mengenakan syarat-syarat supaya majikan mengutamakan rakyat negara ini.

Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad.

8. **Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad** minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah pihak kementerian sedar harga ubat-ubatan di pasaran tempatan lebih mahal daripada Harga Rujukan Antarabangsa iaitu IRP, di bawah metodologi Pertubuhan Kesihatan Sedunia. Apakah perancangan kementerian bagi menyelesaikan masalah ini.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedar bahawa harga beberapa ubat di pasaran tempatan adalah lebih mahal daripada harga rujukan antarabangsa dengan izin, *International Drug Price Indicator Guide* atau IRP. Melalui sistem pemantauan harga ubat yang dilaksanakan secara berterusan oleh Kementerian Kesihatan.

Untuk pengetahuan Dewan, IRP merupakan satu senarai rujukan harga ubat-ubat di pasaran antarabangsa yang diterbitkan oleh dengan izin, *Management Sciences for Health* atau MSH, dan ia merupakan purata medium harga-harga pembelian secara borong atau tender. Tanpa kos tambahan seperti insurans, penghantaran daripada pembekal-pembekal antarabangsa yang tidak mengambil keuntungan dengan izin *not for profit suppliers* kepada negara-negara membangun dan bukannya harga jualan runcit kepada pengguna.

Saya ulangi, ia bukannya harga jualan runcit kepada pengguna. Hasil pemantauan menunjukkan bahawa harga pembelian ubat oleh sektor awam adalah munasabah iaitu kurang daripada dua kali IRP. Buat masa ini, nisbahnya adalah 1.23 kepada 1. Pembelian ubat secara tender atau sebut harga dapat memastikan harga ubat adalah terkawal di sektor awam. Pada masa ini rakyat masih boleh mendapatkan ubat yang percuma daripada klinik-klinik dan juga hospital KKM dengan bayaran antara RM1 hingga RM5 semasa pendaftaran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad, selepas itu Datuk Dr. Lee Choon Meng.

**Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian sedar bahawa terdapat klinik-klinik swasta yang mengenakan harga ubatan yang berbeza kepada pesakit dan apakah tindakan yang dibuat oleh kementerian bagi menyelaraskan harga-harga ubatan di antara klinik swasta?

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Fatanah bin Datuk Haji Ahmad. Buat masa ini, kita biarkan dengan izin *market forces* menentukan harga ubat. Dan senarai harga ubat-ubat apa jenis penyakit pun belum lagi kita kategorikan sebagai bahan-bahan terkawal. Jadi, terpulang kepada pengguna untuk sama ada membeli ubat di klinik atau membeli ubat di farmasi dengan preskripsi. Sebab membeli ubat di klinik swasta, apabila kita dapatkan rawatan dia ada dua komponen.

Satu konsultasi yang dikenakan caj oleh pengamal perubatan. Yang keduanya ada komponen ubat. Dan ekoran daripada itu kita galakkan pengguna atau pun pesakit mengetahui hak-hak mereka dan membandingkan sama ada ubat ini berapa harga dia daripada satu premis kepada premis yang lain. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Datuk Dr. Lee Choon Meng.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Adakah benar bahawa rangkaian edaran ubat manusia atau *distribution network* di Malaysia di kawal atau di kontrol oleh satu atau dua syarikat sahaja. Adakah sistem monopoli ini jadi salah satu faktor yang menjadikan ubat lebih mahal berbanding dengan negara jiran. Adakah betul bahawa harga yang murah yang boleh didapati di klinik-klinik kerajaan hanya untuk ubat generik sahaja? Ubat yang berjenama lebih mahal berbanding dengan negara luar atau negara jiran, Singapura atau Thailand. Ini betul ke Yang Berhormat?

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat doktor haiwan. Dia lebih hebat sebab haiwan tak boleh bercakap. Kalau dia sakit haiwan tak boleh cakap. Manusia dia boleh bercakap apa dia sakit. Tuan Yang di-Pertua, memang benar kalau kita lihat rangkaian *networking* pemasaran ubat *retail*, dia dikuasai oleh beberapa syarikat. Kalau umpamanya Diethelm, Zuellig. Dia adalah syarikat logistik termasuk Pharmaniaga. Cuma Pharmaniaga dia merupakan syarikat logistik dengan Kementerian Kesihatan.

Mereka nak kata mereka monopoli adalah tidak benar kerana pengguna, *retailers* masih boleh *order* atau membuat pembelian secara masih terbuka oleh kerana syarikat-syarikat rangkaian ini dia dah lama dan dia memerlukan satu rangkaian yang tersusun. Sebab itu hanya satu, dua atau tiga syarikat. Kemudian kalau tak ramai masuk dalam sistem rangkaian ini kerana dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *profit margin* dia kecil, 5%.

Jadi kalau *profit margin* kecil 5% dan risikonya tinggi, jadi buat apa hendak ceburkan sebab itu ia dilihat macam monopoli tetapi sebenarnya tidak. Kemudian Yang Berhormat kata sama ada ubat yang hanya diberi oleh klinik-klinik ataupun hospital kerajaan hanya ubat generik itu tidak benar. Itu tidak benar sama sekali. Kalau kita tengok pasaran ubat-ubatan seluruh Malaysia, kita *order* ubat dan rakyat menggunakan ubat antara 1.5 ke 1.8 bilion. Setiap satu bilion Kementerian Kesihatan sahaja beli, maknanya 500 juta lagi di hospital swasta dan klinik swasta.

Kalau kita lihat 60% adalah ubat generik, 40% adalah ubat yang *original* dan masih ada patennya lagi. Jadi hendak kata kerajaan bagi ubat *second class* kepada rakyat, tidak betul. Jadi kita beri kebebasan kepada pakar dan ubat-ubat yang baru ia mesti masuk dalam *Blue Book*. Dengan *Blue Book* itu, pakar boleh *order* atau mengarahkan farmasi hospital untuk beli ubat. Walaupun ubat itu tidak tersenarai dalam *Pharmaniaga list*, Tuan Yang di-Pertua.

Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Tuan M. Munusamy.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan bahawa harga ubat di klinik-klinik swasta itu berbeza, adakah kementerian bercadang untuk mengamalkan sistem di mana pesakit hanya boleh dapat *prescription* daripada doktor-doktor swasta dan membeli ubat di farmasi mungkin dengan harga yang lebih murah. Terima kasih.

**Datuk Dr. Abdul Latiff bin Ahmad:** Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, pertama tadi Yang Berhormat kata harga ubat yang berbeza. Sebenarnya tidak ada kajian harga ubat yang berbeza. Mungkin oleh kerana bila kita berjumpa doktor swasta dia tidak *itemize*. Ini *consultation* kalau kita datang ke hospital kerana sakit demam selesema, diberi ubat tiga jenis bayar RM25. Kita pergi klinik lain, ubat yang tiga jenis juga diberi tetapi cajnya RM30. Ramai pengguna beranggapan bahawa inilah yang membezakan harga ubat.

Sebenarnya harga ubat mungkin stabil cuma konsultasinya berbeza. Mungkin Yang Berhormat datang *spend* lima minit sahaja bercakap dengan doktor dan dia *check* mungkin dia caj RM10. Satu minit RM2, mungkin ini berdasarkan kepada pengalaman atau lama lagi lebih lagi. Beza tentang harga ubat saya ingat dia *constant*. Cuma hendak menyelesaikan isu ini dengan mengadakan doktor hanya memberi preskripsi seperti di negara Indonesia umpamanya tidak dapat lagi dilaksanakan di Malaysia kerana kita masih lagi kekurangan farmasi. Umpamanya dalam sektor awam 60% masih kosong, kita adakan Akta Khidmat Wajib barulah ada pengisian.

Kita kena tunggulah sehingga kita mempunyai cukup pegawai farmasi dan cukup *outlet* farmasi. Di bandar mungkin *okay* tetapi di tempat kampung saya umpamanya, di Mersing saya ingat ada satu farmasi. Jadi kalau doktor dia rawat di 30 batu dan dia tidak ada ubat, jadi pesakit kena pergi pula jumpa farmasi untuk beli ubat. Lagi terseksa. Jadi sistem yang ada sekarang ini adalah sistem yang baik bukan sahaja untuk kerajaan tetapi untuk rakyat. Terima kasih.

9. **Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan, kenapakah terdapat 69% pihak berkuasa tempatan atau PBT, yang masih gagal melaksanakan 23 langkah yang digariskan oleh kementerian untuk mewujudkan 'bandar selamat'. Berapa banyak pula di kalangan PBT yang gagal itu sudah mendapat taraf perbandaran atau bandar raya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dr. S. Subramaniam]:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad kerana prihatin tentang keselamatan penduduk di kawasan bandar dan memberi penumpuan kepada isu ini. Dari sejumlah 144 PBT di negara ini, 60% atau 99 pihak berkuasa tempatan adalah bertaraf bandar raya dan perbandaran. Sementara 31% atau 45 Pihak Berkuasa Tempatan bertaraf majlis daerah. Pelaksanaan 23 langkah yang digariskan oleh kementerian untuk mewujudkan bandar selamat dikhususkan kepada majlis bandar raya dan perbandaran sahaja.

Dari rekod pemantauan pelaksanaan 23 langkah yang dilaksanakan, hanya 5 majlis perbandaran sahaja daripada 99 majlis bandar raya dan majlis perbandaran yang gagal melaksanakan sekurang-kurangnya 50% daripada 23 langkah pencegahan penjenayah ini. Lebih daripada 80% pihak berkuasa tempatan yang berkenaan telah melaksanakan 11 daripada 23 langkah keselamatan yang telah dijalankan. Di sebaliknya ada tiga langkah iaitu perkongsian maklumat jenayah melalui *GIS mapping*, memasang cermin keselamatan dan memasang penggera keselamatan iaitu *alarm*, yang belum dilaksanakan oleh 85% daripada PBT-PBT yang terlibat.

Sebagai simpulan, walaupun pelaksanaan langkah-langkah ini masih boleh dipertingkatkan, kadar pelaksanaan pada masa sekarang boleh dikatakan memuaskan.

Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah apakah boleh diterima alasan PBT ini yang sudah pun bertaraf bandar raya ataupun perbandaran yang mengatakan bahawa kerana faktor kemiskinan ataupun kekurangan wang, mereka tidak dapat melaksanakan 23 garis panduan untuk menjadi bandar selamat ini? Ia sudah bertaraf bandar raya ataupun perbandaran, itu satu.

Yang kedua ialah, apakah kerajaan tidak berhasrat untuk meletakkan tempoh tertentu untuk ia memenuhi syarat menjadi bandar selamat ini supaya ada *target* dan ia lebih *motivated*, dengan izin. Dan sekurang-kurangnya boleh atau tidak dikenakan penalti atau denda jika sekiranya mereka gagal memenuhi matlamat tersebut? Terima kasih.

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad telah membangkitkan tentang tiga isu. Satu ialah isu kewangan, nombor dua ialah isu mengehendkan tempoh masa, nombor tiga ialah untuk mengadakan denda kepada PBT-PBT yang tidak mengikut peraturan. Ukuran untuk memastikan bahawa program ini sudah berjaya ataupun tidak ialah bila kita tengok kadar jenayah ada turun atau tidak. Pada masa sekarang, proses ini sedang dibuat di mana dengan kerjasama PDRM di tempat-tempat di mana langkah-langkah ini telah dilaksanakan untuk melihat adakah penurunan di dalam kadar jenayah. Ia menunjukkan bahawa sudah ada

kes tempat-tempat tertentu, penurunan daripada kadar jenayah contohnya bilangan kes-kes ragut telah turun.

Walaupun kita telah mencadangkan 23 langkah, tetapi ada langkah-langkah yang mungkin tidak perlu di sesetengah tempat. So, terpulanglah kepada PBT masing-masing untuk memastikan manakah langkah-langkah yang perlu di kawasan-kawasan mereka akan dilaksanakan. Kita akan meneruskan kegiatan kementerian dan pihak-pihak berkuasa tempatan dan mengukur kejayaan program ini melalui melihat beberapa kekurangan kadar jenayah di kawasan itu dan akan menjalankan pelbagai jenis program inisiatif untuk mengurangkan lagi kadar jenayah.

Tentang isu kewangan ini ada di dalam 23 langkah-langkah ini, kebanyakannya tidak memerlukan perbelanjaan yang lebih banyak. Ini dari segi perancangan dan menyediakan kemudahan di dalam pihak PBT sahaja. Ada langkah-langkah yang memerlukan perbelanjaan macam memasang CCTV dan sebagainya. Di dalam isu itu, kementerian telah mohon kepada Kementerian Kewangan supaya bantu Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memberi peruntukan yang lebih contohnya untuk memasang CCTV. Kalau ini diluluskan, kita akan memberi bantuan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Mereka boleh melaksanakan program di kawasan masing-masing.

Pada masa sekarang, tiada ada apa-apa cadangan supaya mengenakan satu denda kepada PBT yang tidak melaksanakan langkah-langkah ini. Perkara ini tidak dibuat bukan sahaja untuk program ini tetapi untuk..., tugas PBT adalah sebagai satu daripada peringkat kerajaan kita dan tugas Kerajaan Persekutuan ialah untuk meninggikan kesedaran, meninggikan tahap pengetahuan dan membantu PBT untuk menjayakan program ini. Kita akan meneruskan di dalam hal ini. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jadi dalam pandangan kementerian, memberi kesedaran adalah lebih berkesan daripada mendenda pihak berkuasa tempatan. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Yip Kum Fook:** Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya tanya soalan tambahan. Dari segi bandar selamat, jangan tumpukan kepada keselamatan yang harus dijalankan oleh polis sahaja. Yang lebih mustahak lagi ialah bandar selamat kita perlu ada infrastruktur yang baik. Sekarang banyak PBT kekurangan wang untuk membaiki atau menambah jalan, membaiki sistem saliran adalah kerana geran jalan dan geran imbuhan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan tidak sampai ke PBT kerana pada lima tahun kebelakangan ini, banyak telah pergi ke negeri dan negeri telah gunakan untuk projek-projek yang lain. Mereka juga ada bikin jalanlah, tetapi untuk bikin satu batang jalan yang lebih mahal bukan untuk membaiki jalan. So, saya minta supaya geran jalan dan geran imbuhan ini diberi terus kepada PBT. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, kekurangan infrastruktur juga ada kaitan dengan keselamatan. Apa kata kementerian?

**Dr. S. Subramaniam:** Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sebenarnya tidak mempunyai kaitan yang secara langsung dengan soalan pokok. Walaupun demikian, saya akan jawab juga. Soalan ialah berkenaan geran yang disalurkan oleh pihak Kerajaan Persekutuan tidak sampai ke PBT tetapi telah berhenti di pihak kuasa negeri dan disalurkan kepada projek-projek yang tidak ditujukan. Perkara ini memang diketahui oleh pihak kementerian dan pada tahun ini kita telah mencadangkan sistem yang lain untuk memastikan bahawa peruntukan yang diberi oleh kementerian akan sampai ke pihak berkuasa tempatan. Terima kasih.

10. **Datuk Haji Roslan bin Awang Chik** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan penambakan pantai di Terengganu sehingga kini dan berapa lama kah ia boleh bertahan kerana di Pantai Timur terlibat dengan musim tengkujuh setiap tahun. Apakah JPS tidak ada cadangan lain kerana kos tambakan melibatkan implikasi kewangan yang besar.

**Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Dato' S. G. Sothinathan]:** Tuan Yang di-Pertua, jumlah yang telah dibelanjakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran iaitu JPS, untuk projek-projek penambakan pantai di Terengganu adalah kira-kira RM31.8 juta. Projek-projek ini telah dilaksanakan di pantai-pantai Kuala Terengganu, Kuala Ibai dan Seberang Takir sekitar tahun 1992 dan 1993. Daripada pemantauan JPS, pantai-pantai yang ditambak ini didapati berubah secara beransur selama 10 tahun namun masih bertahan tanpa menjejaskan keselamatan harta di belakang pantai. Kaedah penambakan pantai adalah kaedah yang paling kurang impaknya kepada keadaan pantai bersebelahan.

Ketika musim tengkujuh, pasir ini mungkin bergerak ke pantai bersebelahan dan apabila musim tenang ianya akan bergerak kembali ke pantai asal. Fenomena ini adalah perkara yang biasa di sesetengah kawasan di Pantai Timur. Walaupun kosnya adalah besar, kaedah penambakan lebih bermanfaat berbanding kaedah struktur benteng kerana ianya mengekalkan ciri-ciri estetik pantai berpasir untuk kegunaan rekreasi dan aktiviti ekonomi. JPS secara lazimnya mempertimbangkan beberapa kaedah kawalan hakisan sebelum memutuskan kaedah yang paling bermanfaat. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, Datuk Haji Roslan dan selepas itu Datuk Soon Tian Szu.

**11.15 pagi**

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita melihat bahawa yang dikatakan 10 tahun yang diberi jawapan oleh Yang Berhormat, yang saya alami yang saya lihat dengan mata kepala saya sendiri, tidak begitu daripada segi kajian sebelum ini. Kali yang pertama dibuat di sepanjang negeri Kuala Terengganu ialah lebih kurang dalam lapan

tahun yang lepas. Sekarang ini berlaku pula satu lagi penambakan yang menelan belanja begitu banyak. Bolehkah cara lain selain daripada penambakan pantai dibuat secara kekal daripada tiap-tiap 5 km ke 10 km supaya dalam masa 10 tahun dia menjangkau sampai 50 km. Macam mana perancangan kerajaan dalam hal ini?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Memang kita sedar ada cara-cara lain untuk mengekalkan hakisan pantai di antaranya ialah membina tembok-tembok untuk memecahkan ombak dan keduanya adalah dengan tanaman bakau. Tetapi penanaman bakau di sebelah pantai timur itu tidak sesuai kerana ombak yang begitu besar. Tetapi kalau kita membina benteng-benteng seperti yang saya cadangkan dahulu, memang ini tidak akan begitu mesra alam kerana kawasan-kawasan pantai timur ini adalah kawasan pantai peranginan yang sangat terkenal di negara kita. Jadi itulah sebabnya kita mendapati bagi kawasan pantai timur, cara penambakan adalah paling baik sekali. Tetapi bagi kawasan-kawasan yang kritikal mungkin pembinaan benteng-benteng itu boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

**Datuk Soon Tian Szu:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Bila disebutkan kayu bakau itu, saya difahamkan memang ada satu keputusan kabinet bahawa kawasan-kawasan bakau itu tidak boleh ditebang atau dimajukan. Saya juga difahamkan atau dimaklumkan bahawa memang ada agensi kerajaan yang pernah majukan kawasan tersebut. Apakah tindakan kementerian, tindakan yang telah diambil terhadap agensi-agensi kerajaan ataupun pemaju swasta yang terlibat? Terima kasih.

**Dato' S. G. Sothinathan:** Sebenarnya isu tanah ini adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Namun demikian, kita telah menentukan garis-garis panduan untuk memelihara kawasan paya bakau ini khususnya kawasan-kawasan tepi pantai ini. Salah satu cara yang terbaik adalah dengan menggazet tempat-tempat ini. Ada satu, yang pertama di mana negeri diminta untuk menggazet kawasan-kawasan bakau ini supaya menjadi satu kawasan *biodiversity* dan juga satu cara yang baik untuk mengawal pantai kita.

Yang kedua, kawasan-kawasan di mana yang telah pun dicerobohi itu, kalau didapati masih lagi tanah itu belum digunakan kepada sesiapa maka kerajaan persekutuan telah pun memperuntukkan wang untuk membuat penanaman semula. Jadi program-program ini pun telah dimulakan akhir tahun 2005. Terima kasih.

**Puan Mumtaz binti Md. Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berkenaan dengan keadaan hakisan ini, apakah keadaan yang sama juga berlaku di negeri Kelantan? Kerana saya difahamkan melalui maklumat ini bahawa hakisan pantai menjadi bertambah serius sejak 1986. Sejak pembinaan pemecah ombak di muara sungai Pangkalan Datu disiapkan. Jadi saya ingin tanya, adakah kos dan cara yang dibuat di Kelantan juga sama dengan Terengganu? Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ada maklumat?

**Dato' S. G. Sothinathan:** Secara spesifik apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu saya tidak ada. Tetapi sebenarnya kaedah-kaedah yang digunakan adalah kaedah yang serupa sahaja di seluruh negara. Kita lihat keadaan di kawasan pantai seperti yang dikatakan di mana di kawasan Pantai Barat itu kaedahnya berlainan sedikit berbanding seperti kaedah di Pantai Barat, mungkin penanaman bakau seperti kaedah pantai barat. Juga di Malaysia Timur di Sabah dan Sarawak, di sebelah pantai baratnya mungkin kaedahnya berlainan tetapi kaedah di pantai timur itu kaedahnya berlainan. Ia ada beberapa kaedah sahaja yang spesifik untuk digunakan. Tetapi secara spesifik saya tidak ada maklumat berkaitan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Tetapi sekiranya diperlukan saya rela untuk memberi maklumat terperinci tentang perkara itu. Terima kasih.

11. **Tuan Osman bin Bungsu** minta Menteri Pelajaran menyatakan, perancangan pendidikan untuk masyarakat Orang Asli di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan sejauh manakah kejayaan perancangan pembangunan pendidikan orang asli di dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pelajaran [Puan Komala Devi]:** Tuan Yang di-Pertua, sepanjang pelaksanaan perancangan Rancangan Malaysia Kelapan, Kementerian Pelajaran Malaysia telah merangka pelbagai program pembangunan pendidikan luar bandar yang turut meliputi pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli. Hasil daripada pelaksanaan perancangan pendidikan tersebut, kadar penyertaan murid Orang Asli telah menunjukkan peningkatan. Pada peringkat rendah, *enrolment* murid-murid Orang Asli telah meningkat daripada 21,704 pada tahun 2000 kepada 26,210 pada tahun 2005.

Pada peringkat menengah pula, *enrolment* murid-murid orang asli telah meningkat daripada 5,971 pada tahun 2000 kepada 8,490 pada tahun 2005. Dalam usaha merapatkan jurang pendidikan, Kementerian pelajaran Malaysia telah memperuntukkan RM1.15 bilion bagi program pendidikan di kawasan luar bandar dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang turut merangkumi pembangunan pendidikan masyarakat Orang Asli yang kebanyakannya tinggal di kawasan pedalaman.

Selain itu, bagi memastikan golongan di kawasan pedalaman termasuk golongan Orang Asli benar-benar terbela, kerajaan telah menubuhkan Badan Bertindak Pelaksanaan Negara atau BBPN secara ringkas, yang di pengerasi sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Badan ini telah menyusun strategi pelaksanaan pemantauan dan penilaian yang efektif di kawasan luar bandar dan pedalaman yang turut dikenali sebagai projek-projek berimpak tinggi atau *high impact project hips*, dengan izin. Projek-projek ini akan dilaksanakan dalam tempoh tiga tahun pertama Rancangan Malaysia Kesembilan melalui pelbagai aspek seperti aspek infrastruktur, peralatan, guru, kurikulum dan program bantuan serta khidmat sokongan.

Terima kasih.

**Tuan Osman bin Bungsu:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan bahawa keciciran pelajar di sekolah sebahagian sekolah Orang Asli, terutama di kawasan pendalaman cukup tinggi. Jadi, apakah usaha-usaha yang dibuat untuk meningkatkan modal insan ini supaya menjadi modal insan yang berkualiti bagi mengatasi keciciran ini?

Yang kedua, saya difahamkan bahawa kementerian akan mewujudkan sebuah sekolah model Orang Asli - sekolah khas. Daripada *outreach* yang dibuat di Sekolah Kebangsaan Tasik Chini dahulu, jadi bilakah projek ini akan dilaksanakan dan apakah ciri-ciri keistimewaannya bila dilaksanakan projek ini? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menegaskan bahawa pendidikan murid-murid Orang Asli ini adalah sentiasa mendapat perhatian daripada Kementerian Pelajaran dan kementerian pun sedang mengambil beberapa langkah dan sedang meneliti pendekatan baru supaya dapat menarik perhatian pelajar-pelajar Orang Asli.

Di antara pendekatan baru dalam pertimbangan juga adalah macam mana kita membuat suasana untuk pelajar-pelajar ini seperti satu suasana di mana mereka ini telah biasa. Iaitu satu suasana yang mereka *familiar*, dengan izin, dan di antara cadangan yang telah diberi adalah supaya reka bentuk sekolah, *design* sekolah. Kalau boleh mestilah merangkumi unsur-unsur kebudayaan supaya pelajar-pelajar Orang Asli ini merasa selesa belajar dalam sekolah.

Kementerian juga memberi nasihat kepada ibu bapa supaya mereka ini memberi penekanan kepada hal-hal pendidikan anak-anak mereka dan juga kita menasihati supaya apabila ibu bapa ini semasa mereka pergi memburu atau memancing ikan atau menuai, kalau boleh janganlah ambil anak-anak mereka semasa mereka ini patut belajar. So, kalau boleh jangan ambil anak waktu belajar.

Seperti yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat, kementerian telah menjalankan satu program *outreach* khususnya di kalangan pelajar Orang Asli. Untuk pelajar-pelajar yang mengalami kesukaran untuk belajar, ya kita panggil bermasalah pelajaran ataupun *learning disability*, dengan izin. Satu sekolah telah pun dirancang tetapi ciri-ciri terperinci saya tidak ada pada masa ini, saya akan nyatakan secara bertulis. Tetapi memang saya ingin tegaskan bahawa kementerian memberi fokus yang penting kepada kadar keciciran yang pada masa ini tidaklah terlalu tinggi secara keseluruhan.

Kami juga memberi penekanan kepada penguasaan 3M - Menulis, Membaca dan Mengira kepada kalangan murid Orang Asli dan kalau mereka ini masih mempunyai masalah, kami memberi fokus kepada 2M sahaja iaitu membaca dan menulis melalui program KIA2M, iaitu Kelas Intervensi Awal, 2M - membaca dan menulis. Dengan langkah-langkah yang tersebut, kami harap kami akan dapat membendung kadar keciciran di kalangan pelajar orang asli. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Saya sudah bersetuju untuk memberi laluan kepada Yang Berhormat Tuan Majiol Mahap tadi. Yang Berhormat...

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih..

**Timbalan Yang di-Pertua:**...datang daripada sebuah parti politik yang mewakili masyarakat Kadazan-Dusun di Sabah ya?

**Tuan Maijol bin Mahap:** Ya, benar, benar Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang tadi soalan berkaitan dengan Orang Asli, tetapi saya beri peluang kepada Yang Berhormat yang mewakili masyarakat KadazanDusun di Sabah.

**Tuan Maijol bin Mahap:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memang ketahui bahawa bangunan sekolah menengah di luar bandar Sabah, pendalaman, masih tidak mencukupi. Ada kes di mana sekolah menengah sudah wujud, tetapi tidak ada bangunannya. Yang terpaksa menumpang atau berfungsi dengan sekolah rendah ataupun sekolah kebangsaan. Soalan tambahan saya ialah, adakah perancangan kementerian mengatasi masalah ini dalam RMK-9? Terima kasih.

**Puan Komala Devi:** Tuan Yang di-Pertua, memang seperti yang saya telah nyatakan tadi, kementerian akan membelanjakan satu bukan yang besar, iaitu RM1.15 juta untuk merapatkan jurang di antara kualiti pendidikan di bandar dan juga di luar bandar dan kami memang secara proaktif akan mengambil langkah-langkah supaya masalah yang disebutkan tadi tidak akan timbul lagi.

12. **Tuan Chua Kim Chuan** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan, adakah kerajaan bercadang untuk menambah *enrolment* dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi di IPTA dan IPTS tempatan memandangkan kerajaan masih menawarkan ramai pelajar ke luar negeri dalam bidang tersebut.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Pengajian Tinggi [Datuk Dr. Adham bin Baba]:**

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya untuk menjawab Pertanyaan Lisan ini bersama dengan soalan Pertanyaan Lisan pada 14 Disember 2006 daripada Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed kerana menyentuh perkara yang hampir sama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Setuju.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pengajian Tinggi menyedari bahawa bidang yang dikatakan seperti perubatan, pergigian dan farmasi sememangnya menjadi pilihan utama kepada pelajar yang layak dengan merit tinggi. Melalui sistem pemilihan meritokrasi yang dilaksanakan oleh pihak Kementerian Pengajian Tinggi, iaitu Bahagian Penyelarasan Kemasukan Pelajar diberi tanggungjawab menyelaras urusan kemasukan pelajar STPM, Matrikulasi dan setaraf dengannya ke bidang-bidang tersebut.

Kadar permohonan yang tinggi kepada bidang tersebut memang diakui dan Kementerian Pengajian Tinggi telah menimbangkan untuk meningkatkan tempat di IPTA dan IPTS. Segala usaha telah menunjukkan peningkatan seperti berikut, contoh:

Sesi kemasukan bagi perubatan

| Tahun | Jumlah Kemasukan |
|-------|------------------|
| 2004  | 779              |
| 2005  | 910              |
| 2005  | 925              |

Sesi kemasukan bagi pergigian,

| Tahun | Jumlah Kemasukan |
|-------|------------------|
| 2005  | 190              |
| 2006  | 205              |

Sesi kemasukan bagi farmasi,

| Tahun | Jumlah Kemasukan |
|-------|------------------|
| 2004  | 270              |
| 2005  | 284              |
| 2006  | 285              |

Kemasukan pada tahun 2006, pelajar Melayu di kursus perubatan adalah seramai 514, pergigian 116 dan farmasi 140. Walau bagaimanapun bilangan pelajar perubatan, pergigian dan farmasi masih belum lagi dapat memenuhi keperluan negara. Sebagai contoh saya sebutkan bidang perubatan di sini, unjuran pada tahun 2010, menunjukkan negara memerlukan 36,136 orang pegawai perubatan. Oleh itu, Kementerian Pengajian Tinggi akan terus menambah pengambilan dalam bidang-bidang kritikal tersebut di IPT Awam melalui peningkatan 3% setahun sehinggalah tahun 2010.

Kementerian Pengajian Tinggi tidak boleh meningkatkan *enrolment* tanpa merujuk terlebih dahulu kepada badan-badan profesional yang mengawal selia bidang-bidang tersebut yang telah menetapkan standard yang cukup tinggi. Antaranya ialah nisbah pengajar dan pelajar bagi pelajar Perubatan, ia berada pada nisbah 1:8 untuk bidang *pre-clinical* dan 1:4 untuk bidang *clinical*.

Kemudahan pengajaran dan pembelajaran juga mestilah memenuhi keperluan Majlis Perubatan Malaysia. Nisbah untuk farmasi, 1:10.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kapasiti institusi pengajian tinggi swasta pula bagi satu kursus pengajian pula adalah bergantung kepada kemudahan infrastruktur khusus dan tenaga pengajar yang tersedia di IPTS berkenaan. Selain berdasarkan cadangan yang dikemukakan, panel penilaian Lembaga Akreditasi Negara dan ahli panel penilaian terdiri daripada Majlis Perubatan Malaysia atau MMC, pergigian oleh Majlis Pergigian Malaysia atau *Malaysian Dental Council*, dan farmasi oleh Lembaga Farmasi Malaysia.

Panel-panel inilah yang mengemukakan syor berkaitan kursus-kursus ini termasuk bilangan pelajar yang boleh diambil oleh IPTS berdasarkan infrastruktur yang tersedia serta tenaga pengajar. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi harus mengimbangi di antara keperluan tenaga profesional, infrastruktur di IPT, bilangan tenaga pengajar dan bilangan tawaran tempat bagi menjamin kualiti graduan dalam bidang-bidang gunaan. Terima kasih.

**Tuan Chua Kim Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah rasional kerajaan memilih IPT di Indonesia sebagai destinasi untuk pelajar-pelajar bidang perubatan di negara kita? Adakah tahap kualiti dan standard universiti-universiti di situ lebih tinggi daripada negara kita? Terima kasih.

**Datuk Dr. Adham bin Baba:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan menghantar pelajar-pelajar kita ke luar negara dengan tujuan untuk mereka menyambung pelajaran dalam bidang-bidang yang mereka minat tetapi tidak dapat di negara kita. Pengiktirafan kerajaan terhadap universiti-universiti di Indonesia berlandaskan kepada kriteria yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tetap Penilaian Pengiktirafan Kelayakan. Singkatannya ialah JTPPK yang diurusetikan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi.

Walau bagaimanapun, pada tahun 2005, Disember, kita dapati pelajar Malaysia yang menuntut di bidang perubatan di Indonesia sejumlah 1,427 orang. Ini menunjukkan bahawa daripada ratusan universiti di Indonesia, 13 universiti sahaja yang pihak kementerian dan JPA mengiktirafnya dan di situlah pelajar-pelajar Malaysia telah pun menuntut.

Dari segi kualiti, Yang Berhormat, saya sendiri sebagai doktor perubatan telah melawat beberapa fakulti di Indonesia. Saya beri jaminan bahawa apa yang telah kita iktiraf sebanyak 13 buah universiti ini telah pun mencapai piawai penilaian dan pengiktirafan kelayakan dan mereka ini kami yakin boleh dibawa pulang sebagai doktor yang akan berjaya pada masa depan. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

**Puan Hajah Wan Hazani binti binti Haji Wan Mohd. Nor:** Tuan Yang di-Pertua, Dato' Dr. Norraesah tidak ada, dia minta saya kemukakan soalan nombor 13.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Bagi menghormati Yang Berhormat Timbalan Menteri yang hadir, yang bergegas masuk walaupun tidak sempat tukar uniformnya, saya bersetuju untuk Yang Berhormat mengemukakan soalan.

**Puan Hajah Wan Hazani binti binti Haji Wan Mohd. Nor:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalannya nombor 13.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini nampak Yang Berhormat Timbalan Menteri cukup bersungguh datang bagi menjawab soalan Yang Berhormat tadi. Silakan Yang Berhormat.

13. **Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan, pelan tindakan dan strategi yang sedang dan akan diambil untuk menentukan tahap keselamatan dalam negeri lebih kukuh dan lebih dipercayai kerana ianya mempunyai implikasi dan impak ke atas pelaburan dan pembangunan.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Mohd. Johari bin Baharum]:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, beberapa langkah telah diambil bagi memastikan keselamatan negara sentiasa terpelihara dan dapat memberi keyakinan kepada pelabur asing untuk terus beroperasi di negara ini. Dalam memelihara keselamatan negara, Polis Diraja Malaysia akan meningkatkan aktiviti pengumpulan risikan keselamatan untuk mengesan, mengawal, mencegah dan memusnahkan sebarang ancaman keselamatan yang timbul.

Kuantiti dan kualiti pengumpulan risikan, pemantauan dan perkongsian maklumat merupakan satu aset yang penting. Proses membuat keputusan dan tindakan membanteras segera dan bertambah mantap jika maklumat yang disalurkan dengan cepat, tepat dan betul. Di samping itu PDRM telah melaksanakan dan akan mempertingkatkan kemampuan untuk menganalisis dan mengesan ancaman terhadap keselamatan melalui kaedah-kaedah baru dalam program ICT sebagai salah satu alternatif. Langkah ini merupakan pelengkapan kepada kaedah-kaedah perolehan risikan keselamatan secara tradisional.

PDRM juga berusaha membentuk dan mengaktifkan kumpulan tenaga kerja dan yang mampu menjalankan dan menganalisis terhadap maklumat yang diterima bagi menyokong kemantapan dan keberkesanan operasi yang dilaksanakan. Keutamaan adalah menempatkan pegawai yang berkualiti dan mempunyai sifat-sifat analisis serta mampu membuat penilaian yang komprehensif terhadap senario keselamatan dalam negara dan serantau. Tindakan bagi mendapat sumber tenaga manusia yang sesuai dengan keperluan sedang dijalankan secara berterusan.

Sebagai langkah memantapkan kawalan keselamatan dan strategi yang dirangka dan dilaksanakan melalui pendekatan pelbagai agensi dan antara langkah-langkah yang diambil:

- (i) mengadakan jaringan kerjasama dengan agensi risikan antarabangsa;
- (ii) membentuk unit sepadu dalam mengumpul dan memproses maklumat; dan
- (iii) mengadakan program perbincangan, taklimat, penerangan dan pertukaran maklumat di antara jabatan dan agensi-agensi kerajaan dan kerajaan negeri.

Terima kasih.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, adakah kementerian bercadang untuk menambahkan bilangan pegawai-pegawai penyiasat di setiap ibu pejabat polis daerah memandangkan beban tugas pegawai penyiasat sangat berat sekarang? Terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya kita dalam rancangan untuk menambah bilangan anggota Polis Diraja Malaysia seperti mana yang diumumkan baru-baru ini bahawa kita sekarang ini kekurangan lebih kurang 60,000 anggota polis di seluruh negara kerana mengikut bilangan yang ada sekarang ini *ratio* nya dengan penduduk adalah terlalu jauh berbeza. Umpamanya di Johor, seorang polis kepada keseluruhannya adalah 1:777 dan di sesetengah tempat seperti di Johor Bahru Selatan, 1:4,000. Jadi sekarang ini kita sedang menambah bilangan anggota kita dan dengan sendirinya apabila anggota kita tambah, maknanya pegawai-pegawai yang kekurangan di bahagian-bahagian tertentu akan diisikan.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Di kawasan Bukit Bintang, di Pudu sana setiap malam Jumaat, Sabtu dan Ahad lebih kurang 200 orang budak berumur 13 tahun sampai 18 tahun berkumpul dan melepak di situ dan terlibat dalam aktiviti dadah. Disebabkan oleh kekurangan kakitangan polis, jadi polis datang mereka lari. Bila polis balik, mereka berkumpul lagi. Jadi ini berulang beberapa kali dan beberapa bulan. Sampai sekarang tindakan tidak diambil.

Jadi saya risau kerana pelancong-pelancong datang ke situ nampak budak beratus-ratus orang berkumpul di situ terlibat dalam kes-kes jenayah, ragut orang punya *handphone*. Jadi ini jadi satu masalah. Saya harap pihak kementerian Yang Berhormat bolehlah ambil tindakan yang keras dan menjamin kestabilan dan keselamatan kawasan Bukit Bintang kerana ini adalah sebuah kawasan yang paling penting untuk Tahun Melawat Malaysia 2007.

Sekian, terima kasih.

**Dato' Mohd. Johari bin Baharum:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Tahun Melawat Malaysia ini bukan sahaja di Bukit Bintang. Bukit Bintang *is part of that only*. Sebenarnya Tahun Melawat Malaysia ini seluruh negara, bukan kata di Bukit Bintang sahaja. Tetapi dalam

soal kawalan keselamatan ini memanglah kita mempunyai *constraint* seperti mana yang saya katakan tadi, bilangan kita tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, di sekitar Kuala Lumpur sekarang ini kita sedang memasang CCTV untuk seluruh kawasan di bandar raya Kuala Lumpur.

Begitu juga sekarang ini peruntukan telah diluluskan kepada pihak berkuasa tempatan untuk memasang CCTV di seluruh tempat atau di mana-mana tempat yang selalu berlaku jenayah. Berkenaan dengan masalah gejala sosial ini, memanglah kita, pihak berkuasa ini mempunyai banyak masalah kerana ini melibatkan semua pihak, bukan sahaja pihak polis sahaja. Berkenaan dengan penagihan dadah, dadah ini seperti mana yang saya katakan dalam Dewan ini, pemulihan kita buat, kerajaan belanja beratus-ratus juta, kita mempunyai pegawai penguat kuasa tetapi ia sebenarnya melibatkan seluruh masyarakat di negara kita ini.

Berkenaan dengan anak-anak yang merayau tengah-tengah malam, sebenarnya ini tanggungjawab ibu bapa. Jadi saya berharaplah dengan kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator di sini akan dapat membantulah dalam usaha memberi kesedaran kepada masyarakat di Malaysia tentang perkara-perkara masalah sosial, masalah gejala-gejala yang dihadapi oleh kita sekarang ini seperti *Mat Rempit*, dadah dan sebagainya.

Jadi saya berharaplah kerjasama ini dibuat oleh semua pihak, tidak sahaja kepada pihak berkuasa. Saya kadang-kadang kasihan juga kepada polis. Pada mulanya perkara ini melibatkan orang lain tetapi akhirnya semua tindakan itu kepada polis. Umpamanya macam kita tengok sekarang ini, kita menggalakkan pelancong datang ke Malaysia, kita benarkan *visa on arrival*. Sampai di *airport*, boleh buat. Tetapi akhirnya mereka yang datang begitu ramai ke Malaysia, yang begitu senang mendapat visa, mereka hilang tidak tahu ke mana pergi. Akhirnya kerja ini polis juga terpaksa mencari.

Begitu jugalah lain-lain berkenaan dengan ajaran sesat, akhirnya polis juga kena ambil tindakan. Jadi saya rasa ini kadang-kadang kalau kita hendak semua kalah kepada polis, hendak tunjuk kepada polis, saya rasa memanglah tidak adil. Jadi berharaplah kerjasama ini untuk menjaga keselamatan negara ini, bukan sahaja pihak kerajaan tetapi ia juga melibatkan seluruh masyarakat terutama sekali wakil rakyat seperti Yang Berhormat di Bukit Bintang, kena nasihatlah mereka turun selalu, buat program-program dengan belia, bagi kesedaran. Jadi insya-Allah, polis kita boleh bila-bila masa memberi kerjasama untuk memberi kesedaran kepada belia-belia yang terlibat dalam gejala-gejala seperti ini. Terima kasih Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Jangan lupa jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri sekali kalau ada program. Terima kasih Yang Berhormat.

14. **Puan Mumtaz binti Md Naw** minta Perdana Menteri menyatakan apakah ciri-ciri unik Bangsa Malaysia dan apakah usaha-usaha Kementerian dalam mengetengahkan identiti Bangsa Malaysia namun dalam masa yang sama berjaya mengekalkan agama dan budaya masing-masing.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Joseph Entulu anak Belaun]:**

Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tuan Yang di-Pertua, usaha menanam semangat bangsa Malaysia telah bermula sejak kebangkitan semangat nasionalisme menentang penjajahan dan usaha ini terus berkembang sebaik sahaja negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957. Semenjak kemerdekaan, perpaduan negara telah diletakkan sebagai matlamat utama negara yang akhirnya matlamat ini akan membentuk bangsa Malaysia yang terdiri daripada satu masyarakat yang teguh dan bersatu padu.

Sehingga kini tiada satu definisi khusus tentang bangsa Malaysia itu. Walaupun demikian konsep bangsa Malaysia ini kerap kali dibincangkan dan pada 28 Mei 1991, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada waktu itu pernah menyatakan bahawa bangsa Malaysia merupakan satu bangsa yang bersatu padu, mempunyai satu masa depan yang sama dan diperkongsikan, sejahtera dan bersatu padu di antara wilayah dan kumpulan etnik dan hidup dalam keadaan harmoni dan berkongsi dengan cara yang sebenar dan adil.

Walaupun tiada penjelasan terperinci tentang konsep bangsa Malaysia yang diterima oleh semua pihak tetapi fokus utama bangsa Malaysia adalah berusaha bersama untuk mencapai Wawasan 2020 dan menjadikan negara ini bertaraf negara maju tanpa mengetepikan peruntukan-peruntukan yang dinyatakan di dalam Perlembagaan Persekutuan.

Perlembagaan Persekutuan merupakan tonggak perpaduan dan ia perlu difahami oleh semua kaum dan kumpulan etnik di negara ini. Pelbagai usaha telah dibuat untuk memelihara perpaduan dan mengukuhkan persefahaman di kalangan penduduk pelbagai kaum dan kumpulan etnik di negara ini. Antara usaha-usaha yang telah dibuat ialah menganjurkan majlis dialog agama dengan pemimpin pelbagai agama. Pada tahun 2006, sebanyak tiga majlis dialog telah diadakan.

Menganjurkan program integrasi dua wilayah seperti pertukaran pelajar, jemputan menghadiri majlis pertabalan Yang di-Pertuan Agong, menyambut Hari Kemerdekaan, perasmian Persidangan Parlimen, orientasi pegawai dari pelbagai negeri dan lain-lain. Juga, menyambut bersama hari-hari kebesaran kaum-kaum seperti Hari Keamatan, Pesta Gawai, sambutan Hari raya dan juga hari kebesaran yang lain. Menganjurkan majlis Debat Perpaduan, menubuhkan Kelab Rukun Negara di sekolah-sekolah dan IPTA. Menubuhkan lebih banyak KRT, kelas-kelas tabika perpaduan dan juga kemudahan-kemudahan yang lain. Semua program dan aktiviti yang dianjurkan adalah bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, mengukuhkan perpaduan dan interaksi serta memahami budaya dan agama pelbagai kaum dan kumpulan etnik di negara ini.

Terima kasih.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya ialah, apakah sebenarnya konsep bangsa Malaysia yang lebih sesuai digunakan dengan istilah rakyat Malaysia, bukannya bangsa Malaysia, di mana rakyat Malaysia ini ialah kita

mengiktiraf kewujudan kaum-kaum yang lain. Sebab itulah di Amerika tidak menggunakan istilah bangsa Amerika ataupun *Malaysian Race*, yang digunakan ialah *American Citizen* yang juga mengiktiraf semua kaum yang lain yang wujud. Bersetuju kah kerajaan iaitu bahawa sebenarnya konsep bangsa Malaysia ini adalah mirip kepada konsep *Malaysian* Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Joseph Entulu anak Belaun:** Jawapan untuk bahagian pertama, sama ada yang lebih sesuai ialah istilah rakyat Malaysia ataupun bangsa Malaysia. Sebenarnya kita tidak ada undang-undang, tidak ada sekatan mana-mana pihak yang hendak menggunakan istilah bangsa Malaysia ataupun rakyat Malaysia. Tetapi, dari pandangan kerajaan, istilah bangsa Malaysia ini lebih mampu mengeratkan perpaduan dan juga memupuk semangat kekitaan di antara rakyat kita.

Bahagian kedua, sama ada ia menimbulkan ataupun merupakan ciri-ciri Malaysia *for Malaysian* ataupun *Malaysian for Malaysia or what ever*, dengan izin, saya ingat ini adalah perkara yang ditimbulkan oleh orang yang sengaja, ada motif tertentu. Tidak timbul sama sekali, dari segi peranan kerajaan tidak timbul sama sekali, kerana dari segi perlembagaan dari segi mana-mana undang-undang, ada perubahan. Ia cuma satu *set of mind* sahaja, cuma dalam kita punya minda sahaja, wujudnya bangsa Malaysia ini. Tetapi kedudukan mana-mana pihak tidak terjejas dan dalam istilah orang '*statistician*' dengan izin, pengwujudan mana-mana bangsa ataupun suku kaum, budaya dan kelebihan tidak *mutually exclusive* dengan kewujudannya istilah bangsa Malaysia ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat masa untuk Pertanyaan Jawab Lisan telah selesai.

***Masa untuk pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat***

## **RANG UNDANG UNDANG**

### **RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2007**

#### **Bacaan Kali Yang Kedua**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." **[12 Disember 2006]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik untuk menyambung ucapan.

**11.50 pagi.**

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu sebelum saya melanjutkan ucapan saya yang tidak berapa panjang lagi, izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-12 yang telah selesai perkhidmatannya lima tahun, dan juga sebagai rakyat Negeri Terengganu, izinkan juga saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah juga kepada Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong kerana dapat memulakan kerjanya pada hari ini.

Baru-baru ini pada jam 10.30 tadi dalam Dewan ini kita kedengaran gegaran-gegaran bedilan-bedilan untuk menandakan bahawa termasyhurnya Duli Yang Maha Mulia Sri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang ke-13. Izinkan saya melanjutkan lagi ucapan saya iaitu berkait sama dengan CEUPACS yang telah meminta daripada kerajaan untuk menaikkan gaji. Hari yang lepas kita melihatkan bahawa satu kenyataan dalam akhbar, pihak CEUPACS telah meminta daripada kerajaan untuk kenaikan gaji sejumlah 40%. Di atas sebab-sebab seperti kenaikan harga kehidupan di bandar dan di luar bandar, pun telah meningkat. Selain daripada itu juga, diberi dari segi *efficiency* dengan izin....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, saya ganggu sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, bahawa menurut Peraturan Mesyuarat 6(3) saya dengan ini menjemput Yang Berhormat bagi Datuk Jins Shamsudin untuk mengetuakan mesyuarat.

[Datuk Jins Shamsudin *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih. Yang Berhormat Datuk Haji Roslan bin Awang Chik, teruskan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini merupakan satu penghormatan kepada Datuk yang menduduki tapak Kerusi itu dan saya ucapkan tahniah dalam mengendalikan satu tugas...*[Tepuk]*

Dalam meneruskan ucapan saya ini, kenaikan yang telah dipinta oleh CEUPACS khusus kepada pegawai-pegawai kerajaan untuk menaikkan gaji sejumlah 40%. Dalam akhbar juga, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri telah pun mengatakan untuk mengkaji. Saya juga melihat bahawa pandangan ini, oleh kerana di dalam kenaikan harga ataupun di dalam kenaikan gaji ini, sudah tentu ada impaknya kepada kesan-kesan keadaan persekitaran. Iaitu apabila gaji ini dinaikkan, maka sudah tentu di peringkat swasta dan sebagainya akan juga terpaksa dinaikkan. Ianya juga akan memberi satu impak kepada *cost of living*, dengan izin, kepada persekitaran, dalam erti kata kenaikan yang begitu banyak ataupun kenaikan ini sahaja bukan akan membawa satu kebaikan kepada keseluruhan ekonomi.

Apa yang lebih penting ialah dari segi kawalan-kawalan harga, yang lebih penting di dalam kita mengendalikan ekonomi negara kita. Saya tidak nafikan bahawa sekarang ini kos kehidupan kita di bandar terutamanya di Kuala Lumpur begitu tinggi sekali. Memang sewajarnya

sedikit-sedikit perlu dibuat kajian oleh kerana kajiannya telah yang terakhir sekali ialah pada 1992. Apabila kajian ini dibuat, saya juga memohon sebagaimana rakan saya semalam mengatakan bahawa ini juga memberi kesan kepada pegawai-pegawai kerajaan yang lepas, iaitu orang-orang telah berpencen yang telah memberi khidmat mereka dan jasa baik mereka dengan begitu baik.

Tetapi, terabai oleh kerana kenaikan gaji ini hanya diberi kepada mereka-mereka yang hanya berjawatan sekarang ini. Pada mereka yang telah memegang jawatan, tetapi telah berpencen, sudah tentu akan mengalami satu masalah tekanan yang begitu ketara di atas kenaikan kos kehidupan ini. Oleh yang demikian, saya memohon kepada pihak kerajaan agar juga mengkaji kepada mereka-mereka yang telah berpencen. Tuan Yang di-Pertua.....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Mengenai dengan kadar upah ini, saya juga membangkitkan dalam perbahasan yang lalu iaitu bahawa kerajaan perlu memberi perhatian supaya kadar upah murah di negara kita ini perlu dirombak balik. Sebab itu saya menyokong permintaan CEUPACS, kenaikan gaji ini. Cuma barangkali untuk di peringkat awal ini, bersetuju kah Yang Berhormat bahawa kenaikan gaji ini dinaikkan untuk perkhidmatan sokongan seperti atendan, pembantu hospital, konstabel polis dan sebagainya? Mereka ini yang sebenarnya tertekan sekarang ini, sebab itu saya sebut iaitu tentang ada mereka ini juga di rumah pangsa yang satu, dua bilik, tetapi anak ramai. Jadi ini sebenarnya membawa kesan-kesan sampingan, itu yang pertama.

Yang Berhormat setuju kah bahawa kita utamakan dahulu yang bahagian sokongan ini?

Yang kedua, Yang Berhormat menyebut tentang, pencen. Yang Berhormat setuju kah bahawa cadangan untuk mengujudkan apa yang disebutkan sebagai caruman pencen ini? Iaitu mereka tidak akan lagi mendapat pencen, maksudnya dibuat caruman itu lebih awal ketika mereka sedang berkhidmat sekarang ini, seperti KWSP. Jadi, maksudnya tidak perlu lagi ada skim pencen, maksudnya apa yang berlaku sekarang ini ialah caruman pencen, iaitu mereka mula mencarum, selain daripada KWSP, tetapi mencarum untuk pencen. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya amat bersetuju sekali dengan cadangan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat dalam hujah itu. Oleh kerana matlamat kita ialah dari segi kedudukan orang-orang ini, yang telah berjasa, berkhidmat. Khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah, tinggal di Kuala Lumpur ini dengan hanya gaji katakanlah RM1,000, mustahil boleh mencukupi kepada seseorang walaupun ianya seorang yang bujang, tidak berkahwin lagi. Apatah lagi kalau sudah berkahwin, mustahil untuk hidup sebagai seorang rakyat Malaysia yang boleh dikatakan negara yang maju dengan menerima upahan RM1,000. Menerima upahan kepada RM1,500 pun, saya jangka mustahil juga untuk kalau ia telah berkeluarga. Jadi dalam pendekatan ini, matlamatnya ialah supaya rakyat ini lebih lagi dapat menjalani kehidupan mereka dengan lebih selesa khususnya di Malaysia. Saya

percaya cadangan Yang Berhormat baik yang sedang bekerja, mahupun cara yang berpencen ini juga perlu dibuat kajian oleh pihak kerajaan . Hanya....

**Tuan Lee Chee Keong:** Minta laluan, Yang Berhormat boleh? Minta laluan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Sekejap lagi. Saya habiskan. ...Berkait sama dengan KWSP tadi. Mengikut pengalaman yang saya lalui ataupun orang-orang lain, KWSP ini memang bagus mencarum, tetapi apabila sampai peringkat umur 55 tahun, 56 tahun menerima duitnya sekali gus dan itu mungkin menjadi masalah dari segi pengendalian ataupun dengan izin *money management*. Apabila terima RM200,000, RM300,000, RM500,000 sekali gus, ia akan menerima duit dengan begitu banyak dalam satu jangka masa yang singkat, dan berkemungkinannya tidak boleh diurus dengan baik. Kebanyakannya boleh, tetapi mungkin ada perkara-perkara yang tidak boleh. Ada yang ganjil dari segi hal ini, bagi mereka-mereka yang tidak mampu untuk mengendalikan atau menerima sejumlah besar wang daripada KWSP, sila Yang Berhormat.

**Datuk Lee Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyentuh tentang rombakan gaji kakitangan kerajaan, saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Datuk Dr. Haji Mohd Fuad bin Haji Ahmad. Sebab pada saya, kenaikan gaji atau rombakan ini harus dibuat berdasarkan pada prestasi kerja, kualiti kerja kita. Kalau kita berikan secara *cross the board* dengan izin, semua orang naik gaji, semua orang dapat sekian banyak.

Jadi prestasi kerja, kualiti kerja belum tentu terjamin. Saya lebih suka mencadangkan dalam Dewan yang mulia ini kenaikan gaji berdasarkan kepada *review* kerja tahunan atau prestasi kerja kakitangan kerajaan yang ditentukan oleh ketua jabatan. Bukan semua orang naik sebab pada saya perkhidmatan....

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, mohon minta penjelasan daripada...

**Tuan Lee Chee Keong:** Apa pandangan Yang Berhormat? Hendak beri secara *cross the board* dengan izin, atau kita pilih yang betul-betul menunjukkan prestasi kerja yang baik kita beri tambahan atau kita beri imbuhan, yang lain *sorry*. Terima kasih.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa perkara ini kita serahkan kepada kerajaan kerana dari segi sistem KPI ataupun sistem-sistem yang telah ada dalam kerajaan ini telah mencukupi untuk memberi kenaikan gaji ada yang melintang, ada yang menegak. Ini semua sudah ada dalam akta ataupun atur cara kenaikan gaji. Hanya yang perlu sekarang ini ialah kenaikan harga barang-barang, kenaikan harga kos kehidupan begitu tinggi yang mana tidak dapat ditampung oleh pihak kerajaan. Saya juga takut ialah kepada pihak swasta. Apabila pihak kerajaan naik sudah tentu pihak swasta naik. Keseimbangan ini yang akan memberi kekhuatiran kepada saya oleh kerana ada syarikat-syarikat yang mungkin tidak mampu

yang akhirnya akibatnya akan terpaksa pergi kepada pembuangan kerja pada pihak-pihak swasta. Itu kebimbangan saya.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, izinkan juga saya memberi satu imbasan kepada yang telah diminta oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Mungkin ada yang setuju mungkin tidak setuju di dalam menambahkan hari-hari cuti khususnya cuti bersalin dan sebagainya. Saya ingin memberi satu gambaran iaitu dalam satu tahun kita bekerja kita ada 365 hari. Daripada 365 hari ini 52 minggu satu tahun kali 2 hari, 104 hari telah kita bercuti. Daripada situ juga kita ada cuti hak mengikut *labor law* dengan izin antara 20 hari atau 18 hari kepada 25 ataupun 28 hari. Kita ambillah puratanya 25 hari, 104 campur 25 cuti am kita ada raya, kita ada pertabalan, kita ada sultan, hari raya haji, hari Aidilfitri, *Chinese New Year*, Nuzul Quran, hari Deepavali dan sebagainya saya kira-kira ada 18 hari setahun.

Kalau MC pula cuti sakit seseorang pegawai kerajaan ataupun seseorang pekerja berhak mengambil cuti MC tidak lebih daripada 14 hari setahun. Campur kesemua ini sekali ialah 161 hari. Daripada 365 hari tolak 161 hari tinggal 204 hari, 204 hari ini ialah hari kita bekerja iaitu bermakna dari segi 5 bulan 24 hari sahaja yang kita bekerja hanya dalam masa 8 jam. Kalau kita tolak 8 jam pula purata kita kerja sebenarnya adalah lebih kurang 2 bulan. 2 bulan ini kita terpaksa membayar gaji campur bonus sebanyak 13 bulan.

Akibatnya atau *efficiency* dengan izin yang kita katakan itu Tuan Yang di-Pertua ialah kesannya kepada bukan kepada pihak kerajaan tetapi kepada pihak swasta yang mungkin tidak mampu untuk mengikut sama dengan desakan-desakan ini oleh kerana *output* daripada pekerja-pekerja ini tidak setimpal dengan gaji yang dibayar. Itu kebimbangan saya dari segi jumlah cuti yang begitu banyak ini tidak termasuk cuti bersalin. Cuti bersalin 45 hari dan pihak swasta 60 hari. Sekarang ini hendak minta kepada 84 hari yang mana akan satu hari nanti akibatnya pada hemat saya ialah syarikat-syarikat tidak mahu mengambil pekerja-pekerja wanita. Kesan ini akhirnya menjadi kesan kepada pekerjaan ini. Seterusnya Tuan Yang di-Pertua.....

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar. Berapa lama lagi Yang Berhormat hendak mengambil masa untuk....

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya fikir dalam lima ke tujuh minit lagi.

**Datuk Jins Shamsudin:** Silakan.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Saya minta laluan, minta laluan.

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Tuan Yang di-Pertua, saya....

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, ada.....Silakan.

**Puan Mumtaz binti Md Nawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana memberi laluan. Soalan saya ialah sekiranya kita mengira dengan begitu jelas tentang cuti yang mungkin akan dinikmati oleh pegawai kerajaan dan mungkin kepada kakitangan wanita adalah lebih lagi. Bagaimana pula kita hendak mengimbangi

tentang keadaan di universiti dan sistem pendidikan sekarang yang nampaknya wanita lebih ramai dalam sektor pendidikan lebih tinggi yang mungkin akan menyebabkan mereka lebih mendapat tempat diruang pekerjaan berbanding dengan cuti yang kita ada. Bagaimana cadangan Yang Berhormat hendak mengimbangkan perkara ini?

**Datuk Haji Roslan bin Awang Chik:** Saya rasa saya serah jawapan itu kepada kementerian yang berkenaan oleh kerana Setiausaha Parlimen menjawab tadi ada bahawa kesan ataupun polisi dalam pembelajaran kita ini mungkin akan diubahsuaikan ataupun dikatakan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi tadi satu kajian yang baru. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih saya harap pegawai Kementerian Pelajaran akan menjawab soalan Yang Berhormat tadi.

Saya ingin menyentuh sedikit sahaja Kementerian Kesihatan iaitu harga ubat yang telah dibangkitkan tadi. Kita lihat bahawa perkataan *prevention is better than cure*, dengan izin, iaitu mencegah adalah lebih baik daripada merawat. Dari segi konsep ini maka sudah tentu ramai yang membeli barang-barang yang menahan mereka daripada sakit. Bahan-bahan ini yang pertama sekali begitu banyak dan telah menular. Dari segi kajian yang telah dibuat oleh *national geographic* jumlah yang akan diniagakan di seluruh dunia di dalam *prevention is better than cure* ini ubat-ubatan untuk menahan daripada sakit ialah tidak kurang daripada USD1 trilion.

Jumlah yang begitu banyak dan kesedaran orang ramai terhadap kesihatan maka banyaklah ubat-ubat ini telah melambung begitu tinggi tanpa kawalan. Ubat-ubat ini dijual merata-rata tempat yang tidak perlu kepada farmasi-farmasi dan kita tidak tahu kesahihannya, tidak tahu ketulenannya dan keberkesanannya terhadap ubat-ubatan ini.

Maka saya meminta kerajaan melalui Kementerian Kesihatan untuk pantau *regulate* dengan izin, supaya ubat-ubatan seperti ini dikawal selia dengan lebih rapi lagi supaya tidak dijual dengan begitu meluas tanpa pembeli mengetahui selok-belok kesahihan ubat-ubatan ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya sudah hendak hampir habis. Di dalam melaksanakan belanjawan ini memang sukar sekali setelah dirancang dengan begitu rapi untuk kita melaksanakan dengan lebih terperinci. Inilah yang dikatakan sistem penyampaian di dalam kini akan menjadi lebih rumi lagi. Apa yang telah dirancang kadangkala tidak dapat dilaksanakan dengan baik. Kefahaman pelaksanaan juga penting khususnya dari segi mikro pelaksanaan perlu dilihat oleh pihak yang akan melaksanakan kerja-kerja ini. Kita perlu pantau, kita perlu menjaga kebocoran, ketirisan, kita perlu juga melihat bahawa ketulenan di dalam kita memberi kerja-kerja ini khususnya kontrak-kontrak kepada mereka yang ada pengalaman dan di dalam bidang berkaitan.

Perlu juga ada sistem dan tempat saya mencadangkan supaya perlu juga ada sistem ataupun tetapi untuk rakyat mengadu apa-apa yang perlu mereka mengadu oleh kerana saya kata mengadu ini *in confidence* agar diambil tindakan sewajarnya kepada pihak-pihak tertentu yang

telah memutarbelitkan maklumat-maklumat kerajaan ini. Saya tidak mahu melihat bahawa apabila kita mengadu sesuatu atau membuat kenyataan sesuatu, kenyataan orang-orang yang mengadu itu akan diambil tindakan dan di *blacklist* dengan izin, dan akhirnya akan menjadi lebih susah lagi.

Saya mengambil contoh iaitu seorang rakan saya yang telah membuat satu laporan di dalam akhbar. Akhir sekali projek-projek yang sepatutnya telah dapat mengalami masalah dalam projek itu dan selepas pada itu langsung tidak dapat projek. Inilah kesan-kesan sistem pengaduan kita supaya pihak kerajaan mengadakan satu tempat untuk mereka ini mengadu *in confidence*.

Saya percaya dan yakin dengan tindakan dan susulan yang telah diambil oleh kerajaan sekarang ini terutama di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi yang tulus dan jujur dalam memperlihatkan negara ini menuju ke arah dan landasan yang betul walaupun menghadapi rintangan-rintangan daripada pihak-pihak yang tidak sependapat dengannya. Saya percaya tindakan ini yang saya katakan tadi khususnya di dalam ucapan saya semalam iaitu dalam memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor tempatan khususnya kepada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi memberilah peluang ini dalam menyalurkan air di Lembah Klang kepada kontraktor-kontraktor tempatan. Mungkin kalau kita lihat dari segi angkanya pihak Japan Bank of International Corporation ini akan memberi satu kesan yang tidak baik. Kita kena lihat dari segi kos *benefit ratio* dengan izin, dengan lebih berkesan lagi bukan sahaja dengan angka sahaja tapi dari segi rasionalnya, dari segi kebaikan kepada kontraktor tempatan, kebaikan kepada rakyat Malaysia khususnya.

Akhir sekali, dalam kita melaksanakan ini perlulah kita mengambil tindakan sebagai mana kata-kata pujangga "Tindakan tidak semestinya menjamin kejayaan, tapi kejayaan tidak akan terjamin tanpa tindakan".

Dengan itu saya menyokong Rang Undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih. Kita terus menyambung Rang Undang-undang Perbekalan 2007 mengikut senarai dan giliran yang telah ditetapkan. Yang Berhormat Dato' Hajah Sharipah Aminah binti Haji Syed Mohamed tidak ada maka saya pergi kepada Yang Berhormat Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain. Silakan.

**12.12 tgh.**

**Dato' Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali izinkan saya menjunjung kasih kepada Yang di-Pertuan Agong ke 12 atas khidmat bakti yang telah diberikan selama lima tahun kepada negara dan saya juga ingin menjunjung kasih di atas bermulanya perkhidmatan Yang di-Pertuan Agong ke 13 iaitu Sultan Terengganu.

Tuan Yang di-Pertua, tahniah kepada Yang Berhormat kerana diberikan kepercayaan pada pagi ini. Terlebih dahulu izinkan saya mengucapkan kepada Perdana Menteri yang telah berjaya merancang dan membenteng satu bajet mesra rakyat untuk semua golongan merasa faedahnya dan ianya sama sekali telah menyangkal dakwaan bahawa Malaysia sedang berdepan

dengan masalah kewangan yang tidak kukuh. Bajet 2007 ke arah melaksanakan Misi Nasional wawasan negara jelas menunjukkan kepimpinan negara tidak pernah membelakangkan dan mengetepikan hasrat pemimpin lalu untuk melihat negara lebih maju menjelang tahun 2020 yang hanya tinggal 15 tahun sahaja lagi.

Tuan Yang di-Pertua, gandingan mantap ke dan swasta adalah prasyarat bagi menjayakan pelaksanaan Misi Nasional. Sektor swasta menjadi pemangkin dan peneraju pertumbuhan ekonomi negara. Sebab itu pengurangan dasar cukai korporat diiringi dasar kewangan yang anjal akan meningkatkan keuntungan syarikat serta memberi rangsangan kepada pelaburan baru. Apa yang kita harap supaya pihak swasta ini tahu tanggungjawab mereka bukan sahaja sebagai pembantu kepada penjana ekonomi negara tetapi juga mesti menjadi penyumbang sosial pada masyarakat khususnya di kawasan mereka berniaga.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memberi pengecualian cukai bagi menggalakkan syarikat swasta menghargai sumbangan pekerja mereka melalui anugerah khas. Saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Sumber Manusia supaya siasatan pihak swasta baik dari sektor perkhidmatan mahupun industri yang telah mengambil pekerja dari kalangan anak tempatan secara kontrak dari setahun ke setahun. Bila kita sebut kontrak, maka pelbagai keistimewaan pekerja tidak dapat dinikmati oleh mereka kerana mereka diiktiraf seperti PATI.

Tuan Yang di-Pertua, satu peruntukan yang besar juga telah diperuntukkan kepada Kementerian Pelancongan. Tahniah kepada menteri kerana pelbagai kempen yang telah dirancang bagi menentukan bahawa Tahun Melawat Malaysia yang bertemakan menyebut 50 tahun kenegaraan mendapat sambutan daripada pelancong dari dalam dan luar negara. Masalah yang saya hendak nyatakan di sini, satu pengawalan dan penguatkuasaan terutama berhubung dengan penginapan hotel, tiket kapal terbang dan pelbagai lagi hendaklah dikawal selia harganya kerana kita bimbang di kesempatan ini mereka mencari keuntungan sehinggakan sampai keistimewaan Ahli Parlimen pun tidak dihormati. Umpamanya kalau di hotel hari ini kita tengok, satu pinggan nasi goreng harga RM42. Kita mengharapkan Kementerian Pelancongan membuat satu pengawalan kepada perkara-perkara ini.

Seperkara lagi ialah berhubung dengan kecenderungan mahukan Malaysia sebagai pusat pelancongan kesihatan. Saya ingin mencadangkan kepada kementerian supaya memantau dan memberi garis panduan khususnya dalam menyeimbangkan setiap harga perkhidmatan, rawatan dan ubat bagi memastikan industri ini menjadi sumber pendapatan negara melalui penambahan bilangan pelancong kesihatan agar mereka tidak rasa tertipu. Dan supaya kecekapan dan kehandalan pakar perubatan kita tidak hanya tinggal hebat tetapi tidak mempunyai pesakit.

Tuan Yang di-Pertua, antara matlamat Perdana Menteri adalah untuk mencergaskan sektor pembinaan kerana sektor ini memberi banyak kesan limpahan ke atas ekonomi negara. Hari ini cerita fasal masalah ketidakadilan pemberian kerja kepada kontraktor Kelas 'F' masih

lagi kita dengar begitu ketara. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada ICU kerana mengambil langkah yang baik dengan cara pengundian pada tahun ini, tetapi harapan saya kalau boleh undi projek-projek bagi Kelas 'F' ini bukan sahaja dibuat oleh ICU tetapi juga kepada pejabat daerah dan JKR, supaya tidak timbul lagi perasaan tidak puas hati di kalangan kontraktor-kontraktor Kelas 'F'. Kerana hari ini ada kontraktor Kelas 'F' yang kayanya lebih daripada Kelas 'A' tetapi ada juga di antara kontraktor Kelas 'F' yang masih tidak mampu untuk membayar hutang-hutang.

Tuan Yang di-Pertua, masalah lapuk Kementerian Kewangan yang hendak saya bawa pada pagi ini juga ialah masalah dana. Hari ini kita lihat setiap kali bajet mahupun Rancangan Malaysia Kesembilan, dana yang diperuntukkan oleh kerajaan kepada bank-bank ini banyak tapi ke mana perginya dana-dana ini? Itu yang kita hendak persoalkan. Kerana pada hari ini bila kita hendak buat peminjaman kepada bank, pertama kali dia tanya kita apa *guarantor* dia? Apa cagaran dia? Dan kalau dia beri pinjaman pun, *one to one*, satu pada satu. Maksudnya kalau kita ada RM100,000 kita layak pinjam RM100,000. Kalau kita dah ada duit RM100,000 hendak buat apa minta dengan bank? Saya tengok hari ini, makin bank itu dikecilkan, makin dana-dana itu diperbanyakkan oleh kerajaan, makin bermasalah bagi peniaga untuk mendapatkan pinjaman makin ketara hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, apakah tindakan ataupun cadangan kerajaan untuk membantu mereka yang mufliis dan C-TOS, terutamanya kepada mereka yang masih muda tetapi mungkin tersilap langkah pada awal perniagaannya. Cuba Kementerian Kewangan cadangkan jalan penyelesaian supaya mereka ini dapat membina hidup baru, kalau penagih dadah kita dapat bantu, penagih dadah kita boleh berikan berbagai-bagai peruntukan untuk memperbaiki diri mereka. Sedangkan kita tahu bahawa benda ini tidak mudah berjaya, tapi mengapakah anak-anak muda kita yang kadang-kadang hutangnya hanya kenderaan ataupun hutangnya hanya rumah dan sedikit, tidak lebih daripada RM5,000 pinjaman terus digariskan ataupun diiktiraf mereka sebagai mufliis. Jadi kita harap sebagai kerajaan dapat mencari satu jalan penyelesaian dengan berpakat dengan bank-bank apakah yang terbaik untuk mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu peraturan tatacara yang selaras harus digubal bagi ejen-ejen penarik kereta oleh pihak kewangan atau bank-bank perdagangan di negara kita ini. Kita rakyat Malaysia yang hidup dalam keadaan berbilang kaum dan harmoni ada kalanya akan tercemar oleh insiden-insiden yang boleh menggugat kesejahteraan hidup yang kita nikmati selama hari ini. Kebelakangan ini kita banyak mendengar kejadian di mana ejen-ejen penarik kereta bertindak seumpama Ah Long yang ganas atau semacam gengster, penyamun yang melakukan jenayah asalkan mereka mendapat upah dari pihak kewangan dan bank.

Pernah berlaku di kawasan saya sendiri Tuan Yang di-Pertua, satu van yang berisikan kanak-kanak sekolah ditahan kerana katanya sudah tiga bulan tidak bayar. Tetapi masalahnya penarik kereta ini tidak mempunyai langsung perikemanusiaan hingga dia lupa akan kebajikan

atau kebaikan budak-budak dalam van itu, takut menangis. Nasib baik saya terserempak maka saya halau penarik kereta ini. Jadi benda ini, maknanya keganasan itu nampak sangat, sehingga tidak ada perikemanusiaan. Pernah juga terjadi di Muar beberapa tahun dahulu, di mana peminjam ditinggalkan di lebuhraya. Ini masalah penarik kereta ini, dia tinggalkan orang itu terkonteng-konteng di lebuhraya. Pernah juga berlaku agen-agen ini melakukan jenayah dengan memecahkan pintu pagar semasa peminjam tiada di rumah. Agen-agen penarik kereta ini juga sengaja melanggar belakang kenderaan yang ingin ditarik dan menyebabkan kemalangan. Manakala kenderaan tersebut tidak dipulangkan kepada syarikat-syarikat kewangan atau bank, malah dijual kepada pihak ketiga sebagai kereta tenggelam.

Di sini saya ingin memberi beberapa cadangan yang mana mungkin dapat mengawal sikap buruk agen-agen penarik kereta serta kita dapat menghindarkan sebarang kejadian jenayah dan meningkatkan lagi kesejahteraan hidup ke arah yang lebih makmur, cemerlang, gemilang dan terbilang. Pertama cadangan saya:

- (1) Setiap agen-agen penarik kereta mesti mendapatkan lesen yang sah daripada pihak polis.
- (2) Setiap penarik kereta mesti di dalam pengetahuan pihak pemilik atau pihak yang berwajib. Jika penarikan di dalam kawasan yang berpagar, maka satu perintah mahkamah diperlukan.
- (3) Sekiranya penarikan itu di luar kawasan kediaman yang berpagar dan peminjam tidak memberi kerjasama kepada penarik, maka penarik boleh menggunakan kren dengan disaksikan oleh pihak polis atau pengawal keselamatan yang menjaga kawasan tersebut.
- (4) Kawasan-kawasan yang dilampirkan di bawah ini, yang hendak saya sebutkan di sini tidaklah boleh sama sekali dicerobohi oleh agen penarik kereta jika tidak ada kebenaran dari pihak berkuasa, yakni di kawasan sekolah, hospital, pejabat-pejabat kerajaan dan juga balai bomba.
- (5) Penarik-penarik kereta juga tidak boleh melakukan penarikan selepas jam 8 malam.
- (6) Jika penarikan telah dilakukan maka penarik yang namanya tercatat dalam lesen penarik atau yang dinyatakan di dalam surat tarik yang asal tersebut sahaja mesti datang sendiri ke balai polis yang berdekatan untuk membuat laporan penarikan tanpa menggunakan wakil-wakil penarik, adalah tidak dibenarkan sama sekali membuat *report*.

Cadangan-cadangan yang saya buat ini adalah supaya jangan kerajaan cuba menghalalkan pekerjaan-pekerjaan mereka sehinggakan mereka rasa bahawa mereka seolah-olah gengster yang berlesen.

Tuan Yang di-Pertua, dasar kerajaan melalui Kementerian Pelajaran dalam penggunaan program komputer dan ICT dalam pendidikan. Pengajaran dan pembelajaran di sekolah amatlah tepat dan bijak. Walau bagaimanapun, pemantauan dan menilai keberkesanan dasar ini dan ketentuan dasar ini tidak hanya tinggal dasar dan sia-sia, beberapa aspek yang melibatkan guru dan murid harus dibincangkan secara keberkesanan dan permasalahan setelah dasar ini dijalankan. Guru-guru harus menguasai bidang ini secara lebih cepat dan mampu meningkatkan penguasaan ini secara lebih maksimum supaya pengajaran dan pembelajaran dapat dijalankan dengan lebih efektif dan menarik. Saya percaya penggunaan komputer dan ICT telah mula meningkat dan nampak kemajuannya dan diharap dapat diteruskan dengan sebaik mungkin.

Saya ingin mencadangkan supaya Kementerian Pelajaran hendaklah mengatasi masalah kekurangan komputer. Saya juga ingin mencadangkan supaya kementerian mewujudkan jawatan guru khas komputer seperti guru pendidikan khas atau guru prasekolah, supaya guru tersebut dapat menumpukan segala aspek baik dalam perancangan dan pelaksanaan. Program yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran di setiap sekolah dengan ini dapat melicinkan penggunaan ICT di setiap sekolah. Di samping itu, kementerian mesti memastikan bahawa guru-guru ini diberi latihan kepakaran, teknik dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua,....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Masa saya terhad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Boleh Tuan Yang di-Pertua?

**Datuk Jins Shamsudin:** Silakan, sepantas yang boleh.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, dalam soal pendidikan ini sebenarnya apa yang bermasalah? Kokurikulum kita ke, perkhidmatan perguruan kita ke yang masih belum dimartabatkan ataupun peralatan-peralatan Yang Berhormat sebut tadi? Mana yang lebih utama sebenarnya sebab kalau soal komputer, kerajaan dalam Bajet 2007 telah pun memberikan pelepasan cukai pembelian komputer untuk RM3,000 ini. Jadi apa yang bermasalah sebenarnya?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Yang Berhormat, kalau ikut pada pandangan saya yang paling utama, tenaga pengajar. Lemah dia, lemah pelajar, kalau dia tidak memberikan komitmen yang secukupnya maka pelajar tidak dapat menumpukan sepenuhnya pada pelajaran.

Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan ...

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, boleh saya ganggu sebentar? Berapa lama lagi Yang Berhormat akan mengambil masa?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya baru *start* Tuan Yang di-Pertua, saya dah cuba seberapa laju yang boleh dan kalau dapat saya mohon kerjasama

daripada Tuan Yang di-Pertua dan juga rakan-rakan yang lain, jangan ganggu saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, syukur alhamdulillah negara kita berada dalam keadaan yang aman, rakyat pelbagai kaum dapat hidup penuh toleransi walaupun banyak penulisan negatif dalam akhbar dan majalah antarabangsa seperti *Youth Week* dalam dua siri bulan November yang lalu.

Rakyat pelbagai kaum di negara ini tetap berpegang teguh dengan satu misi negara untuk terus hidup aman damai. Tentu sekali formula perpaduan negara telah terjalin sejak merdeka dan terus dapat dipertahankan walaupun formula tersebut yang berasaskan kontrak sosial perlu dimantapkan lagi agar tidak menggugat kestabilan politik negara.

Kita tahu pada 31 Ogos 2007 ini genap 50 tahun kita merdeka, satu umur yang matang sekali, yakni satu tahap rasional yang tinggi dan satu keadaan yang mantap. Tentu sekali keadaan itu tidak terjadi begitu sahaja, pelbagai usaha telah dibuat, pelbagai kompromi telah tercapai terutama di peringkat perundingan politik, banyak perkara sensitif yang telah dapat diselesaikan seperti menarik benang dari tepung. Sebenarnya apabila ramai pemimpin asing mengagumi cerita *success* pentadbiran pelbagai kaum di negara ini, kita perlu beritahu mereka bukanlah mudah tapi berkat kesabaran dan sikap tolak ansur yang tinggi menyebabkan kita berjaya hari ini. Persoalannya, adakah kita dapat berpuas hati malah persoalan yang lebih besar mampu kah kita terus mempertahankannya tanpa kita terus berusaha, terus mencari jalan agar kita dapat terus hidup aman.

Baru-baru ini telah timbul bibit-bibit tidak senang sekali iaitu timbulnya pejuang hak asasi di negara ini yang mahukan hak kebebasan beragama dipakai bagi orang Islam untuk bebas memilih agama mereka, dan diberi kebebasan untuk menukar agama mereka dan sekali gus memberi laluan bagi kumpulan agama lain untuk mendakwahkan agama lain di kalangan umat Islam. Walhal ini bertentangan dengan Perkara 11 Perlembagaan Negara, ini juga jelas menjejaskan kontrak sosial yang telah dipersetujui oleh kita lebih daripada 50 tahun yang lalu. Perkara ini dibangkitkan kerana kita perlu terbuka mengenainya, dan yang paling penting kita perlu sedar perkara agama dan kepercayaan adalah perkara yang sangat sensitif. Sejak merdeka perkara ini diberikan kebebasan oleh kerajaan, iaitu setiap penganut itu bebas menganuti agama mereka dan tidak ada campur tangan antara satu dengan yang lain. Orang Islam dengan agamanya, orang Cina dengan agamanya, orang Kristian dengan agamanya, Hindu dengan agamanya malah yang tidak beragama pun dengan tidak beragamanya. Masing-masing dengan hal masing-masing. Perkara agama menjadi hal peribadi masing-masing, tidak ditimbulkan dalam akhbar, tidak digembar-gemburkan oleh mana-mana pihak, kita harus menghormati hak masing-masing...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Laluan. Boleh?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Gangguan Tuan Yang di-Pertua. Bagi saya habis bab agama ini dulu, boleh tak Yang Berhormat?

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat mahu beri laluan atau tidak?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Macam tidak mahulah.

**Datuk Jins Shamsudin:** Teruskan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Agama tidak sepatutnya dijadikan isu perdebatan dan isu amalan dalam negara. Kita seharusnya tidak mencampuri hal ehwal agama kerana masing-masing mempunyai agama mereka sendiri dan tidak perlu diperbincangkan secara terbuka tanpa peraturan tertentu yang ditetapkan.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya tadi dah beri ....

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Pasal agama, pasal agama.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Agama memanglah kita tidak boleh mencampuri hal agama secara yang boleh menimbulkan sensitiviti dan sebagainya. Tetapi dalam saya ingin menarik Yang Berhormat kepada kes Rayappan Anthony ini. Dalam kes ini jelas dia seorang Kristian tetapi bila Majlis Agama Islam Selangor menahan anak dia, jadi dalam kes ini nampak siapa yang keliru. Majlis Agama Islam ke ataupun keluarga Rayappan Anthony ini?...

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua saya tidak bercadang untuk menjawab, saya serahkan kepada pihak kementerian dan saya harap bahawa bila saya beri laluan sekali lagi tidak ada potongan masa bagi diri saya. Tuan Yang di-Pertua perkara agama ini hendaklah dimasukkan di bawah *Internal Security Act*. Sesiapa jua yang membangkitkan perasaan antara agama ini haruslah diambil tindakan yang tegas, haruslah diambil tindakan d bawah ISA supaya masalah emosi ini tidak lagi menjadi sensitif kepada semua kaum. Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan, saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua adakah masa saya terganggu?

**Tuan M. Munusamy:** Sebab ini perkara agama saya rasa ada sedikit terganggu.

**Datuk Jins Shamsudin:** Sebentar Yang Berhormat, sebentar Yang Berhormat. Saya diberi tugas untuk mengawal masa bahawa setiap orang kalau dapat jimatkan masa satu orang setengah jam. Jadi kalau banyak gangguan mungkin tidak dapat, kerana banyak lagi yang akan berucap pada pagi dan petang ini. Saya sekali lagi....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya ada lebih daripada 10 muka.

**Datuk Jins Shamsudin:** 10 muka berapa lama lagi Yang Berhormat?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Lebih, lebih.

**Datuk Jins Shamsudin:** Kalau tidak ada gangguan berapa lama lagi Yang Berhormat boleh selesaikan?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya memang baca hendak cepat Tuan Yang di-Pertua sebenarnya. Nanti kalau tidak mesej tidak sampai.

**Datuk Jins Shamsudin:** Teruskan. Jadi Yang Berhormat tidak berhasrat untuk memberi laluan?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tetapi tidak apalah. Oleh kerana datang daripada satu negeri dengan saya, saya beri laluan. *[Ketawa]*

**Datuk Jins Shamsudin:** Silakan. Seringkas yang mungkin Yang Berhormat.

**Tuan M. Munusamy:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Cuma saya hendak minta pandangan Yang Berhormat. Saya setuju juga pandangan Yang Berhormat bahawa kebebasan agama adalah hak seseorang itu sendiri. Mereka boleh memeluk apa-apa agama yang mereka kehendak, tetapi perkara-perkara yang sensitif selalu dibangkitkan dalam surat-surat khabar dan media adalah apabila perkara seperti tidak memberitahu keluarga. Keluarga itu tidak tahu tidak boleh pastikan adakah seseorang itu telah memeluk agama Islam ataupun telah balik kepada agama asal tidak boleh dipastikan. Itulah sebabnya menjadi banyak kerisauan. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa perkara-perkara seperti ini tidak berlaku supaya sensitiviti orang-orang agama yang lain juga akan dikira. Terima kasih.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Sebenarnya Tuan Yang di-Pertua pada sayalah soal agama ini sensitif apa sahaja agama dia. Maknanya masing-masing mempunyai cara beragama yang tersendiri. Dari segi dia masuk Islam kemudian dia keluar dan sebagainya ini, pada saya yang saya belajar dahulu bila hari ini kita sebut aku hendak keluar daripada agama dengan sendiri murtad. Dia tidak ada hendak menunggu sistem perundangan ataupun sebagainya itu pada saya.

Tuan Yang di-Pertua saya hendak teruskan. Saya minta kepada kementerian juga supaya agar murtad ini tidak berleluasa dan seseorang Melayu yang murtad hendaklah ditarik balik keistimewaan hak Melayunya seperti yang diperuntukkan di dalam Perlembagaan. Saya tengok Dr. Puad, dia macam kecil hati dengan saya. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan YADIM bertindak lebih agresif meningkatkan akidah umat Islam terutama di kalangan remaja. Dan JAKIM hendaklah memantau semua aktiviti YADIM agar bertepatan dengan kerja dakwah dan bukannya melaksanakan kerja-kerja perniagaan yang bukan matlamat YADIM diwujudkan. JAKIM perlu lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas dan fungsinya terutama dalam menyemarakkan Islam melalui pendekatan Islam Hadhari.

Tuan Yang di-Pertua saya ingin mencadangkan supaya JAKIM perlu menerajui satu *think tank* agama dan sosial dan buat pelan tindakan untuk menghapuskan musuh utama iaitu kelemahan akidah dan salah guna dadah. JAKIM dan semua jabatan agama di negeri-negeri

perlu diperkemas mungkin dikorporatkan. JAKIM dan jabatan agama perlu pro aktif dan tidak hanya reaktif satu dana nasional agama atau dana zakat nasional perlu diwujudkan. Agar masalah umat Islam dapat dibela dengan peruntukan kewangan zakat yang mencukupi.

Saya juga menggesa semua badan baitulmal dapat bergerak lebih pro aktif lebih cepat dan efisien. Banyak sangat kita dengar orang mengadu mengenai kelewatan bayaran sumbangan baitulmal. Kita perlu ingat kemiskinan membawa kepada kekufuran. Prosedur pemberian bantuan baitulmal perlu dikaji semula agar lebih mudah dan cepat dan berketetapan. Baitulmal berperanan membantu menghapuskan 58,000 kemiskinan tegar di kalangan umat Islam. Saya mencadangkan supaya baitulmal mewujudkan Majlis Pembangunan Baitulmal yang boleh membantu baitulmal mengesan keluarga miskin dan seterusnya menjadi telinga dan penyampai maklumat kepada pihak baitulmal.

Tuan Yang di-Pertua saya akan rasa terkilan seandainya hak wanita tidak dapat saya masukkan dalam perbahasan saya. Ianya bukan hanya saya semata-mata saya seorang wanita tetapi perjuangan saya lebih besar dari itu. Menurut satu petikan dalam majalah *The Voice* dengan izin, sebanyak 1.2 bilion penduduk di dunia ini hidup dalam kemiskinan dan 70% adalah jumlah ini adalah dari kaum wanita. Dan antara matlamat penting di dalam *Millennium Declaration 2000* dengan izin, yang telah melibatkan sebanyak 186 buah negara telah bersama-sama bersetuju akan memberikan komitmen dan tanggungjawab bersama untuk menjayakan konsep pembangunan berterusan dan membasmi kemiskinan menjelang tahun 2015. Dengan membantu memajukan kaum wanita melalui kesaksamaan *gender* dan memberi kuasa kepada wanita adalah antara kaedah yang efektif untuk mengatasi masalah kemiskinan, kelaparan, penyakit dan dapat merangsang pembangunan yang betul-betul seimbang.

Tuan Yang di-Pertua kita akui dan berterima kasih kepada Kementerian Wanita, Keluarga dan Masyarakat kerana hari ini berbagai-bagai program dan aktiviti telah dijalankan sama ada di peringkat nasional ataupun antarabangsa. Program dan perancangan seperti *Gender Budget in Malaysia Convention*, dengan izin, antara program yang amat baik jika dilihat dari perancangannya. Begitu juga di peringkat dasar, pelbagai dasar telah pun kita laksanakan. Namun realitinya kaum wanita negara ini masih lagi banyak tertinggal di belakang. Kenyataan untuk mencapai sasaran 30% berbuat keputusan dan dasar diberi kepada wanita hanya berjaya di Dewan ini sahaja. Itu pun jika tidak silap saya. Tetapi kalau kita tengok dengan pelantikan baru nampaknya makin berkurangan. Sebagai contoh dalam lima tahun penubuhan Kementerian Wanita.....

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat laluan, mohon laluan boleh?

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Bolehlah.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Saya sebenarnya hendak tanya Yang Berhormat apa yang diperjuangkan oleh Yang Berhormat? Hendak perjuangkan dari segi kuota ke dari segi

merit? Sedangkan saya tengok di barat mereka sekarang malu kalau memperjuangkan isu wanita ini berasaskan pada kuota sebab mereka perjuangankan berasaskan kepada keupayaan. Dan saya rasa di Malaysia ini pun wanita kita sebenarnya semua sudah berpelajaran tinggi. Mereka lebih handal daripada kaum lelaki jadi tidak perlulah perjuangankan soal kuota. Perjuangankan secara merit sebenarnya.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua saya terima kasih dengan Dr. Puad. Saya bukan hendak menyinggung mana-mana pihak. Kalau kita rasa hendak perjuangankan secara keupayaan, saya rasa kaum lelaki tidak ada tempat agaknya dekat Malaysia ini. Tetapi oleh kerana kita hendak menghindari daripada keaiban maka kita minta melalui kuota.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya katakan tadi sebagai contoh dalam lima tahun penubuhan Kementerian Wanita iaitu pada Januari 2001 hingga sekarang, jika dilihat dari segi statistik apa yang kita war-warkan mengenai kesaksamaan *gender* masih lagi sebenarnya pada peringkat dasar sahaja. Sebagai contoh jika dilihat daripada dasar penyertaan tenaga buruh mengikut jantina dari tahun 2001 hingga 2004 peratus jumlah penyertaan kaum wanita masih lagi pada kadar 46% hingga 47% berbanding dengan kaum lelaki yang peratusnya melebihi 80%.

Jika dilihat dari taburan guna tenaga pada 2004 kaum wanita yang terlibat dalam bidang-bidang profesional masih lagi kecil. Sebagai contoh pekerja yang melibatkan diri sebagai penggubal dasar dan pengiklanan hanya 5%, pekerjaan profesional hanya 6.7%. Manakala pada tahun 2005 juga menunjukkan jumlah wanita yang bekerja sebagai jurutera profesional hanya 2.7% manakala bekerja sebagai jurutera siswazah hanya 12.18%. Persoalan saya, ke manakah hilangnya para siswazah wanita terutamanya peringkat ijazah pertama yang jumlahnya lebih tinggi daripada kaum lelaki di IPTA iaitu sebanyak 64.1% berbanding lelaki hanya 35.9% pada tahun 2005. Umumnya mengetahui.....

**Tuan Ismail Kasim:** Mohon laluan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat.

**Tuan Ismail Kasim:** Dia selalu kacau saya tidak kan dia tidak bagi laluan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya harap Tuan Yang di-Pertua beri saya masa yang lebih sedikit pasal ramai sangat pengacau.

**Tuan Ismail Kasim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada sahabat saya Hajah Sharifah. Cuma saya ingin saya tertarik dengan hujah-hujah Yang Berhormat yang begitu lantang, berani dan penuh keterbukaan, yang telah Yang Berhormat bangkitkan tentang wanita sebagai pembuat dasar yang diperjuangkan dengan begitu bersungguh-sungguh termasuk oleh Yang Berhormat sendirilah. Persoalannya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, sebab saya tidak mahu kaitkan dengan konteks agama. Saya cuma hendak bawa Yang Berhormat....

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Tuan Yang di-Pertua minta laju sedikit.

**Tuan Ismail Kasim:** Tidak ada. Saya tidak hendak laju kerana saya hendak Yang Berhormat dengar betul-betul. Tidak mahu dengar secara dengan tidak memberi tumpuan. Ini kerana saya mahu Yang Berhormat fikirkan, adakah bidang-bidang kritikal seperti contohnya Angkatan Tentera Laut yang di mana wanita perlu ada dalam kapal dengan bercampur dengan lelaki dalam kapal selam. Benda ini tidak boleh sebenarnya. Jadi kalau hendak minta menyertai dalam semua sektor adalah sesuatu yang cukup mustahil. Nanti dia berlaku macam tentera Amerika tidak sempat pergi sudah mengandung tujuh, lapan bulan atas kapal sudah. Jadi benda-benda macam ini kena fikir kesesuaian, benda-benda yang sesuai boleh diperjuangkan, yang tidak sesuai tidak boleh. Kerana banyak masalah-masalah kesan daripada sampingan itu yang akan timbul yang akan menjejaskan soal sosial dan pelbagai lagi yang pening kepala Datuk Shahrizat hendak jawab nanti.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat karib saya Yang Berhormat Ismail Kasim. Saya akan jawab penghujung. Umumnya mengetahui wanita peringkat ini berumur 25 tahun ke 30 tahun. Banyak yang baru mula untuk membina keluarga. Namun begitu adakah berstatus ibu yang ingin membina keluarga dan masyarakat menjadikan mereka ini golongan yang lemah dan tidak proaktif kepada negara sehingga ramai di antara mereka sukar untuk mendapatkan pekerjaan. Dan kalau bekerja pun amat sukar naik pangkat, peluang untuk menjawat jawatan yang lebih tinggi berlaku hanya apabila wanita ini sedang dalam proses mencecah pencen. Sudah hendak umur 50 tahun 54 tahun baru diberikan kenaikan pangkat.

Fenomena sebeginilah sebenarnya yang merugikan negara. Apa yang cuba saya perkatakan di sini adalah para cerdik pandai wanita di negara ini sebenarnya diberi peluang yang terlalu sedikit bagi jawatan penting. Kaum lelaki hanya pandai bercakap tetapi apabila terasa tercabar dengan kehadiran wanita yang pandai ini mulalah mereka memberi beribu-ribu alasan digunakan untuk tidak menerima mereka di syarikat mereka.

Justeru itu, saya ingin mencadangkan beberapa perkara. Ini antara jawapan kepada soalan Yang Berhormat Ismail:

- (i) menetapkan sekurang-kurangnya 30% juga pekerja di syarikat GLC negara terdiri daripada kaum wanita pada peringkat penggubal dasar dan pembuat keputusan syarikat
- (ii) pihak kementerian juga hendaklah mengadakan lebih banyak program yang boleh membantu kaum wanita diterima bekerja di syarikat swasta untuk peringkat membuat dasar dan keputusan

- (iii) bagi membantu ibu muda terpelajar ini yang ingin bekerja saya ingin mencadangkan pada kementerian,
  - (a) lebih serius melaksanakan program bekerja dari rumah;
  - (b) oleh kerana sebahagian besar dari ibu muda ini tidak dapat bekerja kerana menjaga anak. Saya cadangkan agar lebih banyak beliawanis tempatan yang menganggur diberikan latihan profesional sebagai penjaga kanak-kanak;
  - (c) saya juga mencadangkan pihak kementerian bekerjasama dengan pihak terbabit dalam mengurangi masalah agensi pembantu rumah yang mengenakan bayaran yang terlalu tinggi. Hendak ambil pembantu rumah yang berkhidmat dua tahun sekali dengan kita, kita kena bayar lebih dari RM4000. RM4000 ke RM5000 untuk satu pembantu rumah;

Dia mensyaratkan kita konon-konon potong gaji tiga bulan. Tiga bulan baru berapa ringgit? Empat kali tiga baru RM1200. Tetapi hendak dapatkan satu pembantu rumah Indonesia ini, bernilai RM5,000. Setiap dua tahun kita kena tukar dia. Sedangkan kita tahu baru-baru ini kita dengar bahawa perjanjian antara Malaysia dan Indonesia hanya RM2,500 kita boleh dapat satu pembantu rumah siap dengan permit dan sebagainya. Tetapi di manakah penguatkuasaan yang menyebabkan agen-agen PATI ini untung berlipat kali ganda. Kereta dia lebih besar daripada kereta ahli politik dan Ahli Yang Berhormat. Ini yang saya susah hati ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya ingin menanyakan kepada pihak kementerian apakah matlamat penyampaian dan keberkesanan Program Deru Ombak 2001 dan Deru Ombak 2 dalam usaha mengurangi masalah keganasan terhadap wanita. Adakah program ini berjaya mengurangi masalah ini? Ini kerana menurut statistik polis, kes rogol yang dilaporkan sejak tahun 1997 hingga tahun 2004 sentiasa meningkat setiap tahun. Dalam tempoh Januari hingga Mac 2006 ini sahaja sebanyak 586 kes rogol dan 478 kes cabul kehormatan telah dilaporkan. Selaras dengan matlamat ini di dalam *Millennium Development Goals* dengan izin, yang antaranya bermaksud setiap matlamat boleh dicapai dengan menyediakan tarikh sasaran untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam erti kata mudah, setiap program dan aktiviti yang dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat harus mempunyai sasaran tempoh masa untuk mencapai matlamat tersebut. Kita tidak mahu peruntukan diberikan kepada kementerian ini terlalu banyak dihabiskan pada pelancaran sesebuah program yang hanya berjaya dilancar tetapi matlamat dan pencapaian tidak kesampaian.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini institusi keluarga terlalu rapuh. Apatah lagi bila artis pujaan kita memberi contoh sebagai berkahwin dengan lelaki yang ada keluarga. Seolah-olah

menjadikan lumrah media tidak kurang juga menggembar-gemburkan masalah rumah tangga bercerai ini semua adalah penyebab utama adalah masalah sosial. Bila ibu bapa tidak ada masa untuk anak-anak dan bila ibu bapa bercerai berai, anak-anak akan dididik oleh media, VCD dan rakan sebaya yang tidak dapat memberi kasih sayang, pegangan hidup dan nilai-nilai murni. Akhirnya anak-anak terjebak dengan dadah, keciciran, minum arak dan seks rambang. Saya ingin mencadangkan Kementerian Penerangan menghentikan program-program berunsur hiburan yang tidak menentu terutama seni kata lagu dengan pakaian lucahnya. Hentikan drama-drama yang tidak memberi pedoman dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, media merupakan satu saluran yang sangat penting dalam memberikan maklumat kepada masyarakat. Kepentingan media elektronik memang tidak boleh dinafikan. Saya juga faham setiap badan penyiaran akan cuba sedaya upaya menyediakan rancangan-rancangan yang dapat menarik jumlah penonton yang tinggi demi keuntungan syarikat. Namun begitu saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah tindakan pihak kementerian sekiranya syarikat penyiaran ini menyiarkan sesuatu tayangan yang dapat menarik minat ataupun ramai penonton sehingga ratingnya tinggi walaupun rancangan tersebut sebenarnya tidak mempunyai moral dan pendidikan yang baik? Contohnya seperti rancangan berkaitan pemaparan jenayah yang berlaku di negara ini oleh stesen televisyen yang bagi pendapat saya boleh memberikan gambaran yang seolah-olah negara kita ini tidak selamat sehingga boleh menimbulkan rasa ketakutan kepada masyarakat untuk keluar rumah.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, Yang Berhormat sudah masuk ke masa kecemasan.

**Puan Hajah Sharifah Azizah binti Dato' Syed Zain:** Saya laju sedikit sahaja lagi. Ada beberapa kementerian lagi. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peringatan. Apa rasionalnya disiarkan secara langsung masalah putus tunang dan perkahwinan antara artis dengan orang kaya yang pada saya siaran langsung ini tidak memberi pendidikan yang baik kepada masyarakat. Ini kerana di sebelah pihak masyarakat dihidangkan dengan gambaran sebuah perkahwinan yang meriah dan gilang-gemilang manakala situasi kesedihan kesan keruntuhan rumah tangga kepada sebelah pihak lagi seolah-olah tidak berlaku.

Justeru itu, saya memohon kepada kementerian agar lebih bertegas pada stesen televisyen yang sering menayangkan rancangan yang hanya memikirkan kepentingan rating atau keuntungan semata-mata. Memandangkan pengawalan media elektronik ini di bawah dua kementerian, maka inilah antara punca persaingan rating ketinggian penonton. Seheinggakan siaran atau rancangan yang disiarkan kadang-kadang tidak berkualiti. Dari itu, saya ingin mencadangkan supaya media elektronik ini diletakkan di bawah satu kementerian sahaja iaitu Kementerian Penerangan.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya ialah isu penindihan fungsi. Fungsi merupakan fenomena yang merugikan sesebuah negara dan telah lama bertapak di negara kita. Di negara ini, penindihan fungsi berlaku di ketiga-tiga peringkat pemerintahan iaitu pertindihan di peringkat Persekutuan, peringkat pentadbiran negeri dan juga peringkat agensi kerajaan tempatan. Sebagai contoh kemelut atau isu pemberian lesen stesen televisyen dan radio swasta pernah satu ketika menimbulkan kekecohan antara Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga Air dan Komunikasi. Begitu juga dengan isu pengangkutan. Terdapat tiga kementerian yang terlibat iaitu:

- (i) Kementerian Pengangkutan - urusan peraturan jalan raya;
- (ii) Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi - urusan permit pengangkutan; dan
- (iii) Kementerian Kerja Raya - pembinaan jalan raya.

Banyak lagi contoh-contoh lain yang boleh dikemukakan. Hari ini, kerajaan sedang mempergiatkan satu jana ekonomi negara supaya wang dapat dibelanjakan dalam negara. Tetapi malangnya pertindihan fungsi kegagalan *delivery system* telah menyebabkan punca perkara ini tidak dapat dijalankan. Peruntukan yang diturunkan sebanyak RM600 juta tidak dapat dibelanjakan hanya kerana perebutan untuk melaksanakan kerana pertindihan. JKR kata dia boleh buat, ICU kata dia boleh buat, Pejabat Daerah kata dia boleh buat. Akhirnya projek tidak sampai, rakyat tidak dapat mengecap keistimewaan itu. Jadi kita harap perkara ini dapat diteliti oleh kementerian. Soalannya, apakah usaha pemantauan daripada pihak kementerian untuk mengatasi atau mengurangi masalah ini?

Saya juga ingin mencadangkan agar pemantauan berkala dan tetap contohnya setiap enam bulan terhadap sesuatu projek dan laporan hasil pemantauan hendaklah dibentangkan kepada Dewan Rakyat dan Dewan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, hampir akhir. Misi negara tidak akan tercapai jika perpaduan negara tidak dapat terus dipupuk. Kita agak jauh ketinggalan dalam usaha memupuk perpaduan. Saya ingat dahulu ada satu bahasa kebangsaan, satu kebudayaan kebangsaan, ada satu sekolah kebangsaan, ada lagu perpaduan, ada Tabika Perpaduan dan ada pelbagai perpaduan. Kini semua itu tidak diusahakan dan tinggal nama sahaja. Malah ramai warganegara ini tidak tahu bertutur dalam bahasa kebangsaan iaitu bahasa perpaduan. Jadi bila tidak boleh berkomunikasi, bagaimana hendak berpadu? Perkara ini amat menyedihkan, tetapi belum terlambat. Saya mohon Jabatan Perpaduan menerangkan Pelan Tindakan Perpaduan Negara, adakah kita mempunyai undang-undang mengenai perpaduan negara?

Kita perlu ingat bahawa kestabilan sosial adalah asas kepada kestabilan politik, asas perkembangan ekonomi dan asas kepada pembangunan negara. Dengan itu, akhir kata, marilah kita bersama-sama mendoakan semoga segala usaha yang baik dan yang telah dirancang akan

dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya supaya matlamat Misi Nasional untuk mencapai pembangunan lebih pesat, menikmati kualiti hidup lebih tinggi dan meriah, dan meraikan kesejahteraan akan tercapai. Marilah kita bersama-sama bertekad dan berusaha dengan lebih gigih, tekun dan jujur dalam membina sebuah negara maju menjelang 2020. Marilah kita bina warga yang berpadu dan bersatu walaupun mempunyai bangsa dan kaum yang berlainan. Dengan kata-kata itu, saya memohon menyokong. Terima kasih.

**Datuk Jins Shamsudin:** Terima kasih Yang Berhormat. Masa tidak banyak kerana mengikut senarai yang telah disediakan seperti yang telah diputuskan sebelum ini oleh Tuan Yang di-Pertua iaitu sekarang saya mempersilakan Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed.

**12.54 ptg.**

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya turut bangun untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Bajet 2007. Menyeluruh dan meliputi semua sektor ekonomi, merangsang perniagaan, melonjak pertumbuhan ekonomi serta mempunyai fokus dan hala tuju yang cukup jelas. Itulah inti pati utama dalam Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Namun apa yang menarik untuk dikupas ialah impak Bajet 2007 kepada ahli perniagaan sektor swasta dan korporat.

Tuan Yang di-Pertua, selepas Bajet 2006 berjaya menyeimbangkan antara komitmen kerajaan dalam mengurangkan defisit bajet dan langkah mencergaskan kegiatan ekonomi negara. Bajet 2007 yang bertemakan, 'Melaksanakan Misi Nasional ke Arah Mencapai Wawasan Negara' telah dirangka dengan begitu baik dan teliti dengan menyediakan langkah dan insentif khusus bagi mencapai setiap teras dalam Misi Nasional. Selain mesra rakyat, Bajet 2007 boleh dianggap sebagai mesra perniagaan. Ia menekankan kepada usaha lebih jelas kerajaan dalam mencapai semua teras yang digariskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Perindustrian Ketiga iaitu IMP3.

Tuan Yang di-Pertua, penekanan khusus telah diberikan kepada usaha membangunkan sektor ekonomi yang dikenal pasti sebagai sumber pertumbuhan baru ekonomi di bawah RMK-9 dan IMP3. Ini dapat dilihat daripada insentif bagi memajukan sektor seperti bioteknologi, pertanian, pembinaan, teknologi maklumat dan komunikasi ICT. Insentif yang dicadangkan dalam bajet kali ini dijangka dapat menggalakkan perbelanjaan swasta bagi membolehkan sektor domestik terus menjadi pemacu utama pertumbuhan terutamanya dalam persekitaran ekonomi global yang dijangka menyederhanakan tahun depan.

Tuan Yang di-Pertua, harus diingat Malaysia yang ekonominya bergantung pada pasaran eksport sebagai salah satu punca utama pendapatan boleh terjejas jika terlalu bergantung kepada sumber eksport terutama apabila rakan dagang utamanya seperti Amerika Syarikat dan Eropah

mengalami pertumbuhan ekonomi yang sederhana. Justeru, sebagai insentif yang diperkenalkan dalam bajet kali ini diyakini akan menggalakkan pelaburan domestik bagi mengurangkan kesan daripada pertumbuhan ekonomi global yang dijangka sederhana pada tahun depan. Ia juga selaras dengan hasrat kerajaan bagi mengurangkan defisit dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi dalam persekitaran mencabar.

Pendek kata, kerajaan meningkat perbelanjaan pada tahun 2007 untuk mengurangkan risiko kelembapan ekonomi dan kesan negatif akibat penurunan ekonomi global. Cadangan supaya kadar cukai pendapatan syarikat dikurangkan misalnya adalah satu isyarat jelas untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta. Manakala potongan cukai korporat kepada 27% tahun depan dan 26% pada tahun 2008 dianggap sebagai kejutan dalam Bajet 2007 yang dianggap berupaya merancakkan lagi pelaburan dan memberi kesan positif kepada pasaran saham. Ini kerana cukai korporat 28% yang dikenakan sejak 1998 dianggap tinggi berbanding negara-negara serantau lain. Jumlah 1% ini sebenarnya amat besar nilainya kerana ia bersamaan dengan RM1bilion biarpun pengurangan cukai itu akan menyebabkan kehilangan hasil yang besar berjumlah lebih kurang RM2 bilion.

Namun ia diyakini akan memberi kesan positif ke atas ekonomi negara. Potongan cukai korporat kepada 27% pada tahun depan dan 26% pada 2008 akan menjadikan Malaysia sebagai destinasi serantau yang menarik kepada pelabur asing kerana insentif berkenaan adalah satu langkah yang boleh meningkatkan motivasi pelabur. Kejutan yang diumumkan oleh kerajaan ini dianggap sebagai satu langkah positif ke arah menggalakkan pelaburan dan mendorong kemasukan pelaburan portfolio asing di pasaran ekuiti dalam jangka panjang. Potongan cukai ini juga dilihat sebagai begitu bermakna bagi menjana pertumbuhan ekonomi. Penurunan cukai korporat dengan dasar kewangan yang membantu ketika ini akan meningkatkan keuntungan korporat dan juga merangsang pertumbuhan baru. Penurunan kadar cukai dan pelbagai insentif lain juga sudah pasti akan menggalakkan Pelaburan Asing Langsung atau FDI, dan Pelaburan Portfolio di negara ini. Manakala langkah kerajaan mahukan Syarikat Senarai Awam iaitu PLC, mendedahkan pembabitan mereka dalam program tanggungjawab sosial korporat atau CSR, akan menggalakkan amalan berguna di kalangan korporat tempatan.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, masa telah cukup. Yang Berhormat boleh sambung perbahasan di sebelah petang nanti.

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Jins Shamsudin:** Saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan terima kasih di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya untuk mempengerusikan Dewan yang mulia ini. Terima kasih juga kepada Ahli Yang Berhormat sekalian. Dewan ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang nanti.

***Dewan ditempokkan pada pukul 1.00 petang.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.***

[Timbalan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat***]

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Dato' Hajah Saripah Aminah untuk meneruskan ucapan.

**2.32 ptg.**

**Dato' Hajah Saripah Aminah binti Haji Syed Mohamed:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Bajet kali ini adalah transformasi negara kepada sebuah ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Ini akan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing bagi FDI. Langkah kerajaan memberikan insentif bagi menggalakkan pembangunan *hub* halal dan sektor kewangan Islam akan meletakkan negara pada kedudukan yang lebih baik dalam bidang yang mana ia mempunyai kelebihan. Cadangan menubuhkan Perbadanan Kemajuan Industri Halal yang akan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dengan geran pelancarannya sebanyak RM25 juta akan dapat memastikan segala usaha memajukan industri halal dilaksanakan secara bersepadu dan menyeluruh.

Adalah jelas Bajet 2007 mengambil kira ketegangan geopolitik yang melembapkan ekonomi dunia. Kebimbangan mengenai inflasi dan kenaikan kadar faedah. Justeru pelbagai insentif diperkenalkan bagi menggerakkan pelaburan swasta dan perbelanjaan pengguna. Bajet 2007 juga bajet pertama selepas pembangunan pembentangan RMK-9 dan IMP3, memperincikan langkah untuk mencapai apa yang digariskan dalam kedua-dua pelan induk dan transmisi nasional termasuk menggerakkan ekonomi Malaysia ke paras yang lebih tinggi, meningkatkan keupayaan pengetahuan dalam negara dan memupuk mentaliti kelas pertama di kalangan rakyat.

Perusahaan kecil dan sederhana juga terus diberi perhatian apabila Multimedia Development Corporation – MDC, menerima peruntukkan sebanyak RM154 juta untuk menjalankan pelbagai aktiviti bagi membangunkan prima PKS dalam bidang ICT. Dengan bilangan PKS merangkumi 96.1% daripada keseluruhan perniagaan, ia berpotensi menjadi pemangkin kepada pertumbuhan pelaburan sektor swasta. Insentif bagi membangunkan Malaysia sebagai pusat kewangan Islam bila mana perbankan Islam dan entiti takaful yang melaksanakan perniagaan dalam mata wang asing dan dilesenkan mengikut Akta Perbankan Islam 1983 dan Akta Takaful 1984 telah diberi pengecualian cukai penuh bagi 10 tahun berkuat kuasa 2007 hingga 2016 juga satu lagi tarikan bagi sektor berkaitan.

Kerajaan juga mencadangkan tambahan pengecualian duti setem 20% diberi kepada instrumen berkaitan kepada perbankan Islam bagi tempoh tiga tahun mulai 2 September 2006 sehingga 9 September 2009 sebagai tambahan ia mencadangkan pengecualian bagi tempoh 10 tahun diberi kepada pengurus dana tempatan dan asing yang menguruskan dana Islam bagi pelabur asing. Kini syarikat asing dan tempatan yang dilesenkan mengikut status pengurusan

dana asing yang diluluskan untuk mengurus dana pelaburan asing dikenakan cukai pendapatan pada kadar konsesi 10% sahaja. Umumnya sektor korporat perbankan dan kewangan menyambut baik fokus yang signifikan pada perbankan Islam dan pelbagai intensif cukai dalam Bajet 2007. Untuk menjadikan Malaysia hab kewangan Islam global utama serta untuk menggalakkan bank tempatan meneroka ke seberang laut.

Tuan Yang di-Pertua, insentif ini diyakini akan merangsang bukan sahaja institusi kewangan Islam tempatan, malah akan menarik lebih banyak institusi kewangan global untuk beroperasi di negara ini dan ini akan mempercepatkan proses liberalisasi sistem kewangan Islam di negara itu. Sementara keputusan kerajaan untuk menaikkan modal berbayar bank kepada RM2.7 bilion daripada RM370 juta akan memuatkan sistem kewangan Islam ini dan meningkatkan asas pelanggan masing-masing bagi membolehkan mereka meneroka ke seberang laut.

Namun demikian pendapat Persekutuan Pekilang-pekilang Malaysia atau FMM, bahawa mesti ada ketulusan dalam pelaksanaan dan pengagihan dana-dana yang diperuntukkan tidak harus dipandang sepi. Kerajaan perlu memastikan ketulusan dalam pelaksanaan perbagai strategi bajet terutamanya dalam pengagihan geran-geran dan pinjaman-pinjaman di bawah pelbagai dana. Dana-dana patut dikeluarkan secara telus dan proses tidak patut birokratik.

Tuan Yang di-Pertua, dengan meningkatkannya ketidaktentuan luaran berikutan harga minyak dan kadar faedah yang tinggi, ketidakseimbangan global serta kelembapan ekonomi global, Bajet 2007 menggunakan pendekatan tersendiri untuk menjana pertumbuhan ekonomi dan mengatasi cabaran mendatang. Bajet 2007 juga membuka jalan menggerakkan sektor swasta sebagai penjana utama pertumbuhan ekonomi negara.

Kerajaan telah melahirkan keyakinan bila mana ekonomi negara tahun ini akan mencatat pertumbuhan sekurang-kurangnya 5.8% selain jangkaan pertumbuhan 6% untuk tahun hadapan.

Namun dengan tindakan bijak dan pendekatan pintar yang digariskan pucuk pimpinan negara menerusi Bajet 2007 pertumbuhan ekonomi negara tahun depan dijangka mampu melepasi matlamat ini yang telah ditetapkan iaitu melebihi 6% berbanding ekonomi global pada tahun 2007 yang dijangka lebih perlahan pada kadar 4.7% sahaja kesan kenaikan harga minyak yang kekal tinggi dan ketegangan geopolitik.

Tuan Yang di-Pertua, infrastruktur berkualiti dan kemudahan yang perlu akan terus dibina di seluruh negara dalam RMK-9 bagi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada rakyat. Namun memperkukuhkan modal insan dan membawa perubahan budaya dan sikap pastinya merupakan satu cabaran utama dalam tempoh rancangan ini. Fakta yang paling utama bagi menjadi sebuah negara maju ialah keupayaan dan keperibadian masyarakat negara tersebut. Malaysia tidak boleh lagi dilihat sebagai sebuah negara yang memiliki infrastruktur kelas pertama tetapi mentaliti kelas ketiga. Kita perlu menerapkan pendekatan yang menyeluruh terhadap pembangunan insan, pembangunan modal insan yang menekankan bukan sahaja ilmu

pengetahuan dan kemahiran tetapi juga nilai etika minda yang progresif dan kesedaran budaya yang tinggi.

Menyentuh hal-hal ini saya pohon mencadangkan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan agar menubuhkan satu badan atau suruhanjaya bagi mengkaji Rang Undang-undang dan Akta Kerajaan Tempatan memandangkan sebenarnya bukan PBT yang bermasalah tetapi majoriti Ahli-ahli Majlis yang tidak tahu akan tanggungjawab mereka sebagai anggota yang penting dalam meluluskan pelan dan lain-lain yang banyak menyusahkan orang awam terutama pembayar cukai yang memerlukan pembelaan.

Buat masa ini, PBT di seluruh negara adalah di bawah tanggungan Kementerian Pembangunan Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan kerajaan negeri. Kita dimaklumkan yang majlis-majlis perbandaran daerah adalah di bawah kerajaan menteri. Sekiranya masalah dihadapi oleh rakyat atau pembayar cukai melalui majlis-majlis ini kian meningkat, apakah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak ada formula yang lebih berkesan untuk menegur pentadbiran majlis-majlis ini. Janganlah kita tidak ambil tahu hal akan hal PBT ini, apa, cukup kah sekadar melantik Yang Dipertua Majlis dan Ahli-ahli Majlis diuar-uarkan dan digah-gahkan dan selepas itu biarkan mereka-mereka ini beraja di hati dan bersultan di mata. Apa yang tidak boleh di lulus, apa yang tidak ada dalam akta, semuanya boleh pendek kata serba-serbi boleh. Janganlah salah gunakan cogan kata 'Malaysia Boleh', cuma jangan boleh semberono sahaja akan membawa padah.

Tuan Yang di-Pertua, ada YDP yang sudah bosan tegur kesilapan dan kecuaiannya kaunselor-kaunselornya. Ada sesetengah kaunselor sudah lebih separuh abad menjadi ahli majlis, buat-buat tidak faham yang cukai tanah perlu dibayar. Buka kedai makan mesti ada lesen, pekerjaannya mesti di lulus oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan bermacam-macam lagi yang syarat-syarat yang perlu di sedia maklumkan. Sebelum mendapat kelulusan mengambil jalan pintas akan membawa padah. Ini bukan berlaku di satu PBT sahaja, boleh dikatakan 90% PBT yang terlibat cuma nasib-nasib mereka ini baik sedikit. Setakat ini tiada siapa yang teropong keadaan majlis-majlis tersebut.

Kementerian jangan lepas tangan sahaja, turun padang dan pantau dan jika perlu ambillah tindakan serta-merta dengan tegas. Imej PBT mesti dipulihkan. Integriti dan maruah PBT sebagai *gate keeper* hal ehwal pentadbiran penduduk setempat mesti dipertingkatkan. Janganlah PBT menjadi beban kepada pembayar cukai dan akhirnya kementerian akan dipertanggungjawabkan masalah-masalah ini sehinggalah sultan dan raja-raja terpaksa campur tangan untuk menyelesaikan masalah yang sekecil ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya memang bangga dengan bangga dengan pencapaian PDRM di bawah kepimpinan Dato' Seri IGP kita, Dato' Seri Musa Hassan. Kita berharap harapan dan impian beliau menjadikan PDRM yang terbaik di era beliau menjadi kenyataan. Namun demikian,

Tuan Yang di-Pertua, sedikit teguran dan harapan agar Dato' Seri IGP jenguklah ke tempat-tempat atau balai polis yang menerima laporan kemalangan jalan raya di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya dan Selangor.

Pegawai-pegawai polis di kaunter yang mengambil laporan serta yang menemu bual pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan ini mungkin ada urusan yang tersirat dengan pihak-pihak penarik kereta *tow truck* atau agen-agen mereka. Dalam kemalangan jalan raya bukanlah semua kereta yang terlibat memerlukan untuk ditarik ke balai polis. Sesetengahnya masih boleh beroperasi. Tetapi perlu ke balai polis tetapi untuk membuat urusan laporan dan pemeriksaan kenderaan oleh pihak polis seperti mengambil gambar serta lain-lain. Mungkin untuk urusan tuntutan insurans dan lain-lain lagi.

Tetapi malangnya, mereka ini di *side line* kan oleh pihak-pihak polis ini yang dibawa oleh agen-agen diberi keutamaan. Kalau kes *accident* di mana yang terlibat meninggal dunia, kita faham. Itu perlu diberi keutamaan. Tetapi ini tidak, mereka ini masuk dan diberi layanan istimewa. Pihak PDRM tolong siasat dan ambil perhatian atau ikut cara bank dan hospital. Keluarkan nombor giliran agar pilih kasih ini tidak berlaku.

Dengan kata-kata ini saya pohon menyokong. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Daripada senarai yang ada di tangan saya, saya ada lebih kurang 10 orang lagi Ahli-Ahli yang ingin berbahas. Memandangkan kita mempunyai masa sehingga petang besok, maka saya perlu mengingatkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa dalam perbahasan nanti kita seboleh-bolehnya jangan mengulangi lagi perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh ahli-ahli yang lain supaya kesemua ahli-ahli yang berminat untuk mengambil bahagian dalam perbahasan dapat diberi peluang.

Saya harap dapat kerjasama daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad.

**2.48 ptg.**

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya kesempatan untuk membahaskan Bajet 2007.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sebelum daripada itu selepas ini saya minta Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bersedia.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bermula dengan memperkatakan bahawa Bajet 2007 yang sedang kita bahaskan yang sudah pun diperkenalkan kepada kita merupakan satu cerminan Rancangan Malaysia Kesembilan satu pengisian kepada Rancangan Malaysia Kesembilan dan satu fakta ataupun elemen yang mungkin tidak ketara sehingga kita benar-benar menelitinya ialah satu percubaan oleh kerajaan untuk mengimbangkan di antara pertumbuhan belian kuasa membeli atau *purchasing power*, dan akhirnya akan

meningkatkan *total aggregate demand* dengan izin, dan juga mengimbangkannya kepada tahap hutang piutang negara.

Ini adalah satu perkara atau satu elemen yang harus kita memberi tepukan kepada kerajaan kerana dia dapat menyusun dan menyesuaikan kehendak kedua negara itu. Oleh kerana mempertingkatkan kuasa membeli rakyat menunjukkan ataupun akan menentukan bahawa pertumbuhan ekonomi akan berlaku kerana kita sendiri mengetahui apabila adanya kuasa membeli oleh rakyat maka *linkages* ataupun kaitan kepada aktiviti ekonomi itu akan bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, banyak perkara yang sudah pun diperbincangkan oleh rakan-rakan saya Ahli-ahli Dewan Negara, Saya ingin menyentuh dua perkara dari aspek dan dimensi yang mungkin tidak atau belum lagi disentuh oleh sahabat-sahabat saya. RMK-9 dan pengisiannya yang terbaru iaitu Bajet 2007 memperkenalkan sektor-sektor baru yang dinamakan dinamik yang dapat memberi pertumbuhan ekonomi yang lebih baik dan lebih tinggi kepada negara kita.

Kita sudah pun melihat bahawa pertumbuhan ekonomi sudah pun dapat kita capai di tahap yang amat tinggi yang saya rasa sungguh pun tidak dianggap sebagai lebih tinggi daripada tahun 80-an namun memandangkan kepada krisis dan persekitaran ekonomi dunia maka pertumbuhan ekonomi 5.4 dan 5.6 itu adalah sesuatu yang kita rasakan adalah yang dapat dibanggakan, *honorable rate* Tuan Yang di-Pertua.

Kita perkenalkan dua sektor baru yang dipanggilkan dua sektor baru yang dinamik iaitu pertanian yang diberikan peranan ketiga pentingnya sebagai penjana ekonomi. Kita harus melihat keupayaan kita untuk mempertingkatkan sektor pertanian ini dari beberapa aspek. Dari aspek keupayaan kita dalaman dan juga keupayaan kita mengeksploitasi sektor ini sehingga ia menjadi satu produk peneksportan yang penting.

Sahabat-sahabat saya sudah pun bercakap tentang pembiayaan sektor pertanian. Kesusahan untuk memulakan sesuatu yang sungguhpun dianggap sebagai dinamik tetapi diperkenalkan baru sahaja apabila sudah lama diketepikan. Pembiayaan produk-produk *agriculture*, pertanian oleh bank-bank masih lagi menghadapi masalah oleh kerana para-para pegawai di bank-bank belum lagi dapat menghayati dan memahami pentingnya pertanian itu sebagai suatu sektor yang dapat membawa negara kepada suatu tahap pertumbuhan ekonomi yang lebih maju dan meningkat.

Tetapi kita lihat pula dari segi akhirnya kalau kita berupaya meningkatkan keupayaan produk kita dalam pertanian dan kita hendak meninjau pula kepada pasaran dunia untuk kita mengeksportnya. Kita lihat betapa sukarnya negara-negara lain yang sudah pun memberi pertimbangan yang amat tinggi dan kuat kepada pertanian untuk menembusi pasaran dunia.

Ini adalah kerana negara-negara yang membangun, negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun sungguh pun mereka melaung-laungkan perkataan globalisasi dan liberalisasi sebenarnya negara-negara-negara inilah yang mengenakan sekatan-sekatan ketara

dan tidak ketara tentang pengimportan pengambilan barangan-barangan yang dikatakan barangan *by product*, pertanian ini.

Kita lihat kalaulah negara membangun seperti Malaysia ini memberi subsidi kepada nelayan, kepada peladang-peladang kita heboh kalau kita ada satu-satu perundingan antarabangsa, mereka akan mengambil ini sebagai satu isu yang akan dibangkit untuk menekan negara-negara membangun dari memperkenalkan subsidi.

Tetapi kita lihat sahaja di Amerika Syarikat sahaja Tuan Yang di-Pertua, dua pertiga daripada pendapatan perladangan dan pertanian datangnya daripada subsidi. Setengah daripada pendapatan perladangan dan pertanian di Jepun adalah terdiri daripada subsidi yang di terima oleh peladang-peladang.

Untuk beberapa produk seperti gula, beras dan nasi, jumlah subsidi di dalam pendapatan seorang peladang di negara-negara ini ada kalanya menjangkau 80%. Ini membolehkan mereka menambahkan produksi atau hasil mereka tetapi di samping itu ia menekan harga barangan-barangan tersebut. Bila ini berlaku, maka pengeluar-pengeluar seperti Malaysia untuk menembusi pasaran di luar negara ini kerana kita akan ingin tentu sekali mempertingkatkan hasil pengeluaran kita melalui pengeksportan.

Tetapi kesukaran ini adalah sesuatu yang akan kita hadapi sebagai sesuatu yang amat getir yang sungguh pun di meja perundingan kita berjumpa sering kali tetapi penyelesaian masih lagi tidak dapat kita temui oleh kerana sektor pertanian dianggap sensitif kepada negara-negara ini.

Maka dengan ini, saya ingin menyarankan supaya sektor pertanian mulanya dijadikan satu sektor yang penting di mana pengeksportannya bermula di antara negara-negara ASEAN dan negara Asia dan bila kita kuat nanti kita dapat menembusi pasaran-pasaran di Amerika Syarikat dan Eropah. Namun, kita dapat juga mencari barangan-barangan, keluaran-keluaran yang tidak sama seperti barangan di Amerika Syarikat dan negara Eropah. Walau apa pun kita kata Tuan Yang di-Pertua, mereka ini adalah terdiri daripada negara-negara yang mempunyai kuasa membeli yang amat tinggi.

Saya ingin menjurus sekarang ini kepada apa yang dikatakan kita sudah menjadi satu nama *household name* dengan izin, iaitu bioteknologi. Bioteknologi berasas daripada kekayaan *biodiversity* kita di negara kita. Negara Malaysia termasuk negara Indonesia, Filipina dan India adalah terdiri daripada negara-negara yang mempunyai keluaran ataupun bahan *biodiversity* yang begitu kaya sekali.

Tetapi kita tidak mempunyai teknologi. Kalau kita lihat dan analisis perkembangan bioteknologi di negara ini, kita dapat melihat bahawa negara-negara maju yang mempunyai teknologi yang begitu *advance* sekali adalah negara-negara yang dapat benar-benar

mengeksploitasi hasil dan potensi bioteknologi daripada *biodiversity*. Di sini terletaknya ketidakadilan di dalam apa yang dikatakan dasar perdagangan antarabangsa.

Saya ingin mengambil contoh umpamanya daripada 4,000 paten, kita selalu menyarankan supaya penyelidik-penyelidik kita dan pengusaha-pengusaha di Malaysia ini apabila mendapat apa jua penemuan mengenai tentang barangan *biodiversity* kita, kita patenkan dan kita anggap ini sebagai *intellectual property* kita, harta intelek negara kita. Maka kita harus dengan itu mendaftar untuk mendapat paten.

Tetapi perkara ini bukannya mudah Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana untuk menyelidik dan menjalankan segala hasil penyelidikan dan membuat penemuan-penemuan yang khusus dan tertentu terhadap apa juga bahan daripada biodiversiti kita memerlukan banyak wang dan pembiayaan dan di sinilah letaknya juga kekurangan kita.

Saya ingin mengambil contoh seperti yang telah saya katakan tadi, di Amerika Syarikat sahaja 4,000 dari bahan pokok-pokok ataupun tumbuhan-tumbuhan yang sudah pun dipatenkan di negara itu separuhnyanya terdiri daripada bahan keluaran kepunyaan negara-negara membangun termasuklah negara Malaysia.

Mereka membuat paten ini atas dasar *knowledge* sahaja. Penggunaan yang kita panggil dengan izin, *traditional knowledge*. Umpamanya yang amat kita kenali sekali ialah tongkat ali umpamanya. Ini adalah keluaran sumber semula jadi negara Malaysia, Indonesia dan juga Filipina. Namun kegunaan *medicinal* nya dengan izin, dipatenkan di Amerika Syarikat. Ini hanya di antara produk-produknya.

Yang kedua, yang sudah pun melalui satu peperangan kalau saya boleh saya gunakan perkataan peperangan komersial di antara negara-negara membangun dan negara Amerika Syarikat ialah penggunaan ataupun paten terhadap *tamarind* atau asam jawa.

Ini melibatkan satu perundingan yang hangat dan *litigation* di mana negara-negara membangun harus mendapatkan atau mengeluarkan wang yang begitu banyak untuk memenangi suatu peperangan apa yang kita panggilkan dan di dalam negara-negara di dunia ini *World Bank* menganggap ini sebagai '*biopiracy*' iaitu mereka mengambil sebagai *intellectual property rights*, dengan izin, bahan-bahan sumber keluaran semula jadi negara-negara membangun.

Dengan itu kita mendapati diri kita di dalam satu keadaan yang kurang selesa dan faedah-faedah dari semua ini diperoleh oleh negara-negara yang mempunyai teknologi yang begitu *advance* sekali, dengan izin Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Silakan Dr. Haji Mohd. Puad.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zakarshi:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya cuma hendak bertanya. Kalau kita banyak sangat menumpu dalam isu teknologi pengeluaran untuk bioteknologi ini tetapi kita tidak seimbangkan dengan isu pengembangan perniagaan pun saya

rasa akan membawa kesan yang buruk juga. Sebab kita sekarang ini, saya tengok dari segi peruntukan yang kita berikan ialah lebih banyak tertumpu kepada hendak membangunkan teknologi bidang biotek ini tetapi tidak diseimbangkan dengan pengembangan perniagaan. Macam tongkat ali pun, kalau kita bantu dari segi teknologi tetapi tidak bantu dari segi hendak berniaga, pemasaran dan sebagainya pun ada kesan juga. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Lee Sing Chooi:** [*Bangun*]

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Lee Sing Chooi dan saya jawab terus.

**Tuan Lee Sing Chooi:** Terima kasih, Yang Berhormat Puan Norraesah. Berkenaan dengan yang tadi itu yang disebutkan iaitu paten dan juga peperangan itu. Adakah kerana negara-negara maju itu ada teknologi yang canggih dan pengetahuan yang melebihi daripada lain-lain negara membangun, adakah paten-paten itu menjadi satu perkakasan atau *tools*, untuk penindasan pengetahuan teknologi di mana negara-negara membangun itu tidak dapat manfaat dari kajian-kajian dan juga perkara-perkara mengenai paten ini? Adakah ini menjadi satu penghalang untuk negara-negara membangun iaitu maju dalam bidang ini? Apakah tindakan, Yang Berhormat ingat boleh diberikan kepada negara kita dan juga dibawa ke arena antarabangsa supaya ketidakseimbangan ini dapat dibetulkan. Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat tadi. Pertamanya, soalan yang diajukan oleh Yang Berhormat Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi ialah adakah penekanan terhadap teknologi itu akan menyekat ataupun menidakkan perkembangan pengeksportan oleh kerana kita tidak memberi tumpuan kepada perkembangan perdagangan.

Dalam bioteknologi kita tidak boleh jual umpamanya tongkat ali seperti tongkat ali, ia harus diproses dan kegunaan tongkat ali yang sebaiknya ialah penggunaannya sebagai bahan ubat-ubatan. Ini sudah pun dipatenkan di negara United States, di Amerika Syarikat. Ini bermakna sekiranya kita hendak mengeksport ke negara Amerika, kita tidak dapat mengeksportnya oleh kerana produk itu sudah pun dipatenkan oleh Amerika Syarikat. Kalau tidak pun ia akan dikenakan sebagai *royalty fee* di mana kita harus membayar mereka daripada pengeluaran kita.

Inilah sesuatu yang sungguhpun kita kembangkan perdagangan tetapi produk itu belum kita dapat jual sebagai produk yang sudah diproses. Pemprosesan bahan-bahan biodiversity memerlukan teknologi. Teknologi bukan bermakna ICT sahaja tetapi memprosesnya sebagai bahan *pharmaceutical*, dengan izin, ubat-ubatan dan bahan *nutraceutical*. *Nutraceutical* ialah produk-produk untuk menambahkan kekuatan, vitamin umpamanya dan lain-lain - *supplementary*, dengan izin, kepada kesihatan manusia.

Jadi kedua-duanya hanya berlaku seiring, tidak dapat dipisahkan dengan mengembangkan perdagangan tanpa mengadakan produk dan produk itu harus melalui satu

proses perindustrian, satu proses di mana ia dapat dijadikan produk *pharmaceutical* - ubat-ubatan dan *nutraceutical*.

Kedua, kepada Yang Berhormat Lee Sing Chooi, sememangnya saya akan menjurus kepada soalan Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu sememangnya kalau kita lihat dengan kaca mata yang kasar begitu tindakannya ialah menindas dengan secara sedar atau secara tidak sedar negara-negara membangun yang mempunyai sumber bahan semula jadi dan mereka tidak mempunyainya. Tetapi melalui teknologi canggih yang mereka peroleh, mereka dapat menyekat perdagangan Malaysia umpamanya dalam bidang-bidang yang kita sebut *biodiversity* tadi.

Maka pada satu perjanjian yang dilakukan di Rio pada awal tahun 20-an di mana mereka negara-negara membangun memohon supaya *compensation* atau pun bayaran pampasan diberikan kepada negara-negara di mana sumber itu datang sekurang-kurangnya untuk menjaga dan memelihara hutan negara itu sendiri supaya sumber-sumber bahan *biodiversity* itu tidak akan terhapus dengan mudah sahaja.

Malangnya negara-negara maju tidak mengesahkan atau *rectify*, perjanjian ini, maka dengan ini negara-negara membangun yang mempunyai *biodiversity* yang begitu hebat tidak dapat dengan mudahnya memperdagangkan barangan keluaran mereka. Maka saya ingin menyarankan....

**Tuan Ismail Kasim:** Mohon laluan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Silakan.

**Tuan Ismail Kasim:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat di atas laluan yang diberikan kepada saya. Saya inginkan pandangan dan juga pendapat daripada Yang Berhormat iaitu berhubung dengan sebuah syarikat yang mempunyai kilang yang cukup besar, mungkin merupakan yang terbesar di Asia Tenggara iaitu kilang Indofarma di Indonesia. Kalau kita melihat perkembangan *biodiversity* di Indonesia ini boleh dikatakan mengatasi kita. Jadi tidakkah boleh kita mencontohi apa yang dilaksanakan di Indonesia atau sekurang-kurangnya kita menghadapi masalah dari segi pemasaran seperti mana yang berlaku di negara Indonesia. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Negara Indonesia adalah di antara negara di rantau ini yang memang kaya dengan *biodiversity* nya. Kita melihat Mustika Ratu ialah satu produk bioteknologi sebenarnya. Ini bererti bahawa negara Indonesia memang jauh lebih maju daripada kita dalam bidang ini. Kita mempunyai satu *biodiversity* yang amat besar dan kaya tetapi kita bermula dari sekarang ini dalam Rancangan Malaysia Kesembilan iaitu benar-benar memajukan produk bioteknologi kita. Memang kita boleh mencontohi mereka dan mungkin produk pengeluaran Indofarma ini, saya tidak tahu apa produk yang dikeluarkan, mungkin produknya tidak dipatenkan di negara Eropah ataupun di negara Amerika, maka lebih mudah bagi mereka untuk menembusi pasaran di sana.

Jadi, kita harus melihat bagaimana hendak mencari jalan ataupun lubang seperti kita katakan peluang untuk menembusi pasaran ini, mencari lacuna-lacuna yang terdapat di mana kita dapat memasarkan barangan kita. Saya rasakan mungkin juga Indonesia dengan Malaysia kerana pengeluaran bioteknologi kita agak sama, mungkin kita juga dapat menjalankan satu konsortium, satu *synergistic entrepreneurial* - perniagaan yang *synergistic* di antara Indonesia dan Malaysia. Apatah lagi kerana bahan-bahan yang terdapat di sana seperti juga bahan-bahan yang terdapat di sini.

Terima kasih di atas celahan yang diberikan oleh Yang Berhormat. Di sini saya ingin menyarankan oleh kerana masalah-masalah yang kita lalui adalah sesuatu yang bukan sahaja kita lalui tetapi umpamanya negara India juga, beras *Basmati* hanya terhadap di India tetapi dipatenkan di Amerika! Bayangkan kuasa teknologi dapat menekan negara-negara pengeluar bahan itu sendiri dan negara India sudah pun berjaya memenangi satu perundingan untuk menarik balik paten itu tetapi dengan harga yang amat mahal sekali.

Satu lagi ialah pokok-pokok *tree oil*, yang kita sebut *tree* kalau orang sakit jerawat atau apa yang sapu di muka itu datangnya daripada pokok yang dinamakan *name tree*. Ia mengeluarkan bahan ubatan yang amat baik sekali yang terdapat di negara India. Ini juga dipatenkan di Eropah dan Amerika Syarikat! Saya rasa spesies yang sama terdapat di negara Malaysia. Dengan itu saya menyarankan supaya kementerian yang menjaga hal ehwal bioteknologi dan untuk memperkembangkan perusahaan kita dalam bioteknologi menggunakan segala *biodiversity* yang ada dengan kita, maka saya menyarankan supaya India, Indonesia, Malaysia dan Filipina terutama sekali India, sebab India ini terkenal dengan pengeluaran teknologinya sekarang supaya satu perjanjian antarabangsa atau konvensyen mengenai *biodiversity* harus diadakan. Kita harus memperakui apa yang kita namakan *traditional knowledge* ini sebagai sesuatu yang tidak dapat di *biopiracy* kan oleh negara-negara maju.

Pertamanya, saya ingin memberi satu contoh, semasa saya kecil dulu, Tuan Yang di-Pertua, apabila saya sakit perut sahaja, ibu saya memberi makan pucuk jambu batu dan saya baik serta-merta. Hampir serta-merta - 15 selepas itu. Ini menunjukkan banyak daripada pokok-pokok, kayu-kayuan, daun-daunan dan flora kita mempunyai banyak khasiat ubat-ubatan. Jadi, kita harus paten cepat-cepat. Tetapi untuk mempatenkan ini kita harus ada penyelidikan dan proses pengeluaran itu juga harus diperkenalkan.

Maka di sini saya ingin menyarankan saranan saya yang kedua iaitu menyarankan supaya satu dana khas untuk membantu mereka membuat paten ini sahaja, untuk *intellectual property* sahaja, bukan sahaja untuk *research* tetapi untuk memfailkan, mendaftarkan paten sebagai *intellectual property* itu juga memerlukan pembiayaan yang besar.

**Tuan Ismail Kasim:** Sekali lagi saya meminta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Dato'. Masalahnya dari segi persepsi, Yang Berhormat.

Persepsi barang-barangan hasil *biodiversity* ini kalau dalam konteks negara kita Malaysia, orang melihat kalau hendak dipasarkan dengan meluas dan tidak perlu ataupun mengadakan bajet untuk promosi secara besar-besaran ialah ubat yang berkaitan dengan kecantikan bagi wanita dan kekuatan bagi lelaki, itu cepat laris di pasaran. Tetapi kita hendak ubah persepsi bahawa ada benda-benda lain yang selain daripada dua benda yang menjadi elemen pelaris ini menjadi pegangan pembeli-pembeli ataupun pengguna-pengguna produk ini. Apa pandangan Yang Berhormat mengenai perkara ini.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Saya bersetuju tetapi apa salahnya. Sebab kosmetik itu bukan kosmetik sebenarnya tetapi *skincare*, penjagaan muka. Ia bersifat sebagai ubat, bukan sebagai kosmetik. Kosmetik itu kalau ada pokok *Bougainville* yang bunganya merah itu, hendak buat kosmetik, tenyeh sahaja di bibir jadi merah, itu kosmetik. Tetapi ianya ialah penjagaan kulit, ia lebih kepada *skin care*, ini ada elemen ubat-ubatan dan kesihatan. Kalau inilah yang menjadi satu tarikan, kenapa tidak kita majukan. Sebab jumlah wanita dalam dunia ini ialah 50% daripada berbilion.

Kita jangan lupa, orang lelaki sekarang di bilik *Spa* dan di bilik *facial* lebih ramai lelaki daripada wanita sekarang. Tidak menjadi masalah kalau Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim hendak lihat lebih cantik dan licin pada mukanya. Itu pun satu perkara yang positif, nikmat daripada Allah untuk memperbaiki kekurangan yang kita ada.

Keduanya ialah mempromosikan neutrasedutikal dan farmasedutikal pertubuhannya dalam satu tahun ialah 20% kegunaannya. ini yang betul ubatlah bukan yang untuk cuci muka sahaja. Ubat yang kita makan, umpamanya tongkat ali yang dijadikan kepada kapsul, sihat *walafiat*, maka kalau Dewan ini bersidang sampai pukul 3 pagi pun, kita mempunyai keupayaan celik mata, segar-megar. Itu dia khasiat daripada bioteknologi dan produk-produknya.

Jadi, dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sudah pun membuat beberapa saranan dan saya sekarang ini sudah melihat kepada satu perkara yang diberi tekanan dalam RMK-9 dan juga di dalam Bajet 2007 iaitu *quality of live* (nilai hidup). Maka, saya ingin menyatakan di sini bahawa apabila kita bercakap tentang minda kelas pertama, minda yang hendak kita hidupkan ialah minda yang sayangkan apa yang Allah S.W.T. berikan kepada kita.

Persekitaran kita itu adalah satu kurniaan yang amat-amat mulia dan indah daripada Tuhan. Bukit, gunung-ganang, hutan, bukit-bukau dan sungai itu adalah pemberian tetapi dalam keghairahan kita hendak membangunkan negara, kita kurang sayangkan kepada apa yang dihasilkan, yang diberikan, yang dikurniakan oleh Allah ini.

Kita bercakap tentang kualiti hidup. Apakah kualiti hidup? Bukan bermakna kita membawa kereta yang besar, bukan bermakna kita memakai baju sutera tiap-tiap hari dan kasut berjenama, itu bukan kualiti hidup. Kualiti hidup ialah *fresh air*, udara yang nyaman, yang segar, yang tidak ada *pollution*, yang tidak ada jerebu. Itu kualiti hidup yang kita cari.

Tetapi di sini kita lupa bahawa sejarah banyak menyediakan *database* kepada kita, yang menunjukkan bahawa kalau masyarakat tidak menyayangi dan menghayati persekitaran, masyarakat itu akan terhapus.

Saya ingin menyarankan kepada kita semua untuk membaca buku yang ditulis oleh *Jared Diamond*, iaitu '*The Collapse*'. Saya baca, *Jared Diamond* dalam bukunya yang dinamakan *Collapse*, atau Keruntuhan: "*How Societies Choose to Fail or Succeed*." Dalam buku kajiannya ia mengatakan bahawa satu pulau di Lautan Pasifik yang bernama Ister Island, sekarang ini tinggal tanpa satu pokok pun. Tanpa satu pokok pun, oleh kerana manusia ketika itu tidak menghargai pokok yang sebenarnya memberi kehidupan kepada mereka.

Keduanya, kita semua mempelajari tentang '*History of the maya*', tamadun maya hilang ghaib oleh kerana mereka juga tidak menghargai *environment* dan persekitaran mereka. Kalau kita lihat sekeliling kita ini, adakah kita benar-benar menghargai persekitaran kita? Sungai kita tercemar, harus ada kempen untuk cuci, untuk menentukan bahawa sungai kita itu bersih. Di mana letaknya nilai yang kita katakan nilai murni di kalangan masyarakat Malaysia?

Maka di sini, Tuan Yang di-Pertua, soal kualiti hidup ada kaitannya kepada soal pembangunan negara. Bagaimana kita hendak mengimbangkan pembangunan yang begitu cepat ini kepada satu kualiti hidup yang tidak mencemar udara kita. Bukan sahaja udara tetapi bahan-bahan yang disediakan, bahan-bahan asli yang disediakan oleh Allah, disediakan oleh Tuhan kepada kita.

Maka, di sini kita haruslah, saya menyeru supaya kita semua dan kerajaan melalui kementerian-kementerian yang berkenaan mempelajarilah daripada sejarah yang ada kalanya oleh kerana tidak menghargai, tidak menghayati kurniaan itu, hapus langsung tamadun mereka, *entire civilization of the maya*, dengan izin, terhapus, hilang, ghaib daripada dunia.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh membuat kesimpulan di atas ucapan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kesimpulan! Saya akan....

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ini kerana Yang Berhormat telah pun berbahas selama 32 minit.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Oh! Tidak terasa pun, Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Okey, saya ada dua perkara. Kalau boleh saya bercakap dengan laju supaya saya dapat kedua-duanya, saya dikatakan di sini. Mempelajari daripada sejarah saya ingin menjemput tentang gabungan Utusan dan juga NSTP. Saya minta maaf, sungguhpun ianya sudah diperkatakan oleh ramai di sini tetapi saya hendak pergi satu dimensi dan aspek yang baru. Kita tahu daripada sejarah kontemporari yang sudah pun berlaku bahawa banyak daripada gabungan tidak berjaya.

Ia menghapuskan yang tidak sakit itu pun jadi sakit. Umpamanya, *RJR Nabisco*, kalau kita lihat, kita ingat dan juga dalam media ialah *AOL Time Warner*. Satu gabungan yang selepas

ianya digabung kedua-duanya sakit. Umpamanya, seorang itu ia HIV AID, dia kahwin dengan orang yang tidak sakit, apabila digabung dua-dua sakit. Dalam keadaan gabungan NSTP dan Utusan ini, kenapa hendak digabungkan, dua-dua masih lagi berjalan dengan baik. Utusan tidak mempunyai masalah, keuntungannya meningkat demi tahun. Cuma yang tidak ada ialah mengenal pasti aktiviti *business* yang baru untuk mempertingkatkan lagi jumlah hasilnya tiap-tiap tahun.

Maka, apa yang diperlukan ialah penstrukturan semula di dalam syarikat itu, bukan gabungan...

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Minta laluan.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Boleh, tetapi laluan yang cepat sebab masa.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, kalau begitulah maksudnya, adakah Yang Berhormat bermaksud bahawa gabungan tiga *plantation* baru ini, yang terbesar itu juga akan mengalami kegagalan? Terima kasih.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Yang *plantation* itu, tiga-tiga adalah syarikat gergasi yang menunjuk dan mempamerkan *financial* yang amat kuat dan kukuh sekali. Tiga kuat apabila campur jadi kuat. Satu lemah, campur dengan yang kuat, dua-dua jadi lemah. Lagi satu yang pentingnya ialah tradisi dan budaya kerja. Nilai dan matlamat serta falsafah surat khabar itu adalah amat penting. Kalau kita lihat AOL dan *Time Warner* ini adalah syarikat media, falsafah ini adalah amat penting. Cara pekerjaan, tradisi dan budaya kerja adalah sesuatu yang berlainan.

Apabila yang berlainan itu bercanggah, ini macam *the clash of civilization* yang dikatakan oleh *Hartington* itu, saya bawakan kepada cantuman antara dua surat khabar yang tidak mempunyai falsafah dan budaya kerja yang sama. Inilah yang akan menyusahkan lagi penggabungan. Tidak akan membawa hasil yang begitu baik. Memang analisis saya, kalau boleh, Tuan Yang di-Pertua, panjang lagi tetapi oleh kerana masa tidak diberikan kepada saya, saya hanya menekankan di sini bahawa gabungan di antara dua syarikat yang berlainan budaya dan tradisi kerja dan juga matlamat dan falsafah surat khabar itu sendiri tidak akan memudahkan gabungan, tidak akan mendatangkan keuntungan yang ketara. Dengan ini bermakna saya amat tidak menyokong gabungan ini.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta 5 minit, 10 minit.

**Timbalan Yang di-Pertua:** 5 minit, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kita bercakap tentang modal insan. Saya memang mengetahui kalau saya memperkenalkan subjek ini mesti ramai Yang Berhormat akan... ini adalah suatu subjek apabila tempoh fasal wanita, mereka memang suka mencuit-cuit kita. Tetapi saya mohon di sini untuk kita menganggap ini sebagai satu perkara yang amat serius. Oleh kerana *World Economic Forum* atau Forum Ekonomi Dunia, yang berunding tiap-tiap tahun di *Davos, Switzerland*, sudah pun membuat ketetapan bahawa pertumbuhan ekonomi dunia, KDNK

meningkat dalam lapan tahun yang lalu ini adalah kerana bertambahnya penglibatan wanita di dalam pekerjaan dan juga di dalam pembangunan. Ini bukan Norraesah berkata tetapi *World Economic Forum*.

Jadi, di sini saya ingin menyarankan bahawa kita mengambil ini sebagai satu perkara yang serius iaitu wanita sebagai aset produktiviti yang amat baik, yang tinggi. Dengan itu saya ingin mengaitkan kepada pindaan rang undang-undang yang baru sahaja diperkenalkan dan kita lulus, iaitu taman asuhan kanak-kanak. Ini adalah satu perkara yang amat penting sekali, Tuan Yang di-Pertua...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita belum lulus Yang Berhormat. Kita belum bahas dan belum lulus lagi.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Oh! Akan dibahaskan. Saya tidak ada, jadi saya kira macam *pre-empting back*. Saya harap kawan-kawan akan meluluskannya oleh kerana taman asuhan ini merupakan permulaan dalam kehidupan anak-anak. Ia merupakan satu *child care centre* itu sendiri, ialah di mana anak-anak belajar *skillnya* daripada awal, daripada umur dua tahun, dia boleh belajar. Dan, *supportive child care* ini ialah membantu ibu-ibu yang merupakan aset produktif kepada pembangunan kita, harus ada ketenangan fikiran mereka, harus rasa selesa apabila membuat pekerjaan mereka.

*Employer* mereka juga, iaitu syarikat-syarikat yang berkenaan juga rasa selesa bahawa pekerjaanya itu tenang dan rasa selesa apabila bekerja. Ini adalah satu kedudukan dan keadaan yang meningkatkan produktiviti bukan menurunkan produktiviti. Di negara-negara maju, '*creche*', satu perkataan Perancis, adalah sesuatu yang amat dimestikan di tempat-tempat kerja. Jadi, saya ingin menyarankan di sini supaya kita jangan memandang ringan sebab kita melihat ini masalah wanita, ini masalah anak-anak. Tidak! Ini masalah negara. sebab kita hendak menentukan bahawa mereka yang bernama wanita, ibu dan juga bapa yang bekerja di tempat yang lain, merasa selesa dan senang hati kerana anaknya adalah selamat dalam jagaan *child care center*, umpamanya, dan taman asuhan.

Sebenarnya, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat ini adalah satu kementerian yang amat penting sekali dan harus kita jangan pekekeh oleh kerana bermulanya manusia yang bernama Datuk Wira Syed Ali itu ialah daripada seorang kanak-kanak yang berada di taman asuhan, yang baik, yang penjagaannya selesa dan selamat. Maka, besarlah ia sebagai seorang yang gagah, perkara, menjadi pejuang dan pemimpin di bawah seorang tangan ibu yang menyayanginya. Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya memohon agar - saya *distracted* tadi.

*Okay*, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyatakan di sini bahawa dua perkara yang amat penting yang harus kita tekankan di sini iaitu soal taman asuhan, kekeluargaan dan apa yang dilakukan oleh kementerian itu kita harus beri sokongan yang sebaik mungkin.

Yang keduanya, sejarah harus menjadi pelajaran kepada kita dan untuk mengakhiri Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya mengatakan di sini, bahawa Utusan Melayu adalah satu surat khabar yang bersejarah, yang mempunyai nilai yang bersejarah, nilai sejarah, ianya adalah warisan kita. Bermulanya nasionalisme Melayu yang akhirnya menjadi nasionalisme kebangsaan ialah Utusan Melayu, yang kini menjadi Utusan Malaysia. Maka izinkanlah ia hidup berdikari sendiri dan membuktikan kepada kita, bahawa dengan sendiri pun ia dapat melangkah masuk kepada satu era dan zaman yang lebih gemilang kepada Utusan Malaysia dan anak-anak kita yang kita hendak asuh di taman asuhan.

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain.

### 3.31 ptg.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2007 ini. Tetapi sebelum saya membahaskan rang undang-undang ini Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menyatakan sedikit tentang hari ini dalam sejarah. Hari ini 13 Disember 2006 adalah hari pelantikan Yang di-Pertuan Agong yang baru. Walaupun pelantikan ini adalah pelantikan yang terbesar dalam sejarah negara Malaysia, tetapi saya mendapati bahawa pelantikan yang bersejarah ini tidak digahkan seperti mana perkahwinan Siti Nurhaliza dengan anak teruna tua Datuk K..... [Ketawa]

Tidakkah hari ini hari yang amat penting? Sepatutnya media kita telah megahkan hal ini sebulan yang lalu, dan hari ini sebenarnya kita menggemburkan berita ini. Tetapi bila saya membuka TV pagi tadi, keadaannya tidak ada. Tidak ada seperti mana Siti Nurhaliza kahwin tempoh hari. Jadi, dalam konteks inilah saya berpendapat bahawa kalaulah kita inginkan rakyat kita, generasi kita, pelajar kita dan sebagainya mengetahui sejarah kita, mencintai apa yang kita ada, menghormati sistem kita, maka hari ini dalam sejarah ini mestilah diletakkan di tempat yang paling besar.

Kerana itulah saya mencadangkan kita terpaksa menunggu lima tahun lagi untuk berhadapan dengan hari ini dalam sejarah. Maka supaya peristiwa hari ini tidak berulang, saya mencadangkan Kementerian Penerangan memulakanlah rancangan daripada hari ini untuk program lima tahun tentang pelantikan Agong yang baru akan datang ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan ini untuk sama-sama membahaskan Bajet 2007 yang dengan jayanya telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang kita kasihi Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Tetapi dalam masa yang ringkas ini saya hanya akan menyentuh tiga perkara sahaja. Perkara yang pertama ialah mengenai Koridor Utara yang termaktub, yang tercatat dalam Rancangan Malaysia Yang Kesembilan. Koridor Utara ini ada disebut dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, namun tiada banyak maklumat sebenarnya kecuali pembangunan Jambatan Pulau Pinang. Kemudian melalui wawancara bersama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Utusan Malaysia pada 12 November 2006, menyatakan bahawa bahagian di dalam pembangunan Koridor Utara ini akan diumumkan selepas selesainya pelancaran Jambatan Pulau Pinang Kedua.

Pada 15 November 2006, pada 8.15 pagi TV3 melalui Program Selamat Pagi Malaysia secara *live* menemu bual Pengerusi Kumpulan *Sime Darby*, di mana beliau menyatakan pembangunan koridor utama membabitkan infrastruktur pertanian, pendidikan, pelancongan dan pembuatan. Menurut *Sime Darby* lagi, peranan mereka dalam menjayakan Koridor Utara ialah dengan menyediakan satu *master plan* mengkoordinasi pelan tersebut, melaksanakan dan bertindak selaku sekretariat.

Sebenarnya Koridor Utara ini merangkumi pembangunan dalam jangka masa 10 sehingga 15 tahun dan mengikut satu maklumat yang saya perolehi, ianya melibatkan peruntukan perbelanjaan lebih kurang RM56 bilion. *Master plan* yang disebutkan oleh *Sime Darby* itu sehingga hari ini masih belum keluar dan kita juga tidak tahu tidak terdapat dokumen secara bertulis yang lebih *detail* tentang Koridor Utara ini.

Apa yang saya ingin mempersoalkan walaupun daripada maklumat-maklumat yang ada, Koridor Utara ini sebenarnya memberi satu peluang pertumbuhan yang amat baik untuk mengimbangi antara negeri dan juga antara daerah, tetapi persoalan yang timbul hari ini ialah mengapakah rancangan yang sebegini besar diserahkan kepada *Sime Darby*? Di mana letaknya EPU? Itu satu perkara. Saya menimbulkan perkara ini walaupun *Sime Darby* ini ialah GLC anak syarikat kerajaan, tetapi saya menganggap ianya seperti juga syarikat swasta.

Apa yang saya timbulkan di sini ialah kita tidak mahu apa yang berlaku dalam soal konsesi PLUS dengan kerajaan akhirnya akan membebankan rakyat jelata. Cubalah kita tengok dalam soal Projek Lebuhraya Utara Selatan di mana perjanjian antara PLUS dengan kerajaan itu telah hari ini menyebabkan rakyat jelata menanggung beban membayar tol yang tidak habis-habis. Kerajaan boleh kata bahawa mereka terpaksa membenarkan kenaikan harga tol ini kerana kerajaan tidak mampu lagi untuk menanggung subsidi. Oleh kerana itu, oleh kerana kerajaan tidak lagi mampu untuk menanggung subsidi, maka yang perlu menanggung tambang tol yang tinggi itu ialah rakyat biasa.

Tetapi yang membuat perjanjian itu ialah antara PLUS dengan kerajaan ketika itu. Saya tidak boleh mengatakan bahawa perjanjian PLUS dengan kerajaan itu A1 dan sekarang ini apabila tol dinaikkan setiap tahun juga A1. Dalam keadaan rakyat mempunyai wang dan kita tidak

ada masalah kenaikan harga minyak, rakyat akan boleh menerima. Tetapi purata, rata-rata hari ini apabila kerajaan mengumumkan persetujuan untuk menaikkan tol, ianya sesuatu perkara, berita yang amat menyedihkan rakyat khususnya di peringkat bawahan.

Inilah perkara yang saya rasa kita mesti ambil perhatian berat dalam soal kita menyerahkan sesuatu rancangan itu kepada pihak swasta ataupun semi swasta. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan sejumlah RM28.4 bilion diperuntukkan melalui pelbagai kementerian di bawah beberapa program pembangunan luar bandar. Pembangunan luar bandar akan dipergiatkan bagi meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup luar bandar serta mengurangkan jurang pembangunan antara luar bandar dan juga bandar.

Beberapa projek utama akan dilaksanakan untuk merangsang pembangunan di wilayah utara dengan peruntukan pembangunan sebanyak RM23.8 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, berbanding RM20.8 bilion dalam Rancangan Malaysia Kelapan. Projek-projek ini termasuklah pembinaan *Trans Eastern Kedah Hinterland Highway* di Kedah yang akan membuka Koridor Kedah Timur dan Perak Utara kepada pembangunan, dan menyediakan peluang ekonomi kepada penduduk berkenaan.

Di samping itu, pusat halal bersepadu dan taman kekal pengeluaran makanan akan dimajukan di kedah. Peluasan Taman Teknologi Kulim akan terus merangsang pertumbuhan sektor perindustrian di negeri Kedah, dan di waktu yang sama juga Gunung Jerai telah dijadikan sebagai pusat pelancongan utama di kawasan utara. Tetapi di sinilah saya ingin menarik perhatian kepada Kementerian Pelancongan supaya melihat dan meneliti kedudukan Gunung Jerai ini, satu-satunya *highlands resort* yang ada di kawasan utara, kalau sekiranya Yang Berhormat-Yang Berhormat ada kesempatan, cubalah satu hari pergi naik ke Gunung Jerai itu, daripada puncak Gunung Jerai itu kita boleh nampak negeri Perlis yang kecil itu jika sekiranya cuaca dia baik. Begitu indah pemandangannya Gunung Jerai ini tetapi sehingga ini Kementerian Pelancongan tidak begitu mengambil berat pada keadaan tempat yang begini baik untuk menjadi tarikan pelancong-pelancong melawat dan bercuti di sana.

Jadi, begitulah juga dimaklumkan bahawa dalam rancangan *Northern Corridor* ini daerah pantai yang kemudiannya akan diterangi oleh lampu-lampu yang terang benderang kerana daripada Pantai Sedaka ke Kuala Kangkung. Projek yang melibatkan RM17 bilion akan dilaksanakan sebagai kawasan *refinery* minyak di sebelah Yan itu. Jadi, semua ini adalah perancangan-perancangan kawasan utara yang amat memberangsangkan.

Tuan Yang di-Pertua, prestasi keluaran dalam negeri kasar per kapita negeri Kedah Darul Aman yang masih rendah daripada purata negara memerlukan pertumbuhan ekonomi negeri yang tinggi dan pesat bagi mengimbangi dengan tahap pembangunan ekonomi negeri-negeri maju yang lain.

Untuk memastikan pencapaian matlamat yang dihasratkan, pertumbuhan KDNK negeri Kedah Darul Aman perlu tumbuh pada kadar yang tinggi melebihi kadar purata negara. Dalam era globalisasi dan kemunculan ekonomi baru, antara cabaran baru yang akan dihadapi oleh negeri Kedah pada masa akan datang adalah perkembangan ekonomi digital, globalisasi dan cabaran untuk membangunkan ekonomi yang berasaskan pengetahuan. Perkembangan pesat ekonomi digital dalam masa satu dekad yang lepas telah banyak menyumbang kepada peningkatan dalam prestasi ekonomi negeri-negeri maju.

Justeru memandangkan Wilayah Utara Semenanjung dan Kedah merupakan pusat kepada industri pertanian, maka antara bidang kelebihan yang boleh dibangunkan oleh *Kulim High-Tech Park* adalah industri pembuatan dan asas tani berteraskan teknologi tinggi. Selain daripada itu, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada PNB yang telah membuat gabungan dengan *Sime Darby* dan juga *Golden Hope* untuk menjadikan industri ternakan lembu ini sebagai *core business* mereka.

Dan konsortium yang ditubuhkan oleh PNB *Golden Hope Plantation* dan juga Kumpulan *Guthrie* dan *Sime Darby* pada bulan lima tahun lalu itu adalah sesuatu yang sungguh membanggakan ke arah memenuhi permintaan bekalan daging Malaysia, yang dijangka yang pada hari ini bekalan dalam negeri hanyalah 20% dan dijangkakan dalam tahun 2015, kita akan mencapai tahap pembekalan kepada 40%.

Perkara yang kedua, yang ingin saya sentuh di sini ialah soal pertanian. Di Koridor Utara Perlis dan Kedah Utara dikenal pasti sebagai kawasan pertanian dan bagi Bajet 2007, peruntukan sebanyak RM3.6 bilion telah dikhususkan untuk pertumbuhan pertanian iaitu peningkatan sebanyak 28% dibandingkan dengan tahun 2006. Dari segi polisi sektor pertanian kita tiada alasan lagi untuk mundur. Semua dokumen polisi yang telah disediakan menghala kepada satu arah mengindustrikan pertanian ke tahap lebih tinggi sebagai sumber kekayaan melalui peningkatan nilai tambah yang dipacu oleh sains dan teknologi serta sektor swasta yang dinamik. dalam satu dekad yang lepas sektor pertanian dibendung oleh tiga dokumen polisi utama iaitu Dasar Pertanian Negara 3, diikuti oleh Rancangan Malaysia Kesembilan dan Pelan Induk Pertanian Ketiga.

Dasar Pertanian Negara 3 menyediakan landasan untuk pembangunan sektor ini secara menyeluruh dengan penekanan kepada pembangunan mapan sumber. Pelan Induk Pertanian 3 melengkapkan DPN 3 dan Rancangan Malaysia Kesembilan untuk mengindustrikan sektor ini dengan lebih berkesan. Industri Asas Tani seperti kelapa sawit, getah, telah diberi penekanan khusus untuk dimajukan. Begitu juga dengan industri makanan halal. Sektor ini akan menerima pelbagai insentif kewangan untuk membangun sama taraf dengan industri pembuatan yang lain. Bajet 2007 menyediakan peruntukan ke arah mengkomersialkan sektor ini melalui peningkatan produktiviti dan kecekapan. Tabung makanan akan ditambah sebanyak RM300 juta,

pembangunan industri daging juga menerima peruntukan sebanyak RM151 juta yang akan diberikan kepada Jabatan Haiwan, LPP, MADA dan KADA.

Sejumlah RM40 juta daripadanya akan diperuntukkan untuk Projek Beef Valley di Gemas, Negeri Sembilan. Dalam konteks ini saya juga ingin mencadangkan kepada Kementerian Pertanian supaya melihat padang-padang ragut yang terbiar yang diusahakan oleh kerajaan-kerajaan negeri supaya ianya boleh di *utilize* ke tahap maksimum untuk membantu menjayakan sektor ini. Dalam kata ringkasnya, Bajet 2007 menjanjikan persekitaran mikro yang subur untuk membolehkan sektor pertanian bertumbuh dengan pesat. Tuan Yang di-Pertua, di samping dua perkara itu dalam usaha kerajaan kita untuk meningkatkan ekonomi, dalam usaha kerajaan kita untuk menjadikan rakyat Malaysia sebagai rakyat yang mempunyai minda kelas pertama, cubalah kita lihat kepada keadaan realiti yang berlaku dalam masyarakat kita hari ini.

Saya ingin menyebut tentang laporan Reader's Digest pada bulan Jun 2006 yang telah mengecap Kuala Lumpur sebagai bandar raya ketiga paling biadab di antara 35 bandar raya utama dunia dan kenyataan Reader's Digest ini mendapat reaksi yang pelbagai dari orang ramai. Ada yang bersetuju dengan laporan itu dan tidak kurang ramai juga yang menolaknya sebagai satu andaian yang tidak berasas. Saya pulangkanlah kepada Yang Berhormat sama ada bersetuju khasnya Yang Berhormat bagi Bukit Bintang untuk menerima ataupun tidak Kuala Lumpur sebagai bandar raya ketiga paling biadab di antara 35 bandar raya utama dunia.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Minta laluan. Terima kasih lah.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat ini tidak boleh sebut nama Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, sebut sahaja bangun dia.

**Datuk Dr. Lee Chong Meng:** Ini sensitif pasal Bukit Bintang paling terkenal di dunia. Saya hendak tahu apalah pandangan Yang Berhormat tentang komen yang dibuat di Dewan Rakyat tentang isu berkaitan dengan 'Pat Pong' Bukit Bintang. Ini saya tertarik dengan komen ini kerana di surat khabar Thailand, selepas komen yang dibuat di Dewan Rakyat bahawa Bukit Bintang *is worse than Pat Pong*. Jadi orang Thai dan orang asing baca *statement* ini kerana ini *statement* dibuat di institusi yang tertinggi di Malaysia. Jadi para pelancong takut hendak datang ke Malaysia jadi saya haraplah Yang Berhormat boleh tolong saya untuk menjelaskan dan mempertingkatkan wajah Bukit Bintang. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Selepas ini Yang Berhormat jangan jolok lagilah.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tetapi saya pun suka juga duduk di kawasan Bukit Bintang itu Yang Berhormat. Yang disentuh oleh *Reader's Digest* ini ialah majalah berkenaan membuat rumusan itu hasil tinjauan rambang ke atas 60 responden di ibu kota atas tiga perkara sahaja iaitu kesediaan membuka pintu untuk orang lain, mengutip kertas yang terjatuh daripada orang lain serta mengukir senyuman kepada pelanggan. Namun laporan itu

setidak-tidaknya membuka kita berfikir untuk memperbaiki diri. Di sekolah, setakat mana guru dan anak murid itu dapat kita simbiotik kan mencium tangan guru apabila menerima hadiah dan mengucapkan selamat pagi dan terima kasih.

Malah di Sekolah Menengah ada cerita-cerita kalau ada murid yang membawa beg cikgu dikatakan cuba mengampu dan bodek cikgu. Ini sudah terbalik, nilai yang seperti ini cukup pelik. Sekolah terpaksa memainkan peranannya di rumah lebih-lebih lagi, kemahiran keibubapaan memang perkara yang lebih asas daripada yang lain. Masalahnya di rumah kita tidak ada lunas atau kuasa, penguat kuasa tetapi di sekolah ada, ini bezanya. Bagaimana anak-anak kita diajar satu set nilai di sekolah tetapi begitu sahaja pulang ke rumah, mereka berhadapan dengan satu set nilai yang berlainan. Akibatnya mereka akan jadi keliru dan inilah kesan kepada masyarakat yang kita hadapi hari ini. Dalam membincangkan hal ibu bapa ini kita tentu ingat kepada iklan kempen berkhemah di jalan raya.

Si ayah menyuruh nak-anak berbaris dan jangan berebut semasa menaiki kereta tetapi dia sebaliknya tidak begitu semasa memandu. Ini maksud saya dua set nilai yang berbeza itu lain yang di capak lain yang dibuat, di sekolah lain di rumah lain. Saya menimbulkan hal ini oleh sebab isu-isu masalah sosial hari ini memerlukan perhatian pemerintah, masyarakat dan semua pihak secara lebih serius. Surat khabar hari ini tajuknya, "*Murid Tahun 5 Ditahan Peras Ugut*", cuba bayangkan. Murid Tahun 5, seorang murid Tahun 5 ditahan bersama satu pasangan kerana dipercayai terbabit memeras ugut seorang lelaki sebanyak RM10,000 sebagai bayaran melangsakan kes percubaan menodai seorang daripada pasangan terbabit.

Pelajar Darjah 5, saya tidak bawa statistik yang dikeluarkan oleh surat khabar baru-baru ini dua, tiga hari sama ada dalam *Straits Times* ataupun *The Star*, yang mencatatkan kesalahan pelajar-pelajar di bawah umur soal keganasan, soal perogolan dan sebagainya yang melibatkan pelajar-pelajar di bawah umur ini. Dalam surat khabar *the New Straits Times* kelmarin "*Penang declares war on Mat Rempit*" dengan izin apabila sekumpulan 13 orang merogol seorang perempuan yang berumur 14 tahun.

Jadi keadaan-keadaan ini sebenarnya fenomena yang semakin menjadi dan perkara yang saya hendak sebutkan juga di sini ialah soal masalah di kampung-kampung. Baru-baru ini saya telah ....

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat kalau sekiranya tidak bertentangan dengan undang-undang, boleh atau tidak kita mengadakan perintah sekatan kepada anak-anak di bawah umur 18 tahun, misal kata mereka tidak boleh berada di luar rumah selepas pukul 12.00 atau pun 10.00 malam. Saya ingat kita merasakan kalau kita masih mencuba ataupun melaksanakan diplomatik *approach* bagi mengatasi masalah Yang Berhormat bangkitkan tadi saya rasa sampai bila pun, berapa pun suruhan peruntukan yang

dibuat oleh kerajaan semuanya akan menjadi sia-sia dan tidak akan berjaya. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung dengan perkara ini?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, kalaulah kita hendak menguatkuasakan peraturan itu saya tidak nampak akan kejayaan dia malah kita akan dianggap sebagai lari ke belakang dalam soal kemodenan dan pembangunan. Yang perlu kita lihat pada pandangan saya ialah kita perlu melihat sistem pendidikan kita salah ini tang mana, yang tidak menjurus kepada pembinaan nilai-nilai insan, yang baik yang boleh dicontohi seperti mana negara Jepun, negara-negara yang maju. Kita hendak kena menilai di mana salahnya pendidikan agama kita yang di mana salahnya khutbah Jumaat kita yang kita dengar setiap hari Jumaat dan sebagainya.

Yang menjadikan masyarakat kita sekarang ini kebimbangan kita ialah pelancong akan menganggap bahawa Malaysia ini teruk daripada Thailand, daripada Filipina daripada Indonesia. Kita berjalan sahaja tanpa berwaspada dengan beg tangan kita, kita akan diragut. Anak-anak kita yang hendak pergi ke *public library* kah akan dirisaukan kebimbangan takut ditangkap dan sebagainya. Sedangkan anak kita yang belajar di negara-negara yang maju, dia boleh berjalan pukul 12.00 tengah malam seorang diri ke *library* balik ke rumah tanpa kita risau kerana masyarakat menentukan keselamatan dia. Cuba kita tengok kepada kes jurutera dari Perlis, perempuan nama Suzaily, bagaimana selamatnya ibu bapa dia menghantar dia belajar di UK, selamat pulang membawa ijazah balik ke negara dia, di siang hari dia naik bas untuk pergi bekerja di atas bas itulah dia dirogol dan dibunuh.

Fenomena ini semakin bertambah dan kita tidak boleh mengambil ia sebagai satu peristiwa yang kita baca dalam surat khabar. Oleh sebab peristiwa ini bila dia berlaku hari-hari, kita pun baca hari-hari, kita sudah menjadi satu biasa dan sudah tidak anggap sebagai perkara yang penting. Tetapi jangka panjang perkara-perkara ini akan mengurangkan rezeki negara akan menjadikan negara kita ini tidak lagi selamat untuk didiami dan dikunjungi sedangkan industri pelancongan hari ini adalah satu industri yang membawa pulangan kewangan yang cukup besar tetapi inilah asas-asas yang penting hari ini.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sekali lagi Yang Berhormat Tuan Ismail Kasim.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat mohon laluan?

**Tuan Ismail bin Kasim:** Mohon laluan, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin tanya sekali lagi pandangan Yang Berhormat berhubung dengan gejala Yang Berhormat bangkitkan tadi dan juga perbandingan dengan negara-negara yang kita ingat dari segi undang-undang yang tidak begitu ketat tetapi tidak pernah timbul gejala Mat Rempit, lumba motor haram dan sebagainya di jalan-jalan raya. Jadi, Yang

Berhormat adakah juga disebabkan oleh Yang Berhormat tadi menimbulkan soal sistem pelajaran, soal persekitaran dan adakah juga tindakan kita membawa masuk pendatang tanpa izin yang terlalu ramai merupakan faktor-faktor pencetus kepada gejala yang berlaku di negara kita pada masa ini.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih. Saya berpendapat bahawa kemasukan pekerja-pekerja asing sebahagian daripada sumbangan kepada gejala ini. Dan selain daripada itu saya berpendapat bahawa pada hari ini kemasukan yang terlalu banyak pengasuh-pengasuh anak-anak, orang gaji juga sebagai sebahagian daripada sumbangan kepada masalah ini.

Kerana itulah saya berpendapat bahawa satu sistem mesti diadakan. Satu peraturan boleh diadakan, di mana ibu-ibu muda yang baru berkahwin dan yang baru mendapat anak boleh diizinkan untuk mengambil cuti setahun atau dua tahun untuk dia tidak perlu lagi mengambil pengasuh, sebaliknya mengasuh sendiri. Kemudian selepas daripada anak ini sudah besar dan mampu untuk diserahkan kepada jagaan orang lain, dia diizinkan lagi untuk bekerja.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, minta laluan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya Yang Berhormat untuk mendapat penjelasan, tidakkah juga keganasan yang berlaku sekarang ini juga berpunca dari filem-filem ganas, program-program televisyen yang ganas dan program-program yang tidak membina sahsiah yang baik menyumbang ke arah perlakuan anak-anak muda ini. Apa pendapat Yang Berhormat?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apa tidak adakah filem-filem ganas atau seks di negara Jepun, di negara Australia dan negara-negara maju yang lain? Tetapi mengapa masyarakat mereka tidak menjadi ganas seperti masyarakat kita? Cuba Yang Berhormat pergi melawat Jepun. Bagaimana hormatnya mereka kepada kita dan sesama mereka? Bagaimana bersihnya mereka. Saya melihat semua ini ialah bergantung kepada amalan dan juga penguatkuasaan kepada peraturan-peraturan yang telah dipersetujui itu. Saya mengambil bahawa kalau kita tak hendak filem ganas, kita tak hendak karaoke, kita tak hendak spa dan sebagainya. Apa yang kita hendak? Saya pernah pergi ke spa di negara China yang memang bukan negara Islam.

Bagaimana spa dia itu? Emak, bapa dan anak pun bawa pergi. *Okay*, yang hendak pergi mandi secara herba, pergi mandi. Yang hendak pergi buat *massage* kaki ataupun badan, pergi. Yang tak hendak pergi buat apa, hendak minum di restoran, *okay*, minum. Malah pengunjung yang datang daripada jauh yang tidak sempat hendak pergi ke mana kerana ada *meeting* satu hari sahaja, disediakan pula bilik untuk tidur sekadar satu malam dengan baju dan seluar sehelai. Maknanya konsep keterbukaan tempat-tempat yang macam ini adalah sesuatu yang sihat kerana soal-soal ini kita tidak boleh hendak mengelak. Tetapi kita ada masalah spa kita, masalah karaoke

kita kerana kita ikut Thailand yang bertutup dan yang akan menimbulkan perkara-perkara yang tidak elok. Tetapi kalau kita mengelokkan perkara ini, dia akan jadi elok.

**Datuk Jins Shamsudin:** Yang Berhormat, sekali lagi minta laluan untuk memberi penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat yang menyebabkan perlakuan anak-anak muda ini hingga menyebabkan kita menghadapi masalah *social problem* ini? Apakah punca sebenarnya? Terima kasih. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Yang Berhormat, kerana itulah saya sendiri pun tidak boleh bagi jawapan dan saya mencadangkan supaya pemikir negara menubuhkan jawatankuasa peringkat nasional yang terdiri dari profesional, pihak penguat kuasa dan orang ramai untuk melihat masalah ini sebagai satu masalah besar dan mesti dibaiki serta diambil tindakan. Saya ingin memberi satu lagi contoh berkaitan dengan masalah ini yang berlaku di kampung hari ini. Saya terpaksa pergi mencari kawan saya di kampung. Kampung itu kampung pedalaman di bahagian saya yang bernama Kuala Segantang Garam.

Saya menghubunginya hampir satu bulan tetapi tidak boleh telefon dia. Maka saya pun pergilah sendiri dan saya tanya dia, saya telefon tetapi tidak dapat, mengapa? Dia kata hendak dapat apa? Kabel telefon sudah dicuri. Kabel telefon yang dipasang di kampung itu dicuri. Saya kata Telekom tidak pasang atau tidak ganti kah? Dia kata Telekom pun sudah tidak larat hendak ganti. Diganti, dicuri, diganti, dicuri. Fenomena mencuri kabel Telekom, mencuri kabel elektrik ini adalah berleluasa di kampung, menjadikan keadaan kampung itu sebagai satu keadaan yang tidak sempurna. Tidak seperti kita dahulu di mana di rumah kita, kita tutup pintu tidak kunci pun selamat.

Hari ini, tidak. Mengapa keadaan ini berlaku? Saya masih ingat ketika tahun 60-an dan 70-an. Saya anak kampung. Bapa saya buat bendang, buat sawah. Jelapang padi yang kami simpan padi itu digerudi, ditebuk daripada bawah, maka dicurinya padi. Tidak banyak, dua tin atau tiga tin, tetapi dicurinya dan dijual. Ada pembeli. Kerana ketika tahun 60-an dan 70-an itu, lesen membeli padi ini diberi sewenang-senang kepada sesiapa sahaja yang memohon. Tidak seperti sekarang ini. Sekarang apabila lesen padi dikawal oleh BERNAS dan juga pengilang-pengilang besar, maka orang hendak curi padi pun dia tidak ada tempat dia hendak menjual. Dia hendak jual dua tin ke BERNAS, tidak mungkin. Dia hendak satu guni kepada kilang besar, tidak mungkin. Dan susah kepada dia untuk menjual padi yang dicuri itu.

Sekarang ini Yang Berhormat di dalam Dewan ini, lesen membeli kabel ini. Saya tidak tahulah, katanya pihak polis yang mengeluarkan. Satu kampung ada dua, tiga lesen. Satu kabel yang jaraknya lebih kurang 10 kaki atau 20 kaki kalau sekiranya hendak dijual, ditelefonnya kepada orang tuan empunya lesen ini, dia akan membuka pintu kedai dia ataupun rumah dia yang ada lesen untuk membeli. Kerana itu kecurian kabel ini berleluasa. Saya mencadangkanlah supaya pihak kerajaan menyemak balik pihak yang mengeluarkan lesen pembelian barang-

barang buruk ini. Menyemak balik supaya masalah-masalah ini tidak akan menjadi masalah yang besar.

Hari ini Yang Berhormat, kadang-kadang kita baca di dalam surat khabar, terkanggang manusia - pemuda kah di atas tiang elektrik kerana usaha-usaha mencuri kabel. Bomba pula terpaksa bersusah payah untuk menurunkan balik manusia yang sudah pun dibakar hitam tadi. Ini apa dia ini? Apa hal? Fenomena ini bukan di satu daerah yang saya sebutkan di kampung saya itu sahaja...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat...

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** ...Tetapi, satu Malaysia...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat sudah pun melebihi masa yang diperuntukkan kepada Yang Berhormat selama enam minit. Saya mohon agar Yang Berhormat simpulkan ucapan Yang Berhormat supaya kelihatan begitu baik.

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kesimpulan saya ialah dalam kita menggerakkan pembangunan negara untuk mencapai negara maju tahun 2020, membuat program, meningkatkan ekonomi, menambah nilai kemanusiaan, menambah nilai kekayaan dan sebagainya. Saya melihat bahawa soal pembangunan insan ke arah menjadikan manusia Malaysia ini manusia yang baik, yang tidak ada masalah dan yang seperti mana negara-negara yang maju ini diberi keutamaan. Jadi dengan itu...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna kerajaan memperuntukkan wang yang mencukupi untuk memainkan peranan ke arah matlamat tersebut sebagai kerajaan. Tetapi mungkin kah kerajaan sahaja boleh berjaya di dalam perkara ini?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Maksud saya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah hujah Yang Berhormat, walau apa jua diperuntukkan di dalam bajet, kesannya tidak seberapa selagi masyarakat sendiri tidak berazam untuk menyertai kerajaan di dalam perjuangan ini?

**Tuan Haji Tajul Urus bin Haji Mat Zain:** Begitulah dan sambung kepada Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang banyak sahaja tidak mencukupi kalau cara dan kaedahnya itu tidak menepati kehendak dan sasaran yang dikehendaki. Jadi dengan itu, saya menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Dalam senarai saya ini ada Puan Mumtaz, ya? Selepas Puan Mumtaz, Puan Heng Seai Kie, Dato' Musa Sheikh Fadzir, Datuk Dr. Lee Chong Meng.

**Puan Mumtaz binti Md Nawawi:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk menyahut *item* yang difokuskan oleh kerajaan dalam merencanakan dan menggiatkan kedudukan perbankan

Islam di Malaysia, saya menyarankan beberapa usul dapat dibuat oleh pihak kerajaan. Antara yang pertama ialah kerana kita ingin menggalakkan sistem perbankan Islam ini dapat diperbaiki dan digunakan oleh kesemua orang.

Jadi adalah dicadangkan sebagaimana GLC hanya melaburkan kesemua perniagaannya di sektor-sektor yang dibenarkan oleh syariah maka adalah dicadangkan bahawa agar kerajaan dapat mewujudkan satu sistem bank sahaja iaitu sistem perbankan Islam bagi menggantikan sistem perbankan konvensional. Kerana berdasarkan prestasi yang telah ditunjukkan oleh perbankan Islam, sistem ini telah pun memberikan keuntungan dan dapat berjalan dengan baik. Sehingga kerajaan meletakkan satu bajet yang begitu besar demi untuk mempromosikan sistem perbankan Islam dalam Bajet 2007.

Yang kedua, untuk meminda semua prosedur dan pendekatan yang akan menampakkan sistem perbankan Islam ini pincang. Contohnya bilamana soal NPL dan rebet di peringkat awal pembiayaan bank Islam mungkin akan menunjukkan bahawa seolah-olah sistem Islam ini lebih zalim berbanding dengan sistem konvensional. Kemungkinan beberapa sistem operasi yang mungkin boleh diperbaiki atau dipertingkatkan boleh dibuat untuk membaiki sistem ini.

Yang ketiga, untuk menukar dan memindahkan semua operasi kerajaan dalam satu sistem perbankan Islam selari dengan hasrat Islam Hadhari serta semua polisi yang mewajibkan semua pelaburan GLC selaras dengan kehendak syariah. Ini akan menjadikan proses islamisasi itu berjalan secara keseluruhan demi kebaikan keseluruhan rakyat.

Satu lagi, mengasingkan atau sekiranya boleh untuk menghapuskan sepenuhnya judi sebagai sumber pendapatan kerajaan.

Yang kelima, untuk meminda dan mengemaskinikan semua Akta Bank Islam dan apa-apa peraturan yang berkaitan setelah 20 tahun ianya beroperasi. Seterusnya mengambil langkah proaktif dan menghebahkan kelebihan pelaburan perbankan Islam di negara kita sempena Tahun Melawat Malaysia kepada pelancong-pelancong. Seterusnya, memupuk budaya kerja ekonomi Islam di mana pekerja-pekerja bank termasuk pihak pengurus dan pekerja supaya lebih positif bilamana membuat transaksi ataupun *promote* kepada pelanggan-pelanggan tentang sistem manakah yang lebih baik digunakan di bank kerana kita lihat kadang-kadang orang yang sama bila berada di bank yang mengamalkan sistem Islam sepenuhnya dan juga di bank konvensional, bila berada di bank konvensional mereka lebih cekap sedangkan mereka adalah orang yang sama. Ini menunjukkan bahawa bukan masalah pekerja, tetapi masalah sistem itu yang perlu diubah.

Yang seterusnya lagi ialah untuk menyediakan perbankan internet dan *tele-banking* di semua bank yang mempunyai Sistem *Green Counter*. Yang seterusnya lagi memantau dan menggalakkan semua IPTA dan IPTS menyediakan Ijazah Ekonomi atau sekurang-kurangnya Diploma Ekonomi dalam kewangan Islam untuk melahirkan tenaga mahir dalam industri

perbankan Islam dalam tempoh lima tahun. Ini boleh kita jadikan dengan menggubal sekurang-kurangnya latihan praktikal selama setahun bagi tujuan memastikan tenaga kerja yang akan kita lahirkan ataupun graduan yang kita lahirkan daripada sistem perbankan Islam ini boleh menjadi tenaga kerja yang mahir yang mungkin boleh bekerja bukan setakat di Malaysia tetapi di semua negara yang mengambil dan menerima pakai sistem perbankan Islam yang telah di *promote* kan oleh Kerajaan Malaysia.

Seterusnya lagi sebagai lanjutan kepada perbahasan saya sebelum ini mengenai kedudukan dan tangga gaji imam. Maka saya cukup berbesar hati bilamana melihat terdapat konvensyen imam bilamana diumumkan oleh Timbalan Perdana Menteri bahawa terdapat lebih kurang 10,000 masjid dan surau di seluruh negara. Jadi ini menunjukkan keperluan kita kepada sistem yang bagus dalam memperbaiki mutu imam, perlulah kita buat. Sekarang ini kita mempunyai INTAN untuk melatih pegawai-pegawai awam. Kita mempunyai ILKAP untuk melatih pegawai-pegawai kehakiman. Sepatutnya kita juga mampu untuk menubuhkan sebuah institut latihan Imam bagi melahirkan imam yang bukan setakat tahu membaca al-Quran, boleh mengimami sembahyang, tetapi dalam masa yang sama boleh mentadbirkan masjid. Kerana peranan masjid dalam konteks hari ini begitu penting. Sehingga hari ini pula Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberitahu tentang betapa galakan R&D patut dibuat untuk gerakan solat kerana *research* menunjukkan bahawa pergerakan solat memberi kebaikan bukan sahaja dari sudut agama, tetapi dari sudut kesihatan.

Jadi, perkara-perkara sebegini adalah amat penting untuk kita melatih imam-imam supaya mereka juga diberi kemahiran mengurus sebab kita melihat dalam konteks ini imam-imam mungkin diberi dan mempunyai pelajaran agama yang khusus tetapi ilmu-ilmu pentadbiran untuk mentadbir masjid serta kursus-kursus secara berkala selama mungkin dua tahun tidak diberikan kepada imam. Oleh itu kita tidak melihat imam-imam yang begitu berpotensi yang boleh melaksanakan aspirasi kerajaan dalam melahirkan umat Islam yang baik walaupun kadangkala kita lihat khutbah telah pun diberikan oleh pihak kerajaan tetapi dalam masa menyampaikan khutbah, kita ada teknik terbaru dan komunikasi yang baik yang dibuat kepada khutbah tersebut hingga menjadikan seolah-olah isi kandungan khutbah itu tidak penting, hambar serta tawar dan tidak dapat diterima oleh orang-orang yang mengunjungi masjid untuk menjadi makmum kepada solat Jumaat.

Jadi ini merugikan masa bila mana kita dapat mengumpulkan mungkin 1,000 orang satu hari Jumaat tetapi pada masa yang sama kita gagal untuk memanfaatkan keseluruhan minda orang yang berada di masjid untuk kita pupuk pemikiran mereka dan baiki jati diri mereka.

Seterusnya lagi tentang pakar dalam bidang yang kita bincangkan tentang berhubung dengan Rang Undang-undang Kawalan dan Pengembangan Bukan Islam Bagi Wilayah Persekutuan. Saya difahamkan rang undang-undang ini telah pun ada tetapi saya tidak tahu

bilakah rang undang-undang ini akan dijalankan sebab melihatkan kepada perkembangan semasa, di kebanyakan negeri-negeri di Malaysia, rang undang-undang ini telah pun ada tetapi saya difahamkan di Wilayah Persekutuan, undang-undang ini masih belum berjalan. Jadi sekiranya perkara berlaku membabitkan masalah pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam berlaku di Wilayah Persekutuan, mereka tidak ada undang-undang yang boleh diguna pakai bagi memastikan perkara ini tidak berlaku sedangkan perkara ini telah pun diberitahu dengan jelas di bawah Perlembagaan.

Kita tidak ingin membangkitkan apa-apa isu sensitif kerana dalam Islam telah jelas, "*lakum dii nukumm wali yadiin*", tetapi bila mana kita berada dalam sebuah negara yang demokrasi yang berbilang bangsa, isu ini mesti kita jelaskan di mana dan setakat mana yang kita boleh campur dan setakat mana yang kita boleh faham supaya masing-masing boleh menjaga limit masing-masing dan kita akan dapat hidup dengan aman sentosa.

Seterusnya tentang kewujudan gejala Islam liberal dan ajaran sesat hendaklah dilihat sebagai satu ancaman dan masalah kepada akidah umat Islam. Bendunglah gejala ini dari terus merebak kerana ianya akan membahayakan kepada seluruh umat Islam. Kita lihat hari ini sudah ramai orang-orang yang tidak ada autoriti dalam agama berani untuk memberikan pandangan-pandangan yang boleh mencetuskan masalah kepada rakyat. Sebagai contohnya, saya memetik kenyataan di dalam akhbar *The Sun* di mana pada 24 Ogos, seorang penyanyi telah memberi komen bahawa ada hadis sahih yang tidak betul.

Perkara sebegini dapat diterbitkan dalam akhbar di Malaysia di bawah kawalan kerajaan. Kenapa perkara ini berlaku? Kemungkinan perkara ini terlepas pandang tetapi impaknya bila dibaca akan boleh mencetuskan kemarahan dan juga kekeliruan kepada generasi muda di mana kenyataan tentang hadis sahih adalah tidak boleh dijadikan sebagai sumber hukum merupakan satu *statement* yang amat berbahaya dan perkara sebegini sepatutnya boleh dijadikan dan diletakkan di bawah siasatan. Jadi ini akan membahayakan sekiranya kita benarkan perkara ini akan lebih berleluasa, maka kita akan lihat pelbagai pentafsiran Islam akan dibuat selepas daripada ini.

Banyak persoalan tidak terjawab tetapi semua kajian ilmiah menunjukkan bahawa teori Al-Quran itu benar kerana Islam itu memang sudah lengkap untuk semua zaman, tempat dan keadaan. Tidak ada orang akan teraniaya dengan berjalannya Islam di negara kita. Oleh itu kawalan terhadap media masa daripada membenarkan kenyataan-kenyataan kontroversi dikeluarkan oleh orang-orang yang tidak layak hendaklah diperhatikan sebaik-baiknya demi menyelamatkan akidah umat Islam yang memang pun telah kita lihat sekarang memang dalam keadaan genting dan bermasalah sebagaimana yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sebelum ini tentang keadaan remaja kita pada hari ini di mana mereka keliru

tentang akidah mereka sendiri, akhlak mereka sendiri berbanding kita lihat sejarah negara kita, Melaka dijajah beratus-ratus tahun oleh Inggeris dan Belanda.

Tetapi dalam masa 300 tahun hanya 169 orang mengikut rekod telah berjaya dimurtadkan oleh orang Inggeris dan Belanda. Tetapi kita merdeka 50 tahun, bagaimana keadaan negara kita ini, perkara yang perlu kita baiki, kita semak apakah kita perlu belajar daripada sejarah sebab sejarah akan memberi kita banyak manfaat tentang jati diri, tentang keyakinan kita, tentang siapa diri kita supaya kita ini ada jati diri, kita akan bangga dengan bangsa kita, agama kita dan kita akan pertahankan perkara ini untuk kebaikan anak cucu kita.

Seterusnya lagi tentang insurans berkait dengan apa yang saya telah pun saya bentangkan sebelum ini semasa soal jawab, berkaitan dengan *Civil Law Act*, Seksyen 7 dan 8. Di bawah Seksyen 7 dan 8 telah dinyatakan bahawa tuntutan ganti rugi untuk *bereavement* iaitu kesedihan adalah berjumlah RM10,000. Perkara ini telah ditetapkan pada tahun 1984 dan di bawah akta yang sama juga memperuntukkan bahawa sebarang pindaan kepada amaun ini hanyalah boleh dibuat dengan keizinan Yang Dipertuan Agong.

Saya ingin memberi beberapa tamsilan kepada keadaan ini kerana pada masa tahun 1984 untuk satu kepatahan paha, dengan izin, *a fracture of femur*, ganti rugi yang dibenarkan oleh mahkamah pada masa tersebut adalah RM7,000, untuk mata buta akibat daripada kemalangan RM25,000, untuk pengsan ataupun gegaran otak adalah RM500, sedangkan jumlah ini telah meningkat dengan begitu tinggi daripada tahun 2006 untuk kepatahan paha sahaja, jumlah ganti rugi yang biasanya diawardskan oleh mahkamah ialah RM30,000, untuk melibatkan kehilangan penglihatan, jumlahnya telah meningkat kepada RM85,000, untuk masalah pengsan atau gegaran otak tanpa masalah otak-otak yang lain, jumlah yang dibenarkan adalah RM6,000. Jumlah kesedihan masih lagi kekal di tahap RM10,000. Oleh itu saya memohon agar pihak yang berkenaan dapat meminda ataupun membuat satu cadangan agar jumlah ini dapat dipertingkatkan demi untuk memastikan *award* yang dibenarkan adalah mengikut trend semasa.

Seterusnya lagi dalam kes ini juga di bawah Seksyen 7 dan 8 juga memperuntukkan bahawa *bereavement* ataupun kesedihan hanyalah boleh dituntut oleh pasangan kepada si mati atau ibu bapa kepada si mati sekiranya si mati adalah *minor* iaitu di bawah umur 18 tahun dan tidak berkahwin. Ini menyebabkan berlaku banyak kesulitan di mana kemalangan melibatkan anak yang masih belum berkahwin tetapi berada di pusat pengajian tinggi di mana anak-anak ini masih lagi belum mempunyai pendapatan sendiri.

Dalam kes-kes sebegini, apa yang akan boleh didapati di mahkamah, ibu bapa anak-anak yang terlibat dalam kemalangan selepas umur 18 tahun dan belum berkahwin adalah hanya RM2,500 hanyalah untuk kos pengebumian sahaja. Jadi ini amat menyedihkan. Kadang-kadang perkara ini tidak difahami oleh orang ramai dan mengingatkan bahawa perkara ini merupakan kesilapan peguam. Tetapi saya rasa dalam konteks hari ini kerana ramai remaja kita memanglah

remaja yang berpelajaran, adalah tidak adil untuk kita meletakkan hanyalah kesedihan itu boleh diberikan kepada ibu bapa dalam konteks dia hanya *minor*.

Saya mencadangkan pindaan agar boleh dibuat ganti rugi kesedihan boleh dibayar kepada ibu bapa selagi mana anak mereka belum berkahwin walaupun usia anak tersebut mungkin 40 tahun. Selagi mana ibu bapanya merupakan orang yang berhak kepada kesedihan itu, hendaklah diberikan kepada ibu bapa dan tidak meletakkan umur 18 tahun sebagai satu had.

Yang seterusnya lagi saya juga ingin mencadangkan di bawah Seksyen 7 dan 8 ini berkenaan dengan tahap di mana seseorang itu boleh menuntut untuk tahap kehilangan pendapatan yang dibenarkan di bawah *Civil Law Act* adalah di bawah 55 tahun ke bawah. Ini adalah mengikut Akta Pencen pada masa tersebut setelah sekarang Akta Pencen telah berubah kepada 56 tahun, jumlah itu masih lagi belum diperbaiki ataupun dipinda selaras dengan pindaan Akta Had Umur Pencen.

Walau bagaimanapun, selaras dengan perkembangan semasa kita melihat di negara-negara lain di Singapura, di negara-negara maju dan juga negara lain, had umur untuk persaraan telah pun meningkat. Kita juga perlu melihat kepada fenomena keadaan semasa di mana pasangan biasanya lambat berkahwin, selepas belajar baru kahwin, maka menyebabkan pada usia 50 tahun ke atas, masih banyak lagi ibu bapa yang mempunyai anak yang masih bersekolah dan perlu ditanggung.

Dalam konteks ini saya memohon agar jumlah had umur dibuka ataupun dipinda kepada umur 60 tahun ataupun 65 tahun yang mana lebih baik supaya ini akan memberikan kebajikan kepada keluarga yang telah ditimpa masalah. Dalam kes yang saya sebelum ini saya telah pun bertanya kepada pihak Kementerian Kewangan tentang berapa peratus kah jumlah tuntutan ganti rugi akibat kemalangan yang melibatkan pihak ketiga, kita lihat pihak kerajaan dan pihak insurans telah pun membelanjakan beratus-ratus ribu untuk kebajikan orang-orang yang telah pun dilanggar.

Tetapi dalam kes ini kita juga jangan lupa tentang keadaan di mana melibatkan kemalangan jalan raya yang tidak dilindungi oleh mana-mana insurans. Dalam konteks ini kita lihat kemalangan yang berlaku yang tiap-tiap hari kita lihat gambarnya itu merupakan satu bencana yang bukan sedikit yang mungkin telah menyebabkan faktor terbesar wujudnya masalah ibu tunggal di Malaysia.

Seterusnya lagi tentang keadaan pemecah ombak di Kelantan. Saya telah difahamkan bahawa kebanyakan masalah pemecah ombak telah mengakibatkan hakisan yang begitu hebat di Kelantan dan perkara ini menjadi lebih teruk dari tahun ke tahun. Oleh itu sekiranya perkara pemecah ombak, benteng ataupun sebagaimana yang boleh dibuat untuk mengatasi perkara ini hendaklah dibuat dengan kadar segera sebab beberapa kampung telah pun terhapus dan terhakis akibat daripada kewujudan pemecah ombak.

Mungkin kah perkara ini berlaku akibat kesilapan dari segi teknikal ataupun dari segi bentuk binaan pemecah ombak itu sendiri perlulah dikaji semula memandangkan Projek Kemasin, Semerak telah pun dilaksanakan oleh kerajaan beberapa tahun dahulu. Jadi perkara ini sudah lebih 10 tahun. Adalah elok sekiranya dapat dibuat satu *review* adakah perkara ini yang menyebabkan berlakunya hakisan yang begitu kuat kepada kampung-kampung yang berada di sekitar kawasan pantai di Kelantan.

Saya juga ingin menyebut sekali lagi tentang permohonan agar pihak PERKESO dapat memasukkan juga untuk seseorang yang mengalami kecacatan kekal dan meninggal dunia, tuntutan bukan setakat dibuat oleh suami ataupun isteri kepada pekerja terbabit tetapi juga dapat dilanjutkan kepada ibu bapa kepada pekerja yang terbabit sebab masalah kewujudan warga emas sekiranya kita tidak bantu, tidak beri sokongan kepada mereka, tidak ada lagi orang yang akan membantu warga emas ini kerana mungkin bagi pandangan kalau kerajaan sendiri tidak menekankan peri penting bagaimana kita perlu menjaga warga emas, orang ramai mungkin akan pandang perkara ini lebih ringan di mana kalaulah sekiranya berlaku apa-apa kemalangan, hanya pihak isteri atau anak sahaja yang diberi perhatian tetapi masalah ibu bapa tidak diberi peruntukan yang sama sedangkan kita lihat dalam sistem gaji angkatan tentera, peruntukan diberikan kepada ibu bapa, isteri dan juga anak-anak. Jadi perkara yang baik ini sepatutnya kita memperpanjangkan, bukan hanya kita terhad kepada pihak tentera sahaja.

Seterusnya lagi tentang penggalakan oleh kerajaan terhadap R&D iaitu *research and development*. Saya cukup sedih bila melihat akhbar pada hari ini di mana dilaporkan dalam *New Straits Times* bahawa satu universiti, *Malaysian University of Science and Technology* atau MUST, dengan izin, hanya tinggal 10 pelajar sahaja. Jadi kerajaan memberikan sejumlah bajet yang begitu besar untuk R&D tetapi respons yang diberikan oleh orang ramai adalah menyedihkan.

Jadi kalau R&D menunjukkan prestasi yang sebegini, kita akan lihat bagaimana keadaan akan jadi kepada negara kita bilamana semua perniagaan, semua industri memerlukan kepada *research and development* sebegini. Jadi saya cadangkan sebagaimana kita melihat penajaan boleh diberikan kepada rancangan hiburan sehingga RM1 juta, tidak salah kita juga memberikan peruntukan RM1 juta kepada mana-mana pekerja di Malaysia yang boleh menunjukkan atau melahirkan satu R&D yang bagus sebab perkara ini sekiranya kerajaan isytihar atau dapat tajaan daripada mana-mana pihak, ianya akan menyebabkan rakyat buka mata walaupun kita bukanlah hendak mengajar itu melihat kepada ekonomi semata-mata tetapi penajaan sebegini akan memberikan impak yang sebenar kepada semua rakyat kerana masing-masing berpendapat bahawa tarikan RM1 juta ini merupakan satu motivasi yang kuat untuk mereka berfikir dengan lebih kerana apa yang mereka buat itu berbaloi.

Jadi sebagaimana juga perkara ini boleh kita panjangkan ke peringkat sekolah, mungkin insentif dalam yang diberikan boleh kita jadikan dalam bentuk RM5,000 boleh diberikan kepada peringkat zon-zon ataupun PPD, ini akan menyebabkan nilai ataupun motivasi kepada kanak-kanak untuk lebih membuat satu kajian daripada peringkat kecil lagi akan lebih terserlah.

Mungkin juga anugerah ataupun trofi boleh diberikan oleh Perdana Menteri sendiri pada Hari Belia ataupun Hari Kanak-Kanak kepada belia-belia yang berjaya mempamerkan R&D yang baik. Jadi, sekiranya perkara ini boleh dibuat, kita akan lihat perubahan yang ketara dan besar kepada sektor R&D di Malaysia yang telah pun diberikan penekanan dalam Bajet kita pada hari ini. Seterusnya mengenai *halal food industry*, saya menyarankan agar pihak yang berwajib mengenal pasti semua jentera dan jabatan dan kementerian yang terlibat bagi memastikan ianya lancar. Contohnya dari segi terminologi dan terma-terma yang sah dalam semua perjanjian ataupun semua syarikat yang mengendalikan perkara-perkara yang melibatkan *halal food industry*.

Ini kerana kebanyakan istilah yang ada di peringkat global, mungkin tidak berapa difahami ataupun mungkin perlu kita pinda dalam beberapa akta untuk kita pastikan perkara ini sudah selaras. Sekarang kerajaan sudah menggalakkan *Halal Food Industry*, janganlah ada beberapa perkara yang mungkin patut kita selesaikan pada peringkat awal, akan menjadi penghalang kepada kejayaan kita untuk menjadi negara yang membuat produk makanan halal ini kerana kita merasakan sekiranya kita mengambil berat perkara ini, ianya dapat diatasi dengan baik.

Seterusnya, saya juga menyarankan agar pihak kerajaan memantau partisipasi syarikat bumiputera dalam industri makanan halal, kerana setakat ini kita lihat begitu aktif penglibatan ataupun keaktifan yang diberikan oleh syarikat bukan bumiputera. Jadi, kalau tidak dipantau perkara ini, kita akan lihat syarikat bumiputera yang tidak dibimbing ataupun mungkin terleka ini akan terus ketinggalan di belakang dan ini akan pada satu masa memberikan satu masalah kepada kerajaan sendiri kerana mungkin dikatakan tidak peka kepada kaum bumiputera.

Jadi, oleh itu penglibatan peringkat awal adalah perlu dan pihak kerajaan juga hendaklah menyediakan satu kriteria yang jelas tentang apakah perkara yang boleh kita kemaskinikan untuk memastikan halal ini menjadi betul-betul kenyataan. Sebagai contohnya ditubuhkan di bawah JAKIM satu unit ataupun satu jabatan khas yang tetap yang mengendalikan khusus tentang ICT dan juga tentang bioteknologi. Saya merasakan dalam konteks undang-undang, konteks hukum, adalah tidak munasabah untuk kita memberikan taklimat oleh pakar kepada para mufti, para imam dalam jangka waktu sejam demi untuk mereka kemudiannya mengeluarkan satu fatwa ataupun satu hukum bahawa sesuatu perkara itu halal kerana apabila melibatkan *biotech* dan juga perkara halal haram ini, proses halal dan haram itu hendaklah dilihat daripada semua peringkat.

Bukan sekadar di peringkat pembenihan, pembuatan ataupun pemprosesan sahaja kerana ia melibatkan kesemua proses mestilah halal, barulah dikira halal dan perkara ini memang

cukup *complicated*, cukup rumit. Jadi, perkara rumit ini memerlukan kepakaran. Oleh itu satu jabatan khas di bawah JAKIM yang memang terlibat terus dengan bioteknologi dan ICT hendaklah ditubuhkan dan dijadikan satu jabatan yang penting supaya segala aspirasi kerajaan untuk menjadikan negara kita halal *hub* itu akan menjadi kenyataan kerana kita betul-betul mempunyai piawaian, kredibiliti kepakaran yang khusus untuk menerangkan sesuatu perkara yang kita keluarkan itu sama ada halal ataupun tidak sebagaimana yang kita tengok kepada SIRIM hari ini, di mana kita *respect* kepada apa-apa yang telah pun di *certify* oleh SIRIM, maka saya rasa kalau kita dapat wujudkan satu jabatan yang khas sebegini, kita juga mungkin satu hari akan melihat seluruh dunia boleh mengguna pakai piawaian halal dan *biotech* yang dikeluarkan oleh kerajaan kita.

Seterusnya, menyentuh tentang pendidikan, saya juga menyeru dan memohon agar pihak kerajaan dapat mengkaji semula tentang peruntukkan kepada sekolah agama rakyat di mana prasarana yang telah pun dibina oleh rakyat ataupun oleh kerajaan-kerajaan negeri ini, sepatutnya dikembalikan ditolong dan dibantu tanpa menjejaskan identiti asal demi memastikan keseimbangan pembangunan insan dan Islam dapat difahami oleh semua orang. Jadi, kalaulah sekiranya perkara ini boleh kita baiki, kita bantu tanpa mengambil alih identiti, saya merayu di bawah bajet pada tahun ini, kerajaan boleh memberikan prasarana yang kembali semula kepada sekolah agama rakyat supaya mana-mana sekolah yang hampir-hampir mati itu dapat kita hidupkan semula supaya lebih aktif dan lebih memberi kesan kepada keadaan masyarakat pada hari ini.

Saya tertarik dengan kenyataan yang diberikan oleh Tan Sri semalam, berkenaan dengan pada masa dahulu di mana persembahan hiburan lebih hebat daripada pada hari ini tetapi kenapa rakyat pada masa itu lebih beradab, lebih baik berbanding dengan keadaan pada hari ini di mana apa pun yang kita buat tidak memberi kesan. Saya rasa mungkin jawapan ataupun persepsi saya kepada perkara ini ialah pada masa dahulu walaupun hiburan itu diberi dalam keadaan yang mungkin agak melampau, kalau kita tengok dalam konteks hari ini, tetapi penjagaan dan pendidikan agama yang diberikan oleh ibu bapa serta masyarakat kampung adalah lebih baik.

Maknanya apa pun godaan yang datang, pengawalan, pendidikan juga sama kuat. Jadi, hari ini kemungkinan apa yang kita perlu baiki ialah bukan sekadar kita membuat pembangunan, tetapi sistem pendidikan kita mestilah selaras dengan pembangunan yang kita bina. Jangan kita mampu membina bangunan sehingga seratus tingkat, tetapi tahap pendidikan kita mungkin 50 tingkat. Jadi, ini kita akan melihat pembangunan *material* tanpa pembangunan insan yang sepatutnya ada dalam setiap pelajar ataupun setiap kanak-kanak.

Jadi, saya menyarankan agak pihak kerajaan demi memastikan pembangunan insan ini berjalan dengan baik, memastikan juga dan mewajibkan juga agar mana-mana pihak *developer* ataupun pemaju ataupun kontraktor yang ingin terlibat dengan semua projek kerajaan, untuk juga

menyumbang ataupun memberi beberapa penekanan ataupun keyakinan kepada pihak kerajaan dalam bentuk praktikal, bagaimanakah prasarana atau pembangunan yang mereka buat ini boleh turut membangun dalam proses pembangunan insan di Malaysia bukan setakat dia dapat untung, tetapi dari segi *effect* kepada pembangunan itu sendiri, mesti difikirkan bersama sebab kita lihat hari ini, kecanggihan teknologi, kecanggihan SMS, kecanggihan *internet*, anak-anak lebih *terror* daripada kita.

Jadi kalau kita mengguna pakai sistem yang lapuk, sistem yang tidak mengikut peredaran zaman, jadi, kita akan ketinggalan dengan anak-anak kita. Ini menyebabkan anak-anak hilang *respects* sebab dalam konteks ini, saya ingin menekankan bahawa saya percaya antara perkara yang boleh kita jadikan sebagai alat perpaduan yang patutnya kita tekankan ialah penglibatan DBP sebagai sebuah Dewan Bahasa dan Pustaka, yang memartabatkan Bahasa Malaysia demi untuk menjadi alat perpaduan. Sebab sekiranya kita tidak ada satu bahasa yang memang sama-sama kita fahami, kita sayangi, perkara ini akan menyebabkan hilang identiti.

Kita boleh belajar bahasa lain, tetapi bahasa asas itu hendaklah ditekankan dipromosikan supaya anak-anak kita walaupun apa pun jawatannya mungkin akan menjadi setiausaha di Bangsa-bangsa Bersatu masih lagi mengenang bahawa Melayu sebagai satu bahasa yang istimewa, bahasa akademik, bahasa ilmu, bahasa niaga dan kita harap kenyataan-kenyataan yang mengatakan sekiranya saya bercakap dalam bahasa Melayu satu kenyataan yang bodoh, saya mungkin akan bercakap bodoh, perkara-perkara sebegitu tidak akan timbul kerana masing-masing merasakan bahawa ini merupakan bahasa dia adat dia, sopan santun dia.

Jadi, perkara-perkara ini perlu kita lihat supaya bahasa ini bukan dipandang sekadar bahasa, bukan dipandang alat komunikasi, tetapi dijadikan sebagai satu alat perpaduan. Oleh itu pengekal identiti mungkin Utusan Melayu juga merupakan satu faktor yang besar, sebab ini juga akan mengembalikan maruah kita menunjukkan bahawa kita menghormati bahasa bukan sekadar perkara yang tidak penting, tetapi perkara yang terpenting demi untuk menjadikan kita mempunyai identiti yang baik. Satu lagi tentang saranan agar dalam kad pengenalan yang baru iaitu KPT yang dinamakan KPT saya banyak menerima rungutan daripada pihak polis yang menjalankan *road block*, *road block* di jalan raya di katakan bahawa kadang-kadang apabila dibuat sekatan jalan raya, pihak yang mengeluarkan kad pengenalan terpaksa mengeluarkan tiga keping kertas.

Satu yang plastik hadapan, kemudian yang tengah, yang belakang. Maknanya tercabut, kad pengenalan itu bukan jadi sekeping, tetapi tiga keping. Jadi, perkara ini namanya kad pengenalan tinggi, jadi tidak tahulah apa benda yang kita boleh buat lagi, untuk kita *improve* supaya perkara macam ini tidak berlaku, sebab kalau dapat dipecahkan dengan kadar sebegitu rupa oleh orang biasa, maka pemalsuan identiti sebegini mungkin akan dapat dibuat dengan lebih jelas sebab dari segi kualiti kertas dan kad sendiri pun boleh dipertikaikan, dan saya juga menyeru

pihak JPN agar dapat mengemaskinikan *chip* di kad pengenalan tinggi agar dapat memasukkan status perkahwinan.

Sebab status perkahwinan ini dalam konteks mungkin pada zaman dahulu tidak berlaku masalah kahwin berapa banyak negeri. Tetapi, dalam hari ini Malaysia orang Kelantan kahwin orang Perak, orang Perak kahwin orang Johor, ini perkara yang biasa. Jadi kadang-kadang apabila meninggal dunia, ingatkan pusaka bagi sembilan orang, lepas bagi sembilan orang timbul lagi, ada lagi tiga orang di negeri lain. Jadi, perkara-perkara begini hendaklah diperhatikan dan dalam konteks kita berjaya mengguna pakai semua sistem komputer macam ini, sepatutnya data-data mengenai perkahwinan dapat dimasukkan ke dalam Mykad supaya perkara-perkara yang boleh kita selesaikan dalam jangka masa yang cepat boleh kita selesaikan....

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat bercakap laju sangat, saya hendak celah pun..., tentang masalah tiga lagi itu, tiga isteri ke tiga anak? Penjelasan.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Kalau tiga anak nasib baik, kalau tiga isteri lagi masalah. Sebab kalau tiga isteri mungkin ada lagi sembilan anak, kalau tiga anak sahaja mungkin masalah itu boleh cepat selesai. Jadi, kalau kita dapat mengguna pakai...

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** [*Menyampuk*]

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** ....Terima kasih Yang Berhormat bertanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Dato' Wan Ahmad Farid bin Wan Salleh:** Maksud Yang Berhormat, saya tidak faham. Maksud Yang Berhormat dalam Mykad hendak letak nama-nama isteri, seorang isteri ke dua isteri, macam mana? Kalau dia dua isteri macam mana?

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Kalau dua isteri, kalau dia orang Islam dibenarkan di bawah Perlembagaan, boleh berpoligami, letakkan dua isteri. Maknanya mana-mana pendaftaran perkahwinan ataupun penceraian hendaklah di *update* kan dalam Mykad supaya perkara ini tidak timbul kekeliruan. Ada kes yang melibatkan suami meninggal dunia akibat kemalangan, di mana mayat suami hangus, tetapi tidak siapa yang tuntutan sebab orang tidak kenal dan dalam Mykad alamatnya alamat lama. Jadi, sebenarnya dia tinggal, dia mempunyai dua isteri, dan tinggal berdekatan.

Jadi, perkara-perkara sebegini kalau kita dapat *update*, mungkin kita boleh menyelamatkan ataupun mempercepatkan proses pengenalan jenazah. Jadi, ini merupakan perkara-perkara yang boleh kita tengok dan juga satu lagi tentang cadangan saya sebelum ini yang telah pun saya nyatakan semasa perbincangan Rang Undang-undang Tambahan, iaitu untuk menjadikan ataupun memastikan bahawa setiap warga Malaysia yang lahir di Malaysia diambil cap jari tangan dan kaki dan dimasukkan semua identiti ini dalam Mykad.

Ini demi memastikan proses pemalsuan kad pengenalan kita dapat dikurangkan dengan kadar yang lebih banyak sebab kalau kita lihat dalam kes-kes jenayah pun, untuk rekod-rekod lampau, kesemua orang yang ditahan itu akan diambil cap jari tangan dan kaki. Jadi, kalau kita ambil cap jari tangan kaki, tetapi dalam Mykad cuma ada ibu jari, perkara ini tidak *serve the purpose* lah. Jadi, kalau boleh kita ambil semua itu, lebih baik. Jadi keadaan apa pun yang berlaku selepas daripada itu, boleh kita selesaikan dengan cara yang lebih baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bolehlah simpulkan sekarang.

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Satu lagi yang terakhir saya rasa, saya juga ingin memanjangkan ucapan terima kasih Yang Amat Berhormat Tuan Guru Dato' Nik Abdul Aziz kepada Perdana Menteri sempena Bajet 2007 ini kerana dalam RMK9 kerajaan Kelantan mendapat bajet yang agak cemerlang berbanding dengan Rancangan Malaysia sebelum ini. Jadi, sebagai adat orang Melayu dan orang Islam, berterima kasih itu satu perkara yang wajar kita sebut, cuma saya mengharapkan agar perkara ini bukanlah terhad kepada RMK9, dapatlah kita panjang kepada RMK seterusnya agar negeri-negeri Pantai Timur, bukan setakat Kelantan, Terengganu dan Pahang dapat menikmati pembangunan yang selari dan setanding dengan negeri-negeri di Pantai Barat. Dalam apa pun saya percaya bahawa dalam konteks negara demokrasi....

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Minta laluan. Ini sebenarnya kalau kita baca terselindung sebaliknya ialah satu perakuan bahawa Barisan Nasional itu adalah satu parti dan kerajaan yang baik.... [*Tepuk*]

**Puan Mumtaz binti Md Naw:** Sebagai orang Islam, perkara baik itu kita akui baik, tidak boleh kita katakan benda itu tidak baik sebab kita mesti memandangkan perkara itu positif. Sebab saya percaya pada satu hadis Qudsi, di mana Allah berkata... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] iaitu "*Aku di sisi apa yang hambaKu sangka terhadapKu*". Oleh itu, sekalipun rakyat Kelantan mengundi PAS dan percaya Kerajaan Negeri Kelantan boleh menjaga dan mentadbir Kelantan, dalam masa yang sama kalau rezeki itu ada, memang sampai juga bajet itu kepada Kelantan.

Saya akhiri kata-kata itu dengan ucapan terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Bermakna dia berterima kasih kepada Barisan Nasional tapi dia lebih suka PAS. Yang Berhormat Puan Heng Seai Kie. Minta maaf, sebutan saya itu betul kah? Heng Seai Kie.

**Puan Heng Seai Kie:** Betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**4.45 ptg.**

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya mengambil bahagian dalam perbahasan untuk meluluskan Rang Undang-undang Perbekalan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini kepada pencapaian

Malaysia dalam matlamat pembangunan *millennium* iaitu deklarasi *millennium* bangsa-bangsa bersatu pada September 2000 dengan azam untuk membebaskan penduduk dunia daripada belenggu kekejian dan kehinaan akibat kemiskinan melarat yang ketiga iaitu menggalakkan kesaksamaan *gender* dan memperkasa wanita.

Dengan menghapuskan jurang perbezaan *gender* di peringkat persekolahan rendah, peringkat menengah menjelang tahun 2005 dan di semua peringkat pendidikan tidak lewat daripada tahun 2015. Tahniah kepada kerajaan kerana sejak tahun 1970, peruntukan khas telah diberikan misalnya daripada RM20 juta pada tahun 2000 kepada RM30 juta tahun 2007 sebagai bantuan khas untuk NGO melaksanakan pelbagai program wanita, keluarga dan masyarakat di negara ini. Jurang perbezaan *gender* bagi *enrolment* di setiap peringkat persekolahan ini telah berjaya diatasi dengan ketara malahan jumlah pelajar wanita di IPTA kini telah mengatasi pelajar lelaki dengan nisbah melebihi 2:1.

Tuan Yang di-Pertua, dengan *accessibility* wanita kepada pendidikan dan latihan telah pun meningkatkan mobiliti pekerjaan wanita secara amnya. Walau bagaimanapun, kesedaran kesaksamaan *gender* khususnya status wanita di Malaysia secara amnya masih jauh ketinggalan jika berbanding dengan negara-negara lain terutamanya negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang sedia maklum hak wanita adalah merupakan hak asasi manusia. Oleh itu, isu kesaksamaan *gender* bukanlah bermakna kita menunjukkan belas kasihan ataupun *kindness* dengan izin, kepada kaum wanita tetapi ia merupakan satu isu keberkesanan pentadbiran sesebuah negara. Hari ini kita dapati lebih tinggi tahap kesedaran *gender* ataupun lebih tinggi status wanita di sesebuah negara maka lebih majulah negara itu.

Oleh itu, demi meningkatkan imej negara kerajaan haruslah mempertingkatkan lagi usahanya ke arah mempertingkatkan keseimbangan *gender* baik di tempat kerja, penjagaan anak dan pengurusan rumah tangga di samping mengubah sikap lelaki termasuklah Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini terhadap perkongsian tanggungjawab kekeluargaan kerana membesarkan ataupun mendidik anak itu merupakan tanggungjawab bersama kedua ibu dan bapa.

Selain itu, saya juga menyarankan ataupun mencadangkan kepada kerajaan supaya mempertingkatkan status wanita melalui langkah-langkah yang berikut. Pertama, mengiktiraf sumbangan wanita iaitu golongan suri rumah tangga sebagai pengurus rumah tangga melalui skim potongan sebanyak 10% daripada gaji bulanan suami secara automatik. Tuan Yang di-Pertua, rekod Jabatan Perangkaan Negara menunjukkan lebih daripada 60% daripada wanita di Malaysia adalah merupakan suri rumah tangga yang telah mengorbankan sepanjang hayatnya demi keluarga, demi kepentingan suami dan anak-anak mereka.

Sebagai mana yang diketahui keluarga adalah asas masyarakat dan masyarakat adalah asas sesebuah negara. Keluarga yang sejahtera mewujudkan sebuah masyarakat yang harmoni

ke arah kestabilan sesebuah negara. Apatah lagi kepada suri rumah tangga yang juga seorang ibu yang telah mendidik dan membesarkan anak-anak iaitu generasi muda yang merupakan bakal pemimpin negara di masa akan datang...

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat hendak beri laluan?

**Puan Heng Seai Kie:** Dipersilakan.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin penjelasan daripada Yang Berhormat mengenai 10% potongan tetap itu, apakah itu termasuk pakaian, bedaknya dan sebagainya? Maksudnya apakah yang lain-lain itu kena bayar juga ataupun sudah cukup 10%?.

**Puan Heng Seai Kie:** Boleh saya jawab? *Okay*. Yang Berhormat, terima kasih atas soalan itu. Sebenarnya peruntukan 10% itu adalah sebagai *pocket money* dan tidak termasuklah lain-lain perbelanjaan hariannya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu minimum bukan maksimum.

**Puan Heng Seai Kie:** Ya, itu ialah minimum.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Mohon laluan. Kalau begitu lebih baik tambah 20% Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa Ahli: ... [Ketawa]**

**Puan Heng Seai Kie:** Itu adalah suatu yang menggalakkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat dihantar ke sini oleh Dewan Undangan Negeri Perak ya?

**Puan Heng Seai Kie:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dan Yang Berhormat juga merupakan Ketua Wanita MCA.

**Puan Heng Seai Kie:** Timbalan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih sebab itu saya hendak faham aliran penghujahan Yang Berhormat. Silakan.

**Puan Heng Seai Kie:** Boleh saya sambung? *Okay*. Oleh itu, sumbangan mereka ini haruslah dihargai dan jasa mereka itu harus diiktiraf. Untuk ini saya mencadangkan supaya kerajaan mewajibkan semua suami kepada suri rumah tangga supaya sekurang-kurangnya 10% daripada pendapatan bulanannya dicarumkan ke dalam akaun isteri secara automatik seperti mana yang diamalkan oleh skim KWSP dan sebagai insentif kepada si suami jumlah itu haruslah diberi pelepasan daripada percukaian. Ini bukan sahaja akan meningkatkan martabat wanita sebagai seorang isteri, sebagai seorang ibu dalam sesebuah keluarga tetapi juga secara langsungnya akan menggalakkan wanita untuk menjadi suri rumah tangga sepenuh masa.

Di samping itu, berpandu kepada sifat wanita yang memang suka berjimat dan menyimpan wang, ia juga boleh dijadikan sumber tabung keluarga tambahan untuk tujuan kecemasan.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Minta laluan Yang Berhormat.

**Puan Heng Seai Kie:** Ya dipersilakan.

**Tuan Tay Puay Chuan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ingin tahu sekiranya bagi suami yang tidak bekerja tetapi isteri bekerja, suami pula korbakan diri menjadi suri rumah menjaga kebajikan anak-anak dan menjaga kepentingan isteri. Adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa dalam keadaan demikian gaji isteri harus dipotong 10% untuk dicarumkan ke dalam akaun si suami.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Tay Puay Chuan. Yang kita bincangkan di sini ialah isu kesaksamaan *gender*. Jadi oleh yang demikian sudah pasti kalau isteri yang bekerja dan si suami yang menjadi suri rumah tangga maka peruntukan yang sama adalah di *apply* dengan izin.

**Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi:** Yang Berhormat, mohon laluan. Saya sebenarnya tidak setuju kalau suami tidak bekerja isteri bekerja, maka dipotong gaji isteri 10% untuk suami sebab itu suami yang tidak bertanggungjawab. Sepatutnya dia yang bekerja. Jadi saya tidak setuju 10% itu.

**Puan Heng Seai Kie:** Tuan Yang di-Pertua, *can I ask him back?* Jadi saya ingin tahu daripada Yang Berhormat, apakah cadangan Yang Berhormat untuk mengatasi masalah ini? Adakah si suami itu yang tidak bekerja itu kalau atas sebab-sebab tertentu dia tidak dapat bekerja ataupun kita tahu bahawa dengan cabaran yang dihadapi pada masa ini kadangkala si suami itu, dia tidak bekerja kerana tidak dapat peluang pekerjaan yang sesuai dan si isteri pula mendapat tawaran yang lebih baik dengan peluang yang lebih baik.

Jadi dia bukanlah menjadi suri rumah tangga secara sukarela, maksudnya secara pilihan dan kedua suami isteri itu kalaulah telah bersetuju untuk mengamalkan sistem sebegini, saya rasa ini juga merupakan satu cara yang baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya tidak boleh benarkan Yang Berhormat jawab. Kalau tidak saya akan bersubhat supaya perbincangan ini berpindah menjadi sesuatu perbincangan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** [*Bangun*]

**Tuan Yang di-Pertua:** Sekarang Yang Berhormat seorang lagi pula minta laluan.

**Tuan Ismail bin Kasim:** Sebelum tutup kes Tuan Yang di-Pertua hendak minta pandangan Yang Berhormat sedikit kerana saya merasakan cadangan Yang Berhormat itu cadangan yang baik untuk pastikan isteri ada di rumah dan tidak bekerja dan sebagai jaminan. Jadi kesaksamaan *gender* ini tidak perlu diperjuangkan lagi. Kita sudah bagi duit melalui potongan tetap dan mungkin 30% pun kita sanggup bagi asalkan persoalan-persoalan ini, kerana

implikasinya melibatkan banyak benda yang boleh diatasi kalau isteri bersedia menjadi suri rumah sepenuh masa. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Kita pun hendak minta laluan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Biar Yang Berhormat huraikan dahulu. Yang Berhormat hendak beri laluan seorang lagi dan jawab seterusnya. Ya silakan Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Norraesah binti Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Sebenarnya apa yang harus kita ambil dalam perkiraan apabila kita menyebut tentang *gender equality* ini ialah tentang apa yang dikatakan termannya ialah *economic rent* iaitu sewaan ekonomi tetapi bukan sewaan dalam erti kata kita menyewa tetapi *economic rent* ialah bayaran *notional* yang harus kita beri kepada seorang wanita yang duduknya di rumah menjaga dan pelihara anak sebab itu adalah juga sumbangan dia kepada pembangunan.

Tetapi adakah saya salah faham ataupun apa yang saya akan kata ini adalah sesuatu Yang Berhormat akan bersetuju? Sebenarnya bukan Yang Berhormat ingin menggalakkan wanita tinggal di rumah hanya kepada mereka yang menjalankan kerja mendidik anak, melayan suami, menjaga keharmonian keluarga diberi juga *economic rent* supaya ia dapat dianggapkan sebagai mereka yang benar-benar menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi juga. Bukan hendak suruh mereka duduk di rumah semuanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Cukup Yang Berhormat. Silakan.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih. Jadi perlu kah saya menjawab balik?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu pilihan Yang Berhormat, saya sedar bahawa walaupun di antara lelaki dan wanita saling melengkapi, *they compliment each other but there is always an underline current of war between them...* [Dewan riuh dengan ketawa]

**Puan Heng Seai Kie:** Yang sebenarnya Yang Berhormat, cadangan ini adalah sebagai satu pengiktirafan kepada wanita dan bukanlah sebagai sesuatu langkah untuk menggalakkan wanita supaya menjadi suri rumah tangga sepenuh masa. Langkah yang kedua ialah memantau demi memastikan supaya semua program kesihatan wanita kerajaan dilaksanakan sepenuhnya.

Tuan Yang di-Pertua, rekod Kementerian Kesihatan menunjukkan sejak tahun 2004 *breast cancer* dengan izin, merupakan pembunuh utama wanita Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat boleh saya ganggu sebentar? Minta duduk sebentar. Ahli-Ahli Yang Berhormat, terdapat lapan nama dalam senarai saya memohon peluang untuk berucap. Dan jika diberikan 30 minit seorang, ini akan menghabiskan masa sebanyak 240 minit. Dan pada esok hari kita mempunyai lebih kurang 250 minit untuk menghabiskan semua. Tapi andai kata ada lagi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang minat sangat hendak berucap, esok bolehlah pujuk pihak kerajaan agar bersetuju dengan dibentangkan usul supaya kita

lanjutkan persidangan selepas pukul 5.30 petang esok untuk tamatkan perbahasan bagi membolehkan pihak kerajaan jawab pada hari Isnin yang berikutnya.

Kesimpulannya ialah peruntukan masa setengah jam seorang itu adalah mencukupi untuk semua jika Yang Berhormat disiplinkan diri, jaga kepentingan kawan-kawan lebih kurang, tolak ansur. Dan selepas ini Dato' Musa Sheikh Fadzir akan berpeluang untuk mulakan ucapan dan sambung esok. Yang Berhormat Datuk Dr. Lee Chong Meng boleh mulakan esok dan seterusnya sehingga selesai lapan yang ada dalam senarai pada saya ini. Jadi, silakan Yang Berhormat teruskan.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jadi kerana *breast cancer* iaitu dengan izin, kita kehilangan *first lady* kita yang dikasihi dengan izin, iaitu Almarhumah Datin Seri Hendon pada bulan Oktober tahun yang lalu.

Jadi demi meningkatkan kesedaran untuk mengesan kanser pada peringkat yang lebih awal di kalangan wanita, syabas kepada kerajaan yang telah memperuntukkan sebanyak RM50.00 iaitu separuh daripada kosnya sebagai subsidi untuk setiap ujian saringan *mammogram* yang dibuat di klinik ataupun hospital swasta yang berdaftar dengan LPPKN. Kini program sudah ada, wangnya pun ada. Maka saya menyarankan supaya pihak LPPKN dapat merancang dan melaksanakan program ini dengan bersungguh-sungguh dan secepat mungkin melalui kaedah promosi yang berkesan kepada semua lapisan masyarakat sama ada di bandar ataupun luar bandar dan dapat memanfaatkan rakyat jelata.

Langkah yang ketiga ialah menggalakkan pihak swasta untuk menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja sebagai langkah untuk membolehkan *career woman* dengan izin, untuk terus bekerja dan menyumbang kepada ekonomi negara di samping menunaikan tanggungjawab keibubapaannya. Untuk ini syabas diucapkan kepada kerajaan kerana keprihatinannya terhadap isu ini di mana RM80,000.00 telah pun diperuntukkan untuk geran pelancaran *one off* bagi kementerian untuk mewujudkan pusat penjagaan kanak-kanak di semua jabatan kerajaan. Walau bagaimanapun, memandangkan bukan semua wanita yang bekerja adalah merupakan penjawat awam malahan segolongan besar bekerja dengan syarikat swasta. Maka saya menyarankan supaya semua syarikat swasta besar di negara ini diwajibkan untuk mengadakan pusat penjagaan kanak-kanak sebagai faedah sampingan untuk kebajikan pekerjanya.

Selain itu berhubung dengan isu yang disarankan oleh Yang Berhormat Puan Mumtaz sebentar tadi tentang warga tua dan pembangunan insan. Dalam usaha kita mencapai Wawasan 2020 untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara maju, jangan pula kita lupa tentang golongan warga emas khususnya ibu bapa yang tinggal di kampung setelah anak mereka berhijrah ke bandar untuk mencari pekerjaan. Oleh kerana anak-anaknya masing-masing sibuk dan tinggal berjauhan, golongan ini didapati seolah-olah telah dilupai dan diabaikan oleh

masyarakat tanpa ada sebarang pendapatan untuk saraan hidup mereka. Kecualilah bagi golongan yang berpencen.

Persoalannya ialah apakah maknanya kalaulah generasi muda kita berjaya dan dapat hidup mewah di bandar sedangkan kedua-dua ibu bapanya terpaksa hidup menderita di kampung halamannya? Apakah maknanya jika negara kita mencapai kemajuan sedangkan rakyat kita tidak tahu mengenang jasa ibu bapa dan tidak tahu apakah ertinya kesyukuran?

Oleh itu, saya merayu kepada kerajaan supaya seperti kepada suri rumah tangga untuk mewajibkan rakyat yang bekerja di Malaysia melalui satu akta perundangan untuk mencarumkan sebahagian daripada pendapatan bulannya ke akaun kedua ibu bapa yang telah bersara secara automatik seperti yang diamalkan oleh sistem KWSP...

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Pohon laluan.

**Puan Heng Seai Kie:** Ya, dipersilakan.

**Puan Wan Ubaidah binti Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebentar tadi Yang Berhormat telah pun mencadangkan supaya seorang yang bekerja itu, seorang lelaki terutamanya mencarum kepada isteri. Dan sekarang Yang Berhormat mencadangkan pula supaya caruman juga dibuat kepada kedua ibu bapa. Memang itu adalah menjadi tanggungjawab. Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat, berapakah gaji minimum yang sepatutnya diperoleh oleh seseorang itu untuk menyara keluarganya dan juga kedua ibu bapanya dalam konteks kita hari ini di Malaysia. Terima kasih.

**Puan Heng Seai Kie:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak dapat menjawab secara tepat soalan itu kerana untuk kos hidup kita pada hari ini, kos hidup setempat itu adalah berbeza-beza mengikut kawasan. Walau bagaimanapun ini hanya sebagai satu langkah untuk memupuk nilai kesyukuran di kalangan generasi muda. Boleh saya teruskan? Dengan ini diharapkan kita dapat memupuk sikap kesyukuran dan sikap menghormati dan menyayangi ibu bapa di kalangan generasi muda kita ke arah membentuk sebuah masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya saya amat sedih untuk membuat cadangan ini bahawa hari ini kita terpaksa mewajibkan dan memaksa generasi muda ataupun anak-anak kita untuk menyara hidup ibu bapa mereka melalui peruntukan satu akta perundangan. Sedangkan itu memang merupakan tanggungjawab dan kewajipan semula jadi kita sebagai seorang anak. Berhubung dengan ini, saya juga ingin menyarankan supaya faedah kesihatan yang dihadkan kepada *immediate family* dengan izin, iaitu isteri ataupun suami dan anak Ahli Dewan Negara dapat dipanjangkan oleh kerajaan kepada ibu bapa kami semua. Berasaskan konsep Kepimpinan Melalui Teladan.

Berhubung dengan usaha untuk mengurangkan pengangguran di kalangan graduan pula, kita tahu bahawa sehingga akhir suku pertama tahun ini rekod Jabatan Perangkaan menunjukkan

terdapat 31,000 orang graduan lepasan ijazah masih menganggur dan berdaftar. Adalah dipercayai bahawa jumlah sebenarnya adalah lebih besar dan lebih membimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, kita dapati bahawa walaupun pelbagai usaha telah dilaksanakan kerajaan dengan peruntukan berbilion-bilion ringgit yang dicurahkan kepada Kementerian Sumber Manusia untuk program seperti Skim Latihan Graduan untuk melatih semula dan melengkap graduan dengan kemahiran seperti bahasa Inggeris, ICT dan lain-lain yang kononnya diperlukan mengikut tuntutan pasaran buruh semasa. Namun masalah ini nampaknya bukan sahaja tidak dapat diatasi malahan bertambah serius dari tahun ke setahun sejak tahun 2001. Sehubungan dengan itu, saya menyarankan supaya kerajaan menyemak semula pendekatan yang digunakan yang kini ternyata kurang berkesan.

Dan marilah kita merujuk kepada pepatah "*kalau tersesat di hujung jalan, balikkah ke pangkal jalan*". Iaitu daripada kita terus mencurahkan berbilion-bilion ringgit setiap tahun untuk mengubah suai, untuk memperbaiki graduan yang '*defect*', dan dikatakan '*jargon*' dengan izin, hasil daripada sistem pendidikan kini yang dikatakan tidak kompeten kepada tuntutan pasaran semasa, adalah lebih baik kalaulah kita gunakan wang peruntukan itu untuk Kementerian Pengajian Tinggi dan Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengkaji semula dan mengemaskinikan sukatan pelajaran baik di peringkat sekolah rendah ke peringkat pengajian tinggi mengikut tuntutan sebenar pasaran buruh semasa.

Selain daripada itu, berhubung dengan pendidikan khas, saya juga difahamkan bahawa kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM18 juta untuk melatih guru bagi mengesan dan mengenal pasti pelajar dan kanak-kanak yang pekak dan *autisme* sejak bulan September yang lalu. Persoalannya ialah kenapakah program ini belum dilaksanakan seperti yang dirancang dan ke mana perginya pula wang peruntukan tersebut?

Selain itu, syabas kepada kerajaan kerana telah meluluskan peruntukan untuk menawarkan biasiswa JPA kepada pelajar cemerlang dari keluarga berpendapatan kurang daripada RM1,500 sebulan yang memperoleh 10A. Walau bagaimanapun saya menyarankan supaya satu sistem pelaksanaan yang menyeluruh dirancang supaya proses pemilihan calon adalah telus, adil dan saksama. Ini adalah penting bagi memastikan supaya semua pelajar yang bermanfaat nanti adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar layak seperti syarat yang ditetapkan.

Maka dengan itu saya mohon untuk menyokong rang undang-undang ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Tepat pada masa, terima kasih. Saya jemput Yang Berhormat Dato' Musa. Sebenarnya Datuk Yaakob Haji Mohammad telah tercicir dari giliran kerana mungkin beliau keluar sebentar agaknya. Kita akan cuba beri peluang kepada Datuk Yaakob esok mungkin selepas Dr. Lee Chong Meng. Tetapi sekali lagi kiranya Yang Berhormat dapat memujuk kerajaan supaya bersetuju kerana kerajaan mempunyai majoriti

dalam Dewan ini dibentangkan usul supaya perbahasan diteruskan sehingga lepas 5.30 petang esok, bolehlah semua Yang Berhormat dapat peluang untuk berucap. Itu pun jika dihadkan lebih kurang 30 minit bagi tiap-tiap seorang Yang Berhormat. Silakan Dato' Musa.

#### **5.16 ptg.**

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberi peluang kepada saya untuk sama-sama membahaskan Bajet 2007 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, iaitu Menteri Kewangan Kedua baru-baru ini. Bajet 2007 satu bajet mesra rakyat, bajet yang diilhamkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, iaitu Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi adalah satu bajet untuk semua rakyat baik golongan yang tinggi, rendah dan sederhana. Jadi bajet ini adalah untuk semua kaum bukanlah untuk sesuatu kaum sahaja.

Tuan Yang di-Pertua kita bercakap tentang Perlembagaan, memanglah 50 tahun kita sudah pun merdeka banyak perkara yang telah pun berlaku. Tetapi kerana perpaduan kita, perpaduan kaum kita maka kita dapat stabil kan negara kita. Sebab itu negara-negara di luar, negara-negara maju begitu cemburu sekali di atas kestabilan negara kita. Maka dengan kestabilan kita, kita dapat menarik banyak pelabur untuk melabur di negara ini.

Tetapi keikhlasan kita tentang Perlembagaan ini, jangan kita suruh orang lain bercakap tentang Perlembagaan kalau kita sendiri tidak ikhlas untuk mempertahankan Perlembagaan atau menyokong Perlembagaan. Misalnya kita menyentuh hak keistimewaan orang lain, menyentuh hak agama orang lain, menyentuh budaya orang lain maka sudah tentulah kaum itu akan mempertahankan haknya. Adakah ini mengatakan bahawa beliau tidak ataupun kaum itu tidak mendukung Perlembagaan? Tidak benar. Jadi semua orang ada Perlembagaan, Perlembagaan telah termaktub patut kita semua menyemak Perlembagaan dan jangan mempertikaikan antara satu sama lain. Dengan adanya Perlembagaan ini dengan kita lafazkan Perlembagaan ini dengan kita fahamnya Perlembagaan ini bukan untuk kepentingan kaum kita, untuk kepentingan politik kita ataupun untuk kepentingan siapa, maka insya-Allah negara kita akan aman dan maju.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan Yang Berhormat yang pakai baju kurung yang comel, tahniah Yang Berhormat pakai baju kurung. Jadi...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang pakai baju kurung itu cukuplah, yang comel itu tidak perlulah.... [*Ketawa*]

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua kita lihat soal pengangguran siswazah di negara kita. Kenapakah pengangguran...

**Tuan Yang di-Pertua:** Bukan dari segi apa Yang Berhormat, jangan salah anggap dari segi *gender equality*. Kalau kita sebut dia orang itu comel-comel dia orang kata kita tidak hormat dia orang. Sila.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang di-Pertua tiap-tiap barang yang kita sebut untuk kebaikan, barang-barang yang baik itu kita menghormati beliau, itu perkara yang baik Tuan Yang di-Pertua bagi saya.

Tuan Yang di-Pertua, soal siswazah menganggur. Kita lihat hari ini saya setuju dengan Yang Berhormat tadi bahawa peruntukan-peruntukan yang ada baik daripada sekolah rendah, daripada sekolah menengah, kita mari daripada sekolah menengah dan terus ke menara gading menjadi seorang siswazah. Apabila kita keluar sebagai seorang siswazah kenapa tidak mendapat kerja? Apakah ciri-ciri yang membolehkan siswazah ini mendapat pekerjaan? Maka oleh itu mungkin daripada sekolah rendah macam Kementerian Pelajaran, Kementerian Pendidikan dan juga daripada pihak universiti sendiri patut kaji semula apakah kaedah-kaedah yang ada ataupun mata pelajaran-mata pelajaran yang diajar itu sudah lapuk, tidak boleh diterima pasaran sekarang.

Kita lihat di UiTM sendiri ada rakan-rakan saya yang mengambil kursus Hotel Catering. Apabila di UiTM sendiri kursus, apabila dia pergi ke hotel alat-alat itu sudah lain. Hotel ini alat-alat sudah canggih, alat-alat mungkin di setengah universiti itu sudah 10, 20 tahun dahulu. Sebab inilah kita katakan pasaran, kita kena ikut pasaran apa yang berlaku pada hari ini. Oleh itu saya mencadangkan supaya perancangan guna tenaga atau masalah pengangguran ini ditubuhkan satu jabatan khas atau jawatankuasa yang menguruskan atau mengawal selia perancangan guna tenaga negara dengan menerapkan Kementerian Pelajaran, Kementerian Pengajian Tinggi dan juga Kementerian Sumber Manusia dalam satu gagasan ke arah memantapkan perancangan pendidikan warga masa akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kita beralih kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini adalah kementerian yang akan melahirkan usahawan. Hari ini kita lihat banyak konsep, konsep payung macam-macam konsep. Tetapi hari ini kita hendak tahu daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi berapa ramai kah usahawan-usahawan dilahirkan di bawah konsep payung itu? Hari ini kita lihat Tuan Yang di-Pertua pelaksanaan dia apa yang membimbangkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam bajet beliau semasa beliau membentangkan Bajet 2007, yang membimbangkan beliau adalah pelaksanaan. Pelaksanaan ini juga akan menyulitkan akan membantutkan kerancangan ekonomi.

Yang kedua adalah birokrasi dan yang ketiga adalah sistem penyampaian. Jadi ketiga-tiga ini kalau tidak diawasi sudah tentulah akan membantutkan Bajet 2007.

Jadi oleh itu kementerian-kementerian yang bertanggungjawab seperti Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tidak boleh selalu menukar dasar. Apabila kita menukarkan dasar daripada kementerian maka banyak usahawan kita telah pun mengalami kerugian. Saya ingin beri satu contoh tentang konsep payung ini iaitu pengusaha-pengusaha perabot. Pengusaha-pengusaha perabot ini pada mulanya telah pun berjalan dengan begitu baik

sekali dan apabila Guthrie Furniture telah dilantik sebagai *anchor*, maka *furniture*, perabot ini yang dilahirkan pada tahun 1983 dan pada itu 138 syarikat bumiputera dengan pelaburan dianggarkan berjumlah RM150 juta. Tetapi selepas tahun 2005 apabila Kementerian telah menukar dasarnya bahawa konon-kononnya Kementerian Kewangan tidak setuju untuk memberi kita kata *outright tender* dengan Kementerian Kewangan. Maka terpaksa dibatalkan Guthrie Furniture ini sebagai *anchor* tender. Maka selepas itu mereka jadi kelam kabut pengusaha-pengusaha perabot ini.

Bagi saya ini adalah satu cara yang kita telah pun melahirkan begitu ramai usahawan bumiputera lepas itu kita tinggalkan begitu sahaja. Apabila mereka telah mendapat *anchor* tender, mereka telah pun mendapat kontrak jaminan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi tadi bahawa mereka telah pun menyediakan tanah buat bangunan, beli mesin. Tetapi apabila tender ini dibatalkan maka sudah tentulah menyulitkan bumiputera ini. Sebab ini salah siapa? Inilah pelaksanaan tidak diteruskan. Jadi lepas daripada 138 syarikat bumiputera sekarang hanya tinggal 90 sahaja yang tunggu bila-bila masa sahaja hendak tutup syarikat. Jadi saya ingin menyarankan kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi supaya panggil mereka ini berjumpalah sebab ini dilahirkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, ini adalah konsep payung.

Kita lihat hari ini mereka ini telah diberi, apabila tender Kementerian Kewangan tarik balik semua mereka ini diletakkan di bawah tiap-tiap kementerian. Kementerian Pelajaran, Kementerian Pertahanan dan kementerian-kementerian lain lagi. Jadi apabila mereka mendapat tender juga menyulitkan. Bagi, kata bulan 12 hendak habis, bulan 10 dia kata hendak bagi, *okay one million*, satu juta minta maaf tetapi dia bagi lima ratus ribu. Lima ratus ribu itu pun dia bagi, dia tolak dia bagi tiga ratus ribu. Apabila tiga ratus ribu ini dia menyalurkan kepada pengusaha ini bulan 10, pada bulan 12 dia suruh selesaikan masalah ini. Inilah berlakunya ketirisan Tuan Yang di-Pertua. Kita menyalahkan pengusaha bumiputera - ketirisan. Ini salah satu ketirisan. Kalau tiga bulan dia beli mesin, dia buat bangunan dia supaya dapat menjalankan perniagaan dengan begitu baik sekali, apabila ditarik balik perniagaannya bagi tiga ratus ribu macam mana dia hendak *cover* rugi dia, bagaimana dia hendak jalankan perniagaan. Sudah tentu perniagaannya akan tutup. Jadi inilah masalahnya yang saya berharap kepada Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi perhati-perhatilah perkara ini supaya jangan kita hanya melahirkan, lepas itu kita tinggalkan anak-anak ini di tepi jalan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua satu lagi perkara iaitu tentang syarikat-syarikat GLC ini. Kita bercakap soal pertanian. Saya setuju pertanian, petani memang ada tanah, tetapi bagaimanakah petani ini hendak bangunkan tanahnya kalau tidak ada modal? Biar betul pejabat pertanian bagi, RISDA bagi, Yang Berhormat daripada Jasin bagi, banyak mana yang mereka ini bagi? Hari ini kita menggalakkan siswazah berniaga, siswa tani. Suruh siswa jadi siswa tani, tetapi apakah

pertolongan yang kita tolong mereka ini? Kalau ada bank daripada 54 hari ini tinggal 10 tidak lama lagi tinggal 9.

Saya setuju macam Yang Berhormat Datuk Jins Shamsudin bahawa Bank Bumiputera pun sudah hendak hilang. Bank Bumiputera kemegahan kita akan hapus bila-bila masa sudah pun hapus. Jadi daripada 54 bank tinggal 10 bank dan yang akhir sekali saya dengar 9 gabungan bank ini. Apabila 9 bank yang akan digabungkan bagaimanakah mereka ini hendak bantu usahawan-usahawan kecil ini, sudah tentu mereka akan ingat korporat-korporat yang tinggi. Mereka ada pula *key performance index* atau KPI. Guru-guru di cawangan-cawangan kena ikut KPI. Kalau bagi hutang lapuk tidak naik jawatan bonus tidak dapat.

Jadi mereka ini ada setengah pegawai-pegawai yang duduk di bank hendak tolong orang maju, tetapi tidak boleh dengan ada syarat-syarat itu tidak boleh. Mereka tidak boleh membantu kerana ada syarat-syarat yang ketat begini. Jadi saya bercadang kalau kita bercakap lancarkan ekonomi usahawan-usahawan ini kita kena jaga. Jadi saya bercadang kepada Kementerian Kewangan sendiri kalau sudah bank-bank besar ini tidak mahu bagi pinjaman kepada usahawan-usahawan kecil ini, tiap-tiap negeri kita bagi dia lesen untuk bank-bank yang kecil ini. Kalau tiap-tiap negeri ada bank sudah tentu dia akan asuh usahawan-usahawan ini, dia akan jaga usahawan-usahawan ini supaya ada pinjaman-pinjaman yang kecil ini sudah tentulah akan merencanakan lagi ekonomi di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi pihak Pulau Pinang saya hendak bercakap satu lagi tentang Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini, teksi di Pulau Pinang yang bermeter. Banyak masalah hari-hari baca dalam surat khabar, kami Pulau Pinang ini malu. Tolong, tolong selesaikanlah.

Masalah hari ini masalah depa guna meter. Kita lihat di Pulau Pinang ini kata di Georgetown kalau kami panggil Tanjong, Georgetown Tuan Yang di-Pertua. Daripada Georgetown kita hendak pergi ke lapangan terbang dekat, tidak boleh banding dengan Kuala Lumpur, tidak boleh banding dengan Johor, tidak boleh banding dengan negeri-negeri lain, dekat. Jadi kalau dekat kita gunakan meter berapa sen sangat pemandu teksi ini dapat. Kementerian kata tidak boleh naik. Ini satu perkara yang patut kita selesaikan dengan segera. Kita hendak harap kementerian, kita hendak harap kerajaan negeri, kerajaan negeri tidak berkuasa. Kerajaan negeri boleh panggil bincang tetapi yang ada kuasa adalah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Lesen ini di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi. Jadi kalau kita dok ugut tidak naik harga kita akan tarik permit. Ini satu perkara bagi saya tidak logik. Hari ini kita boleh ugut rakyat, satu hari ada masa rakyat juga boleh ugut kita, kita kena ingat. Kita perlukan pertolongan rakyat. Tidak ada gunanya ugut.

Jadi kalau kerajaan negeri kita tengok MAS, MAS mengalami kerugian naik tambang. TNB kerugian Tuan Yang di-Pertua, tarif elektrik dinaikkan. Jadi apa bezanya dengan pemandu-

pemandu teksi ini dengan pemilik-pemilik teksi. Mereka juga berhak untuk mendapat keadilan. Kalau kerajaan boleh buat syarikat GLC ini kenapa kerajaan tidak boleh lihat usahawan-usahawan ini pemilik teksi ini. Kita kena ingat pemilik teksi ini kalau di Pulau Pinang ini kami negeri pelancongan. Kalau teksi ini boikot dia pelancong tidak akan datang, Pulau Pinang akan mengalami kerugian. Tolonglah ini, perkara ini begitu lama sekali di mana sahaja orang akan bercakap soal ini. Jadi saya mintalah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ini supaya selesaikan masalah ini dengan segera. Dan satu lagi saya ingin menyentuh tentang tarif elektrik, kenaikan elektrik. Memang dalam persidangan yang lepas Tuan Yang di-Pertua saya telah pun bersuara dan ada wakil daripada Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi sendiri hadir.....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh sambung kupas perkara berkenaan esok.

**Dato' Musa bin Haji Sheikh Fadzir:** *Okay*, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-Ahli Yang Berhormat masa cukup. Mesyuarat ditangguhkan, Dewan bersidang semula pada pukul 10.00 pagi esok.

***Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.***